

**Jilid III
Bil. 12**



MALAYSIA

**Hari Rabu
1hb April, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1377]**

USUL:

Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 [Ruangan 1421]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading)**.

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**,
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat)**.

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching)**.

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis)**.

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat)**.

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (KOTA BHARU)**.

„ Menteri Pelajaran, **DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. S.S.I.J. (Labis)**.

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan)**.

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam)**.

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO SHARIEF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut)**.

„ Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai)**.

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut)**.

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping)**.

„ Menteri Pertanian, **DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu)**.

- Yang Berhormat Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S., (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K., (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- Yang Berhormat TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S.(Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahaya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 1hb April, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

TENTERA UDARA DI RAJA MALAYSIA—
KEMALANGAN KAPALTERBANG

1. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar kapalterbang Tentera Udara Di Raja Malaysia kerap sangat jatuh dan menyebabkan Juruterbangnya terkorban; jika sedar,

- (a) apakah nama jenis kapalterbang yang pernah jatuh dan juruterbang yang pernah jatuh dan juruterbang-juruterbang yang terkorban; dan
- (b) adakah beliau bercadang supaya diganti dengan kapalterbang jenis lain pula.

31. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertahanan menyatakan bila penggunaan kapalterbang Jet Tebuan akan dihentikan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan-soalan yang berkaitan dengan kemalangan pesawat-pesawat terbang TUDM yang ditujukan kepada Kementerian saya pada keseluruhannya adalah dalam bentuk yang seakan-akan sama, maka saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini bersekali dengan pertanyaan daripada Ahli

Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada hari ini iaitu soalan No. 31; Ahli Yang Berhormat dari Panti pada 3hb April, 1981; Ahli Yang Berhormat dari Maran pada 6hb April, 1981.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang boleh dirujuk kepada soalan-soalan pada hari ini sahaja. Kalau ada soalan yang sama pada hari lain, bila timbul masanya soalan itu, pada masa itu bolehlah kata perkara itu sudah dijawab pada tarikh ini iaitu 1hb April, 1981.

Sila teruskan!

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang kemalangan-kemalangan yang berlaku ke atas pesawat-pesawat TUDM, terutamanya kejadian dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kemalangan kapalterbang helikopter adalah satu perkara yang tidak dapat diramal dan dielakkan oleh mana-mana tentera udara, ianya hanya dapat diperkurangkan sahaja. Mana-mana Angkatan Tentera Udara di dunia ini apabila menggunakan pesawat jet untuk melatih juruterbang-juruterbang baru yang kurang berpengalaman mestilah mengalami beberapa kemalangan. Namun demikian, tidaklah bermakna bahawa Kementerian saya dan pihak TUDM memandang ringan di atas setiap kemalangan yang berlaku. Bagi tiap-tiap kemalangan, Kerajaan bukan sahaja akan kehilangan harta bahkan juga Negara kehilangan anak-anak kapal itu sendiri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa semenjak TUDM ditubuhkan hampir 23 tahun yang sudah, sebanyak 22 buah pesawat terbang TUDM telah jatuh terhempas dan melibatkan seramai 34 orang anak-anak

kapal terkorban. Di antara pesawat-pesawat terbang TUDM yang pernah jatuh terhempas adalah pesawat jenis Single Pioneer, Twin Pioneer, Caribou, Alloutte, Nuri, Bulldog dan Tebuan. Kemalangan-kemalangan ini berlaku semasa menjalani tugas-tugas operasi dan juga latihan. Dari jumlah kemalangan-kemalangan tersebut, pihak Kerajaan dan Tebuan mengalami kerugian yang banyak. Saya tidak bercadang untuk menerangkan jumlah kerugian bagi tiap-tiap kemalangan, tetapi bagi tiap sebuah kapal terbang yang jatuh kerugian ditaksirkan seperti berikut:

| | |
|----------------------------|------------|
| (i) Single Pioneer | \$250,000 |
| (ii) Twin Pioneer | \$520,000 |
| (iii) Caribou | \$2 juta |
| (iv) Alloutte | \$1.2 juta |
| (v) Nuri | \$3.5 juta |
| (vi) Bulldog | \$86,820 |
| (vii) Tebuan | \$2.0 juta |

Kerugian adalah atas kehilangan pesawat sahaja dan tidak meliputi kerugian kehilangan nyawa dan kerugian lain yang sukar dipastikan.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan yang berlaku ke atas pesawat Tebuan pada 10hb Februari, 1981 adalah satu kemalangan yang dipandang berat oleh Kementerian saya dan pihak TUDM. Bagi pesawat Tebuan, semenjak ianya digunakan pada tahun 1967, sebanyak lapan kemalangan telah berlaku, di mana enam dari kemalangan-kemalangan tersebut termasuk kemalangan yang berlaku pada bulan Februari lalu telah mengakibatkan 9 juruterbangnya terkorban. Hasil penyiasatan yang dijalankan oleh pihak berkenaan menunjukkan bahawa kebanyakan kemalangan yang berlaku adalah berpunca dari kesilapan pemandu-pemandu itu sendiri di samping kesilapan-kesilapan yang lain seperti kesilapan teknikal dan keadaan cuaca buruk.

Dari kajian-kajian yang dibuat, pihak TUDM telah memutuskan bahawa pesawat Tebuan, walaupun kini berusia lebih 14 tahun masih selamat digunakan untuk latihan penerbangan, kerana rancangan baikpulihan TUDM untuk pesawat ini adalah mencukupi dan memuaskan. Pihak TUDM tidaklah boleh menghentikan seluruh perkhidmatan jet Tebuan secara mendadak kerana ia akan

menjejaskan rancangan melatih juruterbang-juruterbang TUDM.

Walau bagaimanapun, Kerajaan ada rancangan untuk mengganti pesawat-pesawat yang telah lama digunakan seperti pesawat Tebuan dengan pesawat Pejuang Skyhawk yang lebih moden dengan hasrat Kerajaan untuk melengkapkan TUDM dengan kelengkapan yang lebih moden dan sophisticated. Urusan-urusan penggantian ini sedang dijalankan sekarang. Sekuaderan Pertama dijangka siap dalam tahun 1982/83 dan dua lagi pada 1983/84. Untuk kegunaan melatih pemandu jet pula, TUDM sedang berusaha membeli advanced Jet Trainer yang baru iaitu 6 buah dijangka sehingga 1983 dan 6 buah lagi selepas 1983. Untuk latihan penerbangan peringkat asas, pesawat Bulldog akan digantikan dengan pesawat pelatih yang lebih moden (turbo trainer).

Di dalam usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan-kemalangan yang tidak diinginkan ini, pihak TUDM sendiri telah mengambil beberapa langkah yang sewajarnya, umpamanya, mengganti pesawat-pesawat yang telah lama dipakai dengan pesawat-pesawat yang lebih baru dan moden untuk mengurangkan tahap bahaya yang dihadapi oleh penerbang-penerbang TUDM. Pegawai-pegawai TUDM akan diberi kematangan yang setimpal dengan pekerjaan mereka. Dengan itu, pegawai-pegawai TUDM, khasnya bakal-bakal penerbang, diberi latihan yang bersesuaian sebelum ianya dibenarkan memandu pesawat-pesawat latihan TUDM.

Kita sentiasa berdoa supaya apa-apa kemalangan tidak berlaku di samping tindakan-tindakan tertentu diambil untuk mencegah kemalangan. Langkah-langkah ini, selain yang saya sebutkan tadi, termasuklah meningkatkan lagi mutu pengawasan dan penyediaan di kalangan kakitangan pengawas pesawat-pesawat TUDM, memberi pengetahuan dan pelajaran kepada semua anggota mengenai keselamatan penerbangan dan juga mengadakan penyiasatan dan penyelidikan yang meliputi perkara-perkara yang merbahaya untuk mencegah kemalangan.

Dato' Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat mana benarnya pendapat bekas Perdana Menteri Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, berhubung dengan jet Tebuan yang mengikut beliau jet Tebuan itu sudah lama (outdated) dan patut dikondem. Apakah Kementerian hendak kondem terus penggunaan jet Tebuan yang digunakan oleh TUDM?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bertanya pendapat, itu ditegah oleh Peraturan Mesyuarat, tetapi kalau bertanya sudah dikondem atau belum.....

Dato' Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan akhir.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seperti yang saya jawab sebentar tadi belum lagi kita hendak kondem. TUDM masih memerlukan pesawat-pesawat itu, tetapi kalau hendak diganti mestilah berperingkat-peringkat.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Soalan tambahan. Dari jawapan Timbalan Menteri Pertahanan tadi nampaknya TUDM kita telah wujud semenjak 23 tahun lalu, adakah atau tidak kapalterbang atau pesawat yang umurnya lebih 15 tahun ataupun kalau tidak berapa umur pesawat itu paling tua sekali yang kita masih gunakan pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua: Itu kalau Timbalan Menteri sudah ada umur pesawat itu boleh dijawab, kalau tidak, tentu berkehendakkan notis.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Saya berkehendakkan notis.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Dari angka yang diberi oleh Timbalan Menteri itu kita dapat tahu bahawa hampir setiap tahun ada sebuah kapalterbang terlibat dalam kemalangan dan hampir 24 nyawa sudah terkorban sejak kemerdekaan dalam tempoh 23 tahun. Adakah pihak Kementerian Pertahanan akan mempertingkatkan sistem latihan, nampaknya sistem latihan merupakan satu faktor utama yang mengakibatkan banyak berlakunya

kemalangan baik dalam operasi atau latihan?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah ada dijelaskan, adakah hendak tambah lagi?

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tidak ada.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan tambahan. Keseluruhan lapanganterbang tentera di negara kita ini terletak di tepi laut, di Pengkalan Chepa ataupun di Kuantan dan lain-lain. Bolehkah Dewan ini tahu mana besar kemungkinan juruterbang itu mati bila kapalterbang itu jatuh di darat dengan kapalterbang itu jatuh dalam laut. Sekiranya kemungkinan mati yang jatuh dalam laut itu kurang, bolehkah atau tidak pihak Kementerian tetapkan kawasan latihan mesti di kawasan laut dan kita boleh buat persiapan untuk mengurangkan kehilangan nyawa waktu juruterbang itu jatuh dalam laut.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk mana-mana pihak memastikan kemungkinan sama ada lebih banyak juruterbang mati di laut ataupun di darat. Ini adalah di tangan Allah subhanahu wataala. Namun demikian, pihak Kementerian apabila menetapkan pengkalan TUDM adalah berdasarkan beberapa faktor tertentu, terutama dari segi kesesuaian dan juga dari segi strategi tempat-tempat yang berkenaan dan kalau pengkalan itu terletak di tepi pantai, itu adalah secara kebetulan sahaja.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, adakah kemalangan-kemalangan yang berlaku itu berlakunya sewaktu menjalankan tugas di sempadan umpamanya atau di dalam masa latihan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan itu juga sudah dijawab, dalam jawapan ada terkandung.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan saya mana kematian yang lebih banyak, kemalangan yang berlaku semasa menjalankan tugas atau yang berlaku semasa

dalam latihan, mana yang lebih banyak jatuh?

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Mengikuti rekod yang ada daripada 22 kemalangan, 13 adalah berlaku pada masa menjalankan tugas dan operasi dan 9 di dalam masa latihan.

Tuan Lee Kaw: Solan tambahan. Menurut jawapan Timbalan Menteri tadi mengenai fighter plane jenis Tebuan ini masih digunakan, adakah beliau sedar oleh kerana Jet Tebuan itu berumur lebih 14 tahun dan Kanada sudah berhentikan production, maka TUDM tidak boleh dapat alat-alat ganti dan terpaksa dismantle lain-lain kapal terbang oleh kerana tidak ada sparepart?

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kapal terbang-kapal terbang yang telah dibeli pada masa dahulu mempunyai alat-alat yang cukup dan apa yang telah berlaku mana-mana kapal terbang yang tidak digunakan lagi alat-alat kapal terbang itu akan digunakan untuk membaiki kerosakan. Jadi, alat ganti bagi jet Tebuan itu masih ada lagi pada masa ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya sama ada Timbalan Menteri dapat menjelaskan peratusan kemalangan yang berlaku: berapa peratus yang diakibatkan oleh keadaan cuaca, berapa banyak oleh kerana kurang kemahiran ataupun oleh kerana kesilapan teknikal?

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari 22 kemalangan yang saya perkatakan tadi, 8 adalah disebabkan kesilapan juruterbang, 11 technical defect, satu adalah disebabkan hostile action iaitu tindakan daripada penganas, satu disebabkan oleh cuaca dan satu lagi tak dapat dipastikan.

HARGA MINYAK MENTAH— KEPUTUSAN OPEC

2. **Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah langkah-langkah positif telah diambil oleh Malaysia untuk melepaskannya daripada mengalami akibat dari keputusan OPEC yang mahu menaikkan harga minyak sebanyak

10% sepertimana yang dirumuskan di persidangan OPEC di Bali, Indonesia pada 15-12-1980, nyatakan sama ada Malaysia pernah dijemput untuk menganggotai keluarga minyak OPEC demi kepentingan bersama dan ekonomi Malaysia, jika tidak, mengapa.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak boleh mengasingkan diri daripada keputusan-keputusan OPEC untuk menaikkan harga minyak mentah oleh kerana selain daripada sebahagian besar dari minyak mentah yang diproses dalam negeri di import dari negara-negara OPEC, harga minyak mentah keluaran Malaysia juga dipengaruhi oleh harga yang ditetapkan oleh OPEC.

Antara langkah-langkah positif yang diambil untuk mengelakkan akibat kenaikan harga oleh OPEC ke atas kita ialah:

- (a) dengan mengurangkan pergantungan negara kepada minyak yang diimport, dengan memajukan simpanan gas di luar pantai supaya gas asli dapat menggantikan minyak di mana sesuai. Ini bermakna khususnya, gas asli akan beransur-ansur menggantikan minyak bahan api untuk penjanaan elektrik, sementara LPG (Liquified Petroleum Gas) pula akan digunakan sebagai gantian untuk minyak diesel dan minyak petrol di sektor pengangkutan dan minyak tanah bagi kegunaan di rumah;
- (b) menjimatkan simpanan minyak yang diketahui, sejajar dengan "National Depletion policy" yang dilancarkan sejak bulan Jun, 1980. Dasar ini bertujuan untuk memanjangkan seberapa boleh jangkamasa simpanan minyak kita;
- (c) meneruskan usaha mencari gas minyak untuk menambahkan simpanan kita yang diketahui. PETRONAS bercadang membuka 2 kawasan kontrak baru di luar pantai Sarawak untuk dicarigali di tahun ini;
- (d) penggunaan kuasa letrik haidro akan terus diperkembangkan bagi mengurangkan pergantungan kita kepada

kepada stesen-stesen janakuasa minyak; dan tidak ketinggalan juga ialah

- (e) usaha menjimat penggunaan minyak dengan mengguna tenaga secara efisien.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, OPEC merupakan satu organisasi eksklusif yang dianggotai oleh 13 buah negara ahli sahaja jika dibandingkan dengan wujudnya lebih dari 60 negara pengeluar minyak. Di antara syarat untuk menjadi ahli ialah sesebuah negara itu mesti menjadi negara pengeluar dan pengeksporth minyak mentah yang besar misalnya mengeluarkan sekurang-kurang 1% jumlah pengeluaran minyak dunia atau lebih kurang 600,000 tong sehari. Malaysia adalah negara pengeksporth minyak mentah yang kecil dan oleh kerana kita mungkin menjadi negara net pengimport pada 1987 nanti, soalan sama ada kita akan memasuki OPEC tidak timbul. Lagi pun kita tidak pernah dijemput untuk menjadi ahli OPEC.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa memandangkan negara Malaysia ialah sebuah negara pengeluar minyak mentah, maka adakah Kerajaan bercadang untuk mengatitkan satu strategi baru di mana pengguna-pengguna minyak boleh mendapat untung daripada pengeluaran minyak itu dan tidak payah menjadi mangsa kepada negara-negara OPEC?

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, strategi kita adalah lebih baru daripada strategi yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat kerana bukan sahaja penggunaan minyak di dalam negara kita ini akan merasai keuntungan daripada pengeluaran minyak daripada negara kita, tetapi semua rakyat Malaysia akan merasai nikmat daripada pengeluaran minyak ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh sebab Malaysia bukanlah menjadi anggota dalam OPEC ini sama ada

keputusan-keputusan yang dibuat oleh negara-negara OPEC itu mesti diikuti ataupun dipatuhi oleh Malaysia sebab di dalam soal ini kita juga ada memasarkan dan mengeksporthkan minyak ini keluar negeri ataupun tidak?

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak mematuhi kepada keputusan OPEC, tetapi apabila ini mendatangkan keuntungan kepada kita, kita akan patuhi, umpamanya, kalau OPEC menentukan harga minyak dijual dengan harga yang murah maka kita akan membeli daripada OPEC dengan harga yang murah. Sebaliknya kalau harga yang mereka menjual adalah jauh lebih rendah daripada harga yang kita menjual minyak kita, maka kita akan jual minyak kita dengan harga yang lebih tinggi.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Oleh kerana OPEC telah memutuskan untuk menaikkan harga minyak sebanyak 10%, maka untuk mengelakkan inflasi di Malaysia yang kian meningkat dari tahun ke tahun bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberikan satu jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa dalam masa tempoh setahun ini Malaysia tidak akan dipengaruhi kerana kenaikan harga minyak oleh OPEC?

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Kerajaan di dunia ini yang boleh memberi jaminan tentang inflasi dan inflasi bukan disebabkan oleh harga minyak semata-mata, tetapi disebabkan oleh lain-lain kenaikan harga, umpamanya kenaikan harga gula tidak bergantung kepada minyak, tetapi kerana harga gula telah meningkat sebanyak 500%.

PETRONAS— EKSPORT MINYAK

3. **Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar PETRONAS telah hilang lebih kurang \$200 juta dalam wang pertukaran asing bagi tahun berakhir 1978 dan 1979 sedangkan Esso Productions Malaysia Incorporated telah beruntung berjuta-juta ringgit dalam wang pertukaran asing bagi tempoh yang sama, jika ia, sama ada beliau akan mengarah

diadakan satu siasatan ke dalam perkara ini; jika tidak, mengapa?

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pendapatan PETRONAS dari eksport minyak dan pendapatan yang lain adalah sebahagian besarnya diterima dalam matawang-matawang asing, PETRONAS tentulah selalu terdedah kepada risiko-risiko kerugian dan juga keuntungan daripada pertukaran matawang asing yang disebabkan oleh kadar pertukaran yang turun naik.

PETRONAS menjeniskan kerugian-kerugian daripada pertukaran matawang asing yang berpunca dari urusan pertukaran matawang asing kepada 2 kategori:

- (i) Pertama, kerugian yang tersendiri (realisable) ke atas pertukaran pendapatan-pendapatan dari eksport yang diterima dalam matawang asing kepada ringgit.
- (ii) Kedua, kerugian yang tidak disedari (unrealisable) atau "Book Losses" akibat daripada perubahan-perubahan dalam nilai harta matawang-matawang asing, sebagaimana terdapat pada tiap-tiap akhir tahun kewangan, dalam ringgit pada kadar-kadar pasaran.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kerugian-kerugian yang disedari yang mana lebih penting, adalah kecil berbanding dengan jumlah kesemua pegangan matawang asing PETRONAS.

Saya fikir adalah tidak perlu bagi apa-apa siasatan dijalankan dalam perkara ini kerana dalam bidang pengurusan kewangan ini PETRONAS menggunakan perkhidmatan pengurus-pengurus portfolio kewangan (financial portfolio managers) dari beberapa buah firma yang terkemuka dalam urusan pelaburan kewangannya di dalam dan luar negeri.

Walaupun demikian, harus diingat bahawa tidak ada matawang yang tetap nilainya. Oleh itu, apa juga matawang yang digunakan akan terdedah kepada kemungkinan kerugian kerana jatuh nilai. Sebaliknya, kerap juga nilai

matawang yang diguna itu meningkat. Malangnya, Ahli Yang Berhormat tidak pernah bertanya bila kita perolehi keuntungan dari matawang yang meningkat nilainya.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Menurut jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi PETRONAS ada satu management untuk manage wang asing. Adakah beliau sedar pada tahun 1978/1979, EPMI, (ESSO) pun berniaga bersama-sama PETRONAS, tetapi EPMI mendapat keuntungan daripada foreign exchange dan kita rugi. Adakah management ini up-to-the standard? Jikalau bukan up-to-the standard, kita mesti cari pakar-pakar yang lain yang lebih baik. Wang \$200 juta ini bukan sedikit dan kita bukan banding dengan PETRONAS yang besar, tetapi ini principle kita sudah rugi, itu sahaja. Bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah ulang lagi, sudah cukuplah. Jawapan itupun sudah ada terkandung di dalam jawapan Yang Amat Berhormat tadi, tetapi kalau hendak tambah lagi biar lebih jelas.

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua kata saya telah jelaskan tadi iaitu ada kalanya investment kita ini membawa keuntungan, malangnya tidak ada soalan pada ketika itu.

PETRONAS—KAKITANGAN

4. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pekerja yang bertugas dengan PETRONAS di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mengikut peringkat berikut:

- (a) Pengurus
- (b) Pegawai Eksekutif
- (c) Teknikal
- (d) Perkeranian
- (e) dan lain-lain

dan sama ada PETRONAS akan menimbangkan pengambilan lebih ramai lagi orang tempatan untuk pejabat-pejabat di Sabah dan Sarawak daripada pejabat-pejabat

tersebut dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia.

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan PETRONAS mengikut kedudukan pada 28-2-1981 adalah seperti berikut:

| Jawatan | Semenanjung | Sabah | Sarawak |
|--------------------------|--------------|-----------|-----------|
| (a) Pengurus | 36 | — | 1 |
| (b) Pegawai Eksekutif .. | 331 | 4 | 9 |
| (c) Pegawai Teknikal .. | 376 | 2 | 9 |
| (d) Kakitangan | | | |
| Perkeranian | 878 | 15 | 41 |
| (e) Lain-lain pekerja .. | 578 | 3 | 16 |
| JUMLAH .. | 2,199 | 24 | 76 |

Sememangnya menjadi dasar PETRONAS untuk mengisi kekosongan yang terdapat di pejabat-pejabat PETRONAS di Sabah dan Sarawak dengan anak-anak tempatan yang berkelayakan. Walau bagaimanapun buat masa ini jumlah anak-anak tempatan yang berkelayakan dalam bidang khusus yang diperlukan adalah tidak mencukupi. PETRONAS akan terus berusaha supaya jawatan di kedua-dua negeri ini diisi oleh anak-anak tempatan seberapa ramai yang mungkin.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini di bidang Pengurus, Pegawai Eksekutif, dan Teknikal, ketiga-tiga kategori ini pegawai-pegawai asing telah menduduki beberapa peratus dan juga demi kepentingan ekonomi negara kita khususnya di bidang perusahaan minyak, bilakah kesemua jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai asing ini akan diambilalih oleh anak Malaysia sendiri?

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, perusahaan minyak adalah satu perusahaan yang dinamik yang mana pengetahuan dan teknologi berubah sepanjang masa. Oleh itu, kita tidak dapat memberi jaminan bahawa kita akan menggunakan semata-mata pegawai tempatan sahaja, kita terpaksa menggunakan pegawai asing apabila perlu.

PELABUHAN KELANG

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pentadbiran Pelabuhan Kelang adalah tidak memuaskan. Beberapa masalah telah berlaku menyebabkan pentadbiran pelabuhan ini lembab, seperti:

- (a) kesesakan pelabuhan: beberapa buah kapal asing meninggalkan pelabuhan oleh kerana kesesakan tempat;
- (b) kontena: kekurangan kemahiran dan pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab menyebabkan kelewatan; dan
- (c) pekerja-pekerja dengan kesatuan mereka,

dan sejauh manakah Kementerian beliau dapat mengatasi masaalah yang dihadapi oleh pentadbiran Pelabuhan Kelang pada masa ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kesesakan di Pelabuhan Kelang terutama di terminal kontena telah diselesaikan dan sejak bulan Januari tahun ini tidak berlaku kesesakan.

Ini dapat dibuktikan oleh statistik-statistik terakhir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapasiti maksima Container Yard di Pelabuhan Kelang ialah 7,500 t.e.u. (twenty-foot-equivalents). Pukul 7.00 pagi hari ini cuma 3,900 t.e.u. direkodkan dalam Container Yard berbanding dengan lebih 6,000 t.e.u. pada masa kesesakan di bulan Oktober yang lalu. Lagi pula dari bulan Januari hingga Mac, 1981 36,000 t.e.u. telah diangkut. Ini merupakan 25% lebih dari jumlah t.e.u.s. bagi tempoh yang sama pada tahun yang lalu dan semua kontena-kontena ini diangkut tanpa apa-apa masalah jua.

Kadar efficiency pun telah naik. Pada bulan Oktober 1980, 6.5 kontena diangkut oleh satu crane satu jam. Pada bulan Mac 1981 14 kontena diangkut. Pada bulan Oktober 1980 kurang 100 kontena sehari diangkut oleh kontena haulier iaitu Kontena Nasional dan Keretapi Tanah Melayu berbanding dengan 165 kontena sehari pada

masa sekarang. Pengurusan Lembaga Pelabuhan Kelang masih tidak puas hati dengan kemajuan yang telah dicapai dan telah menentukan target-target efficiency dan productivity yang lebih tinggi sekali.

Berkenaan dengan perkara-perkara spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, izinkan saya menjawab seperti berikut:

- (a) kesesakan pelabuhan: sepanjang pengetahuan Kementerian Pengangkutan, tidak ada kapal asing yang melalui Pelabuhan Kelang kerana berlakunya kesesakan pada masa yang lalu.
- (b) kontena: tidak terdapat kekurangan kemahiran dan pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab.
- (c) pekerja-pekerja dengan kesatuan mereka: terdapat hubungan yang baik sekali bukan sahaja di antara ahli-ahli Kesatuan dengan pimpinan mereka tetapi juga dengan pihak pengurusan Lembaga Pelabuhan Kelang.

Tuan Lee Lam Thye: Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan masalah perkara-perkara kontena di Pelabuhan Kelang. Suka saya mendapat tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil sehingga hari ini oleh pihak Kontena Nasional untuk menambah ataupun memperbaiki perkhidmatannya?

Yang kedua, adakah syarikat-syarikat persendirian dibenarkan untuk mengangkut kontena sebagai satu langkah untuk memperbaiki perkhidmatan di Pelabuhan Kelang?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kontena Nasional pun telah menambah alat-alat yang diperlukan dan telahpun menambah manpower yang diperlukan. Berkenaan dengan soalan yang kedua, Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan pun telah meluluskan satu lesen kontena haulier bagi satu syarikat yang lain.

PEMBAYARAN WANG PENCEN

6. **Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada

benar terdapat tuduhan-tuduhan yang mengatakan Jabatan Perkhidmatan Awam selalu melambat-lambatkan, sehingga bertahun-tahun lamanya bagi menyelesaikan pembayaran wang pencen kepada pesara-pesara seperti itu boleh dapat imbohan serta bayaran pencen dari Kerajaan sebaik-baik sahaja seseorang itu bersara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, tuduhan Jabatan Perkhidmatan Awam melambat-lambatkan pembayaran wang pencen, sehingga bertahun-tahun lamanya adalah tidak benar. Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa mengambil perhatian yang serius supaya pembayaran pencen tidak terlewat dibuat. Semenjak Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan ditubuhkan pada tahun 1977 Jabatan Perkhidmatan Awam telah menubuhkan sistem penyusulan supaya tindakan-tindakan penyediaan kertas-kertas pencen dibuat setahun lebih awal, sebelum tarikh persaraan seseorang pegawai. Satu buku panduan telah disediakan untuk kegunaan ketua-ketua Jabatan, menghuraikan langkah-langkah persediaan bagi seseorang pegawai yang akan bersara apabila mencapai umur wajib. Di mana Jabatan menghadapi kesulitan mengenai persediaan bagi pegawai yang akan bersara, Jabatan Perkhidmatan Awam memberi bantuannya dengan menghantar pegawai ke Jabatan yang berkenaan itu untuk mengemaskan dokumen-dokumen yang dikehendaki. Peraturan yang sama juga adalah diikuti bagi bayaran pencen bagi persaraan pilih sendiri dan persaraan kerana kesihatan.

Kerajaan mengakui terdapat kelewatan dalam bayaran pencen dalam kes-kes kematian pegawai.

Seperti langkah-langkah persediaan kertas pencen bagi pegawai-pegawai yang mencapai umur wajib kecepatan masa membayar pencen kepada balu dan anak-anak pegawai adalah bergantung kepada kecepatan penerimaan maklumat mengenai kematian yang berlaku dan penyediaan kertas-kertas pencen oleh Jabatan di mana pegawai berkenaan berkhidmat.

Kelewatan dalam hal ini tidak dapat dielakkan oleh kerana persediaan lebih awal tidak dapat dijalankan. Kelewatan juga berlaku dalam pembayaran pencen kepada balu dan anak-anak pesara yang telah meninggal dunia kerana Jabatan Perkhidmatan Awam hanya boleh mengambil tindakan selepas ahli keluarga simati sendiri membuat laporan mengenai kematian pesara kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah boleh kalau janda ataupun duda yang telah tamat menerima pencennya selama 12½ tahun dan telah berhenti beberapa tahun dan dengan adanya undang-undang baru ini, bolehkah mereka itu disambung balik menerima pencennya dan kalau boleh, adakah mereka ini dibolehkan menerima bayaran kebelakangan (arrears) daripada pencen yang diterima itu.

Tuan Yang di-Pertua: Duda ini baru timbul tetapi janda sudah lama.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Sekarang ini di bawah peraturan baru duda dan janda berhak mendapat pencen seumur hidup mulai daripada 1hb Julai, 1980.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya faham benar dari jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi. Selain daripada pencen, adakah lain-lain kemudahan yang Kerajaan menimbangkan untuk diberi kepada orang-orang pencen ini kerana memandangkan kepada jasa-jasa mereka kepada negara begitu banyak sekali selain daripada pencen biasa macam tambang kapalterbang, naik keretapi murah dan lain-lain lagi, kalau ada.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Rasa saya masih terdapat lagi pesara-pesara lambat menerima pesaraannya. Kalau JPA tidak lambat kata Timbalan Menteri tadi di mana pula sebab-sebab kelambatan tersebut.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menerangkan, diakui ada kelambatan dan sebab-sebabnya saya telah terangkan dalam jawapan saya tadi. Kalau hendak mengelakkan kelambatan oleh pihak JPA maka kenalah pihak pegawai-pegawai yang akan bersara itu mengambil tindakan-tindakan seperti yang diaturkan.

OPERATOR TELEFON— BAYARAN TUNGGAKAN

7. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab terdapat kelambatan dalam pembayaran tunggakan gaji kepada Operator-operator yang layak mendapatkannya akibat kemenangan kes mereka di Mahkamah Tribunal Perkhidmatan Awam pada tahun lalu;
- (b) adakah kakitangan-kakitangan Kerajaan ini ditempatkan dalam skim gaji Kumpulan D tetapi layak menerima keistimewaan-keistimewaan dan faedah seperti orang-orang yang berada dalam Tingkatan 3 (Division 3); dan
- (c) memandangkan kepada kemenangan mereka, adakah Kerajaan bercadang menukarkan jawatan mereka kepada Telefonis sepertimana di Jabatan Telekom dengan memberikan peluang-peluang kenaikan pangkat seperti mengujudkan jawatan Tingkatan Khas dan Tingkatan Tertinggi dan jika tidak mengapa.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Tidak terdapat sebarang kelambatan di dalam pembayaran tunggakan gaji kepada Operator-operator Telefon yang layak mendapatkannya akibat keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam pada tahun lalu.
- (b) Operator-operator Telefon, walaupun ditempatkan di dalam Kumpulan Gaji D tetapi bagi maksud kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-

keistimewaan adalah tergolong di dalam Bahagian III mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet Gaji 1977.

- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan jawatan Operator Telefon kepada jawatan Telefonis yang mempunyai skim perkhidmatan yang berasingan. Walau bagaimanapun, Skim Perkhidmatan Operator Telefon akan dipinda dengan mengubah tanggungajinya mengikut keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam dalam Kes Rujukan Bil. 7/79.

KANAK-KANAK JANTUNG BERLUBANG—RAWATAN PERUBATAN DI LUAR NEGERI

8. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kanak-kanak yang mengidap penyakit jantung berlubang yang sudah atau sedang dirawat di luar negeri dan bilangan pecahan angka mengikut keturunan semenjak 1978 sehingga akhir 1980; dan
- (b) adakah Kerajaan memberi bantuan kepada ibubapa atau penjaga mereka yang mengikuti mereka ke luar negeri dan apa jenis bantuan Kerajaan kepada mereka.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa seramai 84 orang kanak-kanak iaitu 12 tahun dan ke bawah yang mengidap penyakit jantung berlubang telah dihantar ke luar negeri untuk rawatan perubatan sejak 1978 hingga akhir tahun 1980. Daripada angka ini terdapat 47 orang Melayu, 34 orang Cina dan 3 orang India.
- (b) Selain daripada kakitangan Kerajaan yang anak-anak mereka dibenarkan mendapat rawatan di luar negeri atas perbelanjaan Kerajaan, maka Kerajaan tidak mempunyai peruntukan bagi memberi bantuan

kewangan kepada ibubapa atau penjaga yang menemani kanak-kanak itu untuk rawatan di luar negeri. Walau bagaimanapun, dalam sebilangan kes-kes ini bantuan ada diberikan oleh pihak-pihak penderma. Seperti yang pernah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian Kesihatan sedang giat merancang sebuah Pusat Cardio Thoracic di Kuala Lumpur yang akan menampung keperluan pesakit-pesakit jantung supaya kebanyakan kanak-kanak yang mengidapi penyakit ini tidak perlu lagi mendapat rawatan di luar negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini agak bilakah pusat itu boleh disediakan di mana semua kes-kes sakit jantung berlubang boleh dirawat di tanahair kita sendiri.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah terangkan dalam satu jawapan atas soalan yang agak-agak sama pada 19hb Mac ini, kita sedang giat merancang untuk menghantar pegawai-pegawai untuk mendapat latihan khasnya di Australia.

Kita jangka dalam tahun 1982 latihan itu boleh disempurnakan dan pegawai-pegawai yang berkenaan akan balik ke Malaysia untuk menolong menubuhkan unit ini.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri memberitahu di manakah satu negeri yang perbelanjaan rawatan pesakit jantung berlubang itu yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi Yang Berhormat.

Tuan Chieng Tiong Kai: Di manakah satu negeri yang belanja rawatan pesakit jantung berlubang itu lebih murah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman kita rawatan di Manila (Filipina) yang kurang belanjanya.

BANGUNAN SEKOLAH KEBANGSAAN TASIK, SEMERAK

9. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tiap-tiap projek bangunan sekolah baru yang telah dirancang dan diluluskan oleh pihak Kementerian, mesti dilaksanakan juga ditapak yang dicadangkan itu dan tidak boleh dipinda walaupun tapak tempat sekolah tersebut telah dilulus dan ditetapkan untuk dijalankan pembangunan TUDM Gong Kedak seperti yang berlaku kepada Bangunan Sekolah Kebangsaan Tasik, Cherang Ruku, Semerak, yang sedang dalam pembinaan bangunan baru dan bangunan ini akan dirobuhkan kerana terkena di tengah-tengah landasan lapangan terbang TUDM yang dicadangkan itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelajaran lazimnya akan membina projek-projek sekolah baru di atas tapak yang dicadangkan melainkan terdapat sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan. Berhubung dengan bangunan sekolah Kebangsaan Tasik, Cherang Ruku, Semerak, projek ini tidak akan diteruskan pembinaannya memandangkan penduduk di kawasan tersebut yang akan dipindahkan ke suatu kawasan yang lain oleh sebab terlibat dengan pembinaan landasan lapangan terbang TUDM yang dicadangkan itu. Oleh yang demikian, projek sekolah yang berkenaan juga akan dipindahkan ke satu tapak yang lain, tetapi dalam kawasan itu juga.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya Sekolah Kebangsaan Tasik yang saya bangkitkan ini baru sahaja siap dalam tahun 1980, pada hal rancangan ini telahpun diadakan lebih awal daripada itu. Sebenarnya pihak Jabatan Pelajaran ini menjadi satu kesulitan kalau pihak lain untuk memberi cadangan bagi memindahkan sesuatu projek bangunan sekolah itu. Saya hendak bertanya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah cara ataupun jalan bagi kita, bagi Pejabat Daerah atau pejabat mana sekalipun untuk mengemukakan sesuatu projek yang dibuat oleh Kementerian

Pelajaran itu untuk dipinda kepada tempat lain apabila sesuatu projek seperti ini, supaya projek yang didirikan itu tidak dirobuhkan dalam masa satu tahun juga.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan projek yang spesifik ini mula-mulanya ada oversight, lepas itu barangkali diikuti dengan oversite. Jadi kedua-dua perkara itu menimbulkan perkara ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana kita akan memberi kepentingan untuk kepentingan negara, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu boleh bersabar dan kita akan mengadakan satu projek yang dapat memuaskan hati kepada semua pihak.

RANCANGAN PEMBUKAAN TANAH DI KELANTAN—KELEWATAN

10. Tuan Haji Ibrahim bin Muhamad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kelewatan di dalam usaha-usaha pembukaan tanah bagi Rancangan Pembukaan Tanah seperti FELDA, FELCRA, KESEDAR dan lain-lain telah menyebabkan peneroka-peneroka kurang berminat menyertai rancangan tersebut apa lagi kerana proses pengambilan peneroka adalah lambat. Apakah usaha yang sedang diambil bagi mempercepatkan pembukaan tanah di Kelantan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun terdapat kelewatan dalam usaha-usaha pembukaan rancangan tanah oleh agensi-agensi Kerajaan yang disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan seperti kekurangan keupayaan pemborong-pemborong, kekurangan tenaga buruh dan lain-lain lagi tetapi tidaklah menjejaskan minat orang ramai untuk menyertai rancangan-rancangan pembukaan tanah yang tersebut.

Sebagai contoh, pada masa ini lebih dari 13,000 calon-calon peneroka sedang menunggu-nunggu untuk ditempatkan di rancangan-rancangan tanah FELDA. Proses pemilihan calon-calon peneroka bagi rancangan-rancangan pembukaan tanah telah dijalankan lebih awal dari kerja-kerja pembangunan pertanian bagi satu-satu

projek supaya mereka dapat dimasukkan seberapa segera ke rancangan-rancangan tanah sebaik sahaja kerja-kerja pembangunan pertanian dan pembangunan kemudahan-kemudahan asas dapat disediakan. Proses pemilihan dan pengambilan calon-calon peneroka bagi rancangan pembangunan tanah yang berjalan sekarang ini tidaklah boleh dianggap lambat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempercepat pembukaan rancangan tanah di negeri Kelantan beberapa langkah positif telahpun diambil dan antaranya memperbanyakkan bilangan agensi-agensi Kerajaan bagi tujuan ini dan pada masa ini hampir semua agensi-agensi pembangunan tanah adalah diberi peranan untuk membuka rancangan tanah di negeri Kelantan dan agensi-agensi ini adalah terdiri daripada FELDA, FELCRA, KESEDAR dan usaha-usaha juga sedang di buat supaya RISDA yang melibatkan diri dalam pembukaan rancangan tanah di negeri Kelantan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa permohonan untuk memasuki rancangan-rancangan tanah ini telahpun ditutup begitu lama sedangkan senarai yang sedia ada ini mungkin kebanyakan orang-orang itu sudahpun melebihi had umur dan sebagainya. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempelawa permohonan-permohonan baru.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar setengah-setengah permohonan telah dibuat agak lama akan tetapi umur seseorang peneroka itu dikira daripada tarikh dia ditemuduga, ertinya kalau 2 tahun selepas daripada itu maknanya dia masih lagi diambil kira umur waktu mereka atau bakal-bakal peneroka itu ditemuduga dan calon-calon yang baru adalah dibuat mengikut peringkat demi peringkat, terutamanya mengikut keadaan tanah-tanah yang kita dapati daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Tidaklah benar yang kita tidak ada lagi mengeluarkan atau membuka peluang-peluang baru untuk peneroka-peneroka bagi rancangan-rancangan FELDA pada masa akan datang.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjelaskan, apakah bilangan atau berapa ramai calon-calon yang telah diluluskan itu dan berapa lama lagi mereka ini dapat mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan FELDA.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi ini tepulang kepada usaha-usaha yang dijalankan bagi menyiapkan pembangunan pertanian dan juga kemudahan-kemudahan asas. Maknanya tiap-tiap peneroka yang akan kita panggil ke rancangan tanah ini tidaklah mengalami kesulitan-kesulitan dari segi infrastruktur dan juga hasil pendapatan mereka. Di samping itu list nama yang telah ditemuduga, yang telah kita luluskan terpaksalah kita minta persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum dapat diterima masuk ke satu-satu rancangan FELDA.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan satu kawasan FELDA seluas 23,000 ekar telahpun dibuka dalam kawasan Parlimen Gerik dan peneroka-peneroka akan diambil pada awal tahun hadapan dan pihak Kerajaan Negeri juga berminat untuk memberikan penyertaan sekurang-kurangnya 50% penduduk-penduduk tempatan Gerik ke dalam rancangan FELDA ini, akan tetapi sehingga hari ini penduduk-penduduk di dalam kawasan Parlimen Gerik tidak diberi kesempatan untuk mendapat borang-borang FELDA untuk membuat permohonan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagaimanakah caranya penduduk-penduduk dalam kawasan Parlimen Gerik ini boleh menjadi peserta di dalam rancangan FELDA yang akan dibuka di dalam kawasan Parlimen Gerik ini.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil perhatian.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Setiausaha Parlimen sebenarnya pembukaan rancangan tanah FELDA ini selalunya ditumpukan kepada tanah-tanah yang luas yang berpuluh-puluh ribu ekar. Apakah

pihak Kementerian bercadang untuk membuka rancangan FELDA ini di kawasan-kawasan di dalam jajahan yang mempunyai kurang daripada puluh ribu ekar yang merupakan satu rancangan kecil FELDA supaya dapat orang tempatan di situ memasuki ke rancangan tersebut, tidaklah mereka itu berpindah ke tempat yang lebih jauh.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya begitulah polisi yang berjalan sekarang. Kalau keluasan tidak mencukupi sebagaimana yang dikehendaki tentulah tidak ekonomik. Jadi cadangan Ahli Yang Berhormat itu memang telah dijalankan oleh pihak FELCRA di tanah-tanah pinggir atau sebagainya yang tidak memerlukan peneroka berpindah oleh kerana boleh berulang alik daripada rumah ke rancangan ini dan juga pihak rancangan tidak payah menyediakan rumah bagi peneroka-peneroka.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—TEGURAN

11. Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang banyaknya teguran mengenai Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) terutamanya di atas penjagaan orang-orang Haji semasa di Tanah Suci. Adakah teguran-teguran ini disiasat dan apakah tindakan yang telah diambil.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-pertua, Kerajaan memang sedar tiap-tiap tahun selepas Musim Haji, Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) ada menerima beberapa teguran. Teguran-teguran itu, sama ada dibuat melalui soalan-soalan Parlimen, surat-surat khabar tempatan ataupun terus kepada LUTH adalah disiasat, dan tindakan yang sepatutnya diambil ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan.

Walau bagaimanapun, ada kemungkinan setengah daripada teguran-teguran itu dibuat mengenai perkara-perkara yang di luar dari bidang kuasa LUTH, dan di mana sesuatu perkara itu menyentuh kepentingan Kerajaan Arab Saudi maka ianya dipanjangkan kepada Kedutaan Besar di Raja Arab Saudi di Kuala Lumpur.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi teguran-teguran itu telah ada disiasat dan soalnya saya ingin tahu, adakah teguran-teguran itu termasuklah tambang yang mana pihak Tabung Haji mengenakan tambang yang agak mahal jika dibandingkan dengan pihak swasta, sedangkan Tabung Haji mendapat keuntungan yang lumayan daripada anak-anak syarikatnya.

Soalan saya lagi, adakah Kerajaan ataupun Tabung Haji akan menurunkan sedikit tambang untuk menggalakkan jumaah haji ke Mekah.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab mengenai tambang yang lebih mahal sedikit itu ialah oleh kerana kapal haji masa membawa orang-orang haji ke Mekah semasa pulang terpaksa pulang dengan kosong dengan tidak membawa passenger, sedangkan kapal terbang biasa pergi dan balik mempunyai passengers.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya sungutan juga timbul tentang kekurangan doktor dan juga kemudahan perubatan kepada bakal-bakal haji yang pergi menunaikan fardhu haji ini. Jadi saya ingin bertanya setakat musim haji ini berapa orang doktorkah yang dihantar untuk berkhidmat bagi membantu orang-orang haji ini dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah bilangan doktor dan juga memberi kemudahan yang lebih baik kepada bakal-bakal haji.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan perubatan ini memanglah diperbaiki dari satu masa kesatu masa. Umpamanya dalam tahun yang lepas 10 orang doktor dan 90 orang jururawat bersama dengan Pembantu Hospital telah di-hantar ke Mekah untuk melayan 14,000 orang haji. Dan tahun ini angka bakal haji itu bertambah kepada 20,000 maka pihak Kerajaan bercadang hendak menambah lagi bilangan doktor dan juga jururawat dan pembantu Hospital.

RUMAH KOS RENDAH DI KUALA LUMPUR

12. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan rumah-rumah kos rendah di Kuala Lumpur terutama sekali memandangkan bilangan penduduk di Bandaraya telah meningkat sebanyak 7% setiap tahun; jika ya, sama ada Kementerianya akan menimbang untuk melancarkan satu rancangan kilat untuk membina sekurang-kurangnya 100,000 buah rumah kos rendah terutama sekali untuk orang-orang berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang masaalah kekurangan rumah-rumah kos rendah di Kuala Lumpur memandang bertambahnya bilangan penduduk di bandaraya ini. Walau bagaimanapun pertambahan bilangan penduduk di Kuala Lumpur ini bukanlah sebanyak 7% setiap tahun seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi hanya 4.3% setahun iaitu 2.2% disebabkan kelahiran, 2.1% oleh penghijrahan ke Kuala Lumpur.

Pembinaan rumah-rumah kos rendah adalah matlamat utama Kerajaan dan sebanyak 30,000 unit rumah kos rendah, rumah pangsa dirancang untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Dewan Bandaraya siap membina 8,585 unit rumah kos rendah dan 12,864 unit lagi adalah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan dan semuanya akan siap pada tahun 1982. Ini bermakna dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat akan terbina sebanyak 42,864 unit rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan.

Sayugia dinyatakan bahawa pihak swasta juga akan membina rumah-rumah kos rendah yang diperlukan itu oleh sebab ada syarat yang dikenakan oleh Dewan Bandaraya supaya rancangan perumahan swasta mestilah terdapat 30% rumah kos rendah. Dengan itu Kementerian Wilayah tidak bercadang hendak membina sekarang ini 100,000 unit rumah kos rendah. Rancangan

untuk membina rumah-rumah kos rendah melibatkan berbagai masaalah selain daripada masalah mendapatkan tapak tanah yang sesuai, pembinaan rumah-rumah kos rendah ini juga berkait rapat dengan rancangan penempatan dan pembangunan semula kawasan-kawasan setinggian. Dari itu Kerajaan perlu merancang dengan teliti dan teratur secara berperingkat-peringkat terutamanya jika sekiranya, kawasan-kawasan yang diperlukan untuk membina rumah kos rendah itu sekarang ini didiami oleh setinggian-setinggian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 13 hingga 37 adalah diberi di bawah ini)

DISIPLIN MURID SEKOLAH

13. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa disiplin di kalangan murid sekolah semakin merosot dan kemerosotan disiplin ini begitu nyata jika di teliti dari laporan demi laporan yang tidak menyenangkan terus dari semasa ke semasa sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Jika sedar apakah langkah jangka panjang yang akan diambil oleh Kementerian ini bagi mengawal kemerosotan disiplin di sekolah-sekolah.

Dato Chan Siang Sun: Perlu dinyatakan kepada Yang Berhormat bahawa keadaan disiplin di kalangan murid sekolah di negara ini adalah seperti biasa. Tetapi disebabkan jumlah pelajar-pelajar semakin ramai, maka semakin ramailah pula yang melanggar disiplin dan peraturan sekolah. Dari segi kadar pelanggaran disiplin sekolah peratusnya adalah amat kecil dan belumlah sampai ketakat yang membimbangkan atau tidak terkawal. Oleh sebab perkara disiplin adalah sama beratnya dengan pelajaran dan pendidikan anak-anak, maka itulah sebabnya semakin ramai pihak-pihak termasuk ibubapa yang menyuarakan soal disiplin di sekolah.

Kementerian Pelajaran memanglah sentiasa mengambil perhatian berat kearah pembentukan disiplin yang baik di sekolah-sekolah. Langkah-langkah diambil itu adalah

berdasarkan kepada keadaan-keadaan yang mempengaruhi kanak-kanak yang menyebabkan pelanggaran disiplin. Antara langkah-langkah jangka panjang yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran termasuk:

- (a) Mengkaji bagaimana mengurangkan bilangan murid-murid di sesebuah darjah.
- (b) Mencuba mengurangkan persekolahan dua sidang.
- (c) Mendapatkan kerjasama erat dari Persatuan Ibubapa, guru bagi mengawasi gerakerja mengawal disiplin.
- (d) Kementerian Pelajaran sentiasa mengkaji cara-cara pengajaran dan pembelajaran supaya ia menjadi lebih menarik minat pelajar-pelajar supaya mereka dapat menumpukan perhatian yang penuh terhadap pelajaran.

Sebagaimana yang telah diumumkan baharu-baharu ini, iaitu hasil daripada Seminar Disiplin Sekolah yang telah diadakan di Pulau Pinang pada 15hb - 17hb Disember, 1980. Kementerian akan:

- (a) Menubuhkan Unit Khas Disiplin Sekolah yang bertujuan untuk mengadakan, menyelaras dan menyelesaikan masalah disiplin pelajar. Ia juga akan mengaturkan Kursus Khas bagi tujuan menguatkan disiplin sekolah.
- (b) Menubuhkan Jawatankuasa Disiplin di tiap-tiap sekolah dan daerah di negara ini. Jawatankuasa ini akan diberi kuasa menyelesaikan masalah disiplin.
- (c) Menerbitkan sebuah buku Panduan Disiplin Sekolah, sebuah risalah disiplin kanak-kanak sekolah untuk ibubapa dan sebuah buku tatacara untuk melaksanakan peraturan-peraturan dan undang-undang sekolah.

TANAH-TANAH TERBIAR DI SEBERANG PERAI

14. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar kerana tidak ada sistem tali air, bendang-bendang padi seluas 2,000 ekar di Permatang

Pauh, 500 ekar di Penaga dan 200 ekar di Tasik Glugor di Negeri Pulau Pinang tidak dapat di tanam padi dan hanya dibiarkan dan memandaŕngkan bahawa pada bulan Julai, 1980, beliau telah melawat kawasan-kawasan ini dan berjanji kepada rakyat akan mengatasi masalah kekurangan air, mengapakah janji ini masih belum ditunaikan.

Dato Abdul Manan bin Othman: Satu peruntukan sebanyak \$1.4 juta telah diluluskan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar di Seberang Perai, Pulau Pinang dan pelaksanaan rancangan pemulihan tanah terbiar tersebut sedang berjalan.

GURU BESAR SEBAGAI KETUA INSTITUSI

15. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah guru Besar boleh diertikan sebagai seorang Ketua Pejabat, adakah sesebuah sekolah boleh dikira satu pejabat kerajaan dan bolehkah semua urusan di sesebuah sekolah itu dikira urusan rasmi Kerajaan.

Dato Chan Siang Sun: Sekolah ialah sebuah institusi pendidikan. Oleh itu, Guru Besarnya ialah Ketua Institusi itu di samping kedudukan hakikinya sebagai seorang guru. Institusi pendidikan ini dan Guru Besarnya adalah di bawah Pejabat Pelajaran Negeri dan Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing.

Semua urusan di sekolah yang ada kaitannya dengan pentadbiran sekolah dan pengurusan kurikulum dan ko-kurikulum adalah dikira urusan rasmi kerajaan.

PEKERJA-PEKERJA SWASTA MENJALANKAN PROJEK KERAJAAN— KADAR BAYARAN GAJI

16. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan supaya pekerja-pekerja sementara dengan firma-firma atau syarikat-syarikat yang menjalankan projek-projek Kerajaan seperti pembinaan empangan hidro letrik, pelabuhan, rancangan tanah dan sebagainya diberi gaji dan kemudahan yang sewajarnya.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Richard Ho Ung Hun): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu tiap-tiap kontrak yang diberi oleh Kerajaan kepada Syarikat-syarikat untuk menjalankan kerja-kerja, biasanya mengandungi fasal-fasal mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja. Antara lain fasal tersebut memperuntukkan bahawa jika terdapat satu kadar gaji yang telah ditetapkan di satu-satu daerah di mana kerja-kerja kontrak tersebut dijalankan, pihak majikan hendaklah membayar gaji dan lain syarat perkhidmatan yang tidak kurang daripada yang telah ditetapkan itu.

Walau bagaimanapun, jika tidak terdapat kadar bayaran gaji yang telah ditetapkan, pekerja hendaklah dibayar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang daripada gaji kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas yang sama. Kementerian saya telahpun membuat peraturan dengan berbagai-bagai jabatan/ajensi-ajensi Kerajaan yang memberi kontrak untuk berhubung dengan Pejabat Buruh yang berdekatan supaya pemeriksaan dapat dijalankan.

Jika Ahli Yang Berhormat itu mempunyai kes-kes yang tertentu beliau bolehlah berhubung dengan Pejabat Buruh yang terdekat supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

HOSPITAL BARU TELUK ANSON—PERTUKARAN TAPAK

17. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kedudukan terakhir tentang Hospital baru di Teluk Anson bagi Daerah Hilir Perak. Apa terjadi tentang cadangan pertukaran tapak baru itu.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Penyediaan Ringkasan Projek (Project Brief) bagi Hospital Daerah baru Teluk Anson sedang dalam peringkat akhir dan Ringkasan Projek ini akan dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya untuk merekabentuk hospital baru tersebut. Tapak baru yang dicadangkan untuk projek ini didapati sesuai dari segi teknikal. Perundingan sedang diadakan di antara pihak-pihak yang terlibat untuk melaksanakan pertukaran tapak ini.

PERUSAHAAN NENAS—PASARAN EKSPORT

18. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh sebab perusahaan nenas di dalam negara kita berada di dalam keadaan kucar-kacir; apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyelamatkan perindustrian ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya tidak bersetuju dengan rujukan Ahli Yang Berhormat iaitu keadaan perusahaan nenas di negara kita berada dalam keadaan yang kucar-kacir walaupun perusahaan nenas kita menghadapi beberapa masalah terutamanya oleh sebab kelemahan pasaran eksport nenas tin di luar negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan menyedari masaalah-masaalah yang dihadapi oleh perusahaan nenas di negara kita dan Kerajaan sedang berusaha mengambil beberapa langkah yang sesuai untuk menyelamatkan perusahaan ini melalui Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu (LPNTM) seperti berikut:

- (i) Sejak tahun 1972, LPNTM telah melancarkan rancangan tanaman semula nenas untuk meninggikan hasil dan mutu pengeluaran kebun kecil nenas dan seterusnya pendapatan dan taraf hidup mereka. Setakat ini, 17,572 ekar telah ditanam semula. Sejak tahun 1978, Kerajaan telah juga melaksanakan tanaman semula pusingan yang kedua selepas enam tahun untuk menjamin hasil dan mutu pengeluaran tidak terjejas. Di bawah rancangan tanaman semula, pekebun-pekebun kecil diberi bantuan bernilai \$600 seekar dalam bentuk wang tunai dan mata benda. Memandangkan kenaikan harga bahan input dan alat perkakas pertanian dan juga tenaga pekerja, Kerajaan sedang memimbangkan supaya bantuan bagi tanam semula dinaikkan kepada \$900 seekar.
- (ii) LPNTM juga menetapkan dari masa ke semasa harga berpatutan bagi buah nenas yang dibeli oleh pekilang-pekilang daripada pekebun-pekebun kecil.

- (iii) Kerajaan melalui LPNTM telah menubuhkan satu tabung bantuan khas untuk membantu pekebun kecil sekiranya buah nenas mereka mengalami penyakit 'mata dalam'.
- (iv) Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, satu projek tanam baru diadakan di bawah Projek Pembangunan Johor Barat untuk menambah keluasan kebun nenas. Kerajaan juga telah mencadangkan subsidi baja sebanyak 50% daripada Keperluan seekar untuk menggalakkan penggunaan baja yang mencukupi oleh pekebun-pekebun kecil dan dengan yang demikian daya pengeluaran dan mutu buah nenas pekebun kecil akan meningkat.
- (v) Di peringkat antarabangsa, Kerajaan giat berusaha untuk mengurangkan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang dihadapi di pasaran luar negeri seperti dalam perbincangan "multilateral trade negotiations" di bawah naungan UNCTAD. Adalah diperhatikan pengeksporth-pengeksporth nenas dari negara-negara di Afrika, Caribbean dan Pasific yang ada perhubungan yang tertentu dengan EEC tidak dikenakan apa-apa tarif. Di pasaran Jepun, kita masih berusaha untuk mendapat persetujuan Kerajaan Jepun untuk membanyakkan kuota importnya walaupun Kerajaan Jepun baru mempersetujui kekurangan tarif import nenas. Di pasaran Amerika Syarikat kita sedang berusaha mendapat persetujuan Kerajaan Amerika Syarikat untuk melonggarkan peraturannya supaya 'cubes' dan 'Spiral slices' kita boleh dapat memasuki pasarannya. Kita berharap Kerajaan Amerika Syarikat akan bersetuju untuk membenarkan kemasukkan 'cubes' sekurang-kurangnya. Kerajaan juga melalui misi Perdagangannya berusaha untuk meluaskan lagi pasaran nenas tin Malaysia ke negara-negara pembeli bukan utama seperti ke negara-negara Asia Barat.
- (vi) Malaysia yang menjadi anggota "Pineapple Industry Research and Development Association" (PIRDA) iaitu satu pertubuhan mengambil peranan yang aktif bersama negara-negara anggota yang lain iaitu Thailand, Indonesia, Taiwan dan Ivory Coast bagi mengeratkan kerjasama di antara negara-negara pengeluaran dalam bidang penstabilan pengeluaran, harga dan juga bagi mengelakkan persaingan yang tidak sihat di kalangan mereka. Kerajaan melalui LPNTM akan terus berusaha untuk mengawasi kebajikan perusahaan nenas di negara ini dari masa kesemasa, supaya daya dan mutu pengeluaran buah nenas sektor pekebun kecil sentiasa tinggi, di samping berusaha untuk meluaskan pasaran eksport nenas tin Malaysia.

LANDASAN KERETAPI KEMPAS— PASIR GUDANG

19. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya kelambatan siap landasan keretapi Kempas-Pasir Gudang; adakah kelambatan ini menjejaskan kemajuan pengkalan Pasir Gudang; bilakah landasan ini dijangka siap dan berapakah perbelanjaannya.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat asal projek pembinaan landasan keretapi Kempas-Pasir Gudang ini adalah dijangka siap pada 31hb Disember, 1979. Kemajuan perlaksanaannya telah tergendala lebih kurang dua tahun. Ini adalah disebabkan terutamanya kekurangan kakitangan teknikal yang berpengalaman untuk membuat kerja-kerja rekabentuk dan lain-lain kerja. Masalah pengambilan tanah di mana kerja-kerja memproses dan menilai tanah untuk projek ini yang hanya dapat diselesaikan pada akhir tahun 1978, juga antara faktor menyebabkan kelambatan tersebut. Selain daripada itu faktor-faktor cuaca dan kekurangan bahan-bahan binaan juga telah menyebabkan projek ini tergendala.

Kelambatan pelaksanaan projek ini tidaklah menjejaskan kemajuan Pelaburan Pasir

Gudang memandangkan terdapatnya jalanraya-jalanraya yang baik dan jalanraya adalah merupakan sistem pengangkutan yang utama. Landasan keretapi tersebut adalah dijangka siap pada akhir tahun 1982 dan memakan belanja sebanyak \$56 juta.

BALAI POLIS/RUMAH KEDIAMAN DI SEMERAH—PEMBINAAN

20. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan keadaan di Batu Pahat adalah satu kawasan yang menghadapi berbagai-bagai ancaman seperti penyeludupan barang-barang dari pendatang-pendatang haram. Bilakah kerja pembinaan Balai Polis Semerah akan dimulakan dan nyatakan jumlah peruntukannya sama ada Kerajaan bercadang hendak membina juga rumah-rumah kediaman bagi pegawai-pegawai dan kakitangannya dan jika tidak, kenapa dilambat-lambatkan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kementerian sememangnya telah bercadang hendak membina Balai Polis dan rumah-rumah kediaman untuk anggota-anggota di Semerah dan peruntukan baginya telahpun diluluskan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga lagi. Rancangan ini ialah untuk menggantikan Balai Polis dan kemudahan-kemudahan lain yang ada sekarang yang terletak di atas satu kawasan hanya seluas 1 rood 10 pole. Walau bagaimanapun, oleh kerana tanah Kerajaan sukar didapati di kawasan tersebut, Kementerian telah berusaha untuk mencari tanah-tanah orang perseorangan untuk dijadikan tapak balai dan bangunan yang baru yang dianggarkan seluas hampir 5 ekar. Setakat ini Kementerian telah berhubung dengan Kerajaan Negeri Johor untuk mengambil balik tanah swasta yang berkenaan tetapi tindakan itu masih belum selesai dan jawapan daripada Kerajaan Negeri masih lagi ditunggu. Sebaik-baik sahaja masalah tapak baru itu selesai maka pihak Jabatan Kerja Raya akan diminta menguruskan pembinaan Balai Polis dan bangunan-bangunan lain yang diperlukan itu dengan seberapa segera yang dapat. Soal melambat-lambatkan projek pembaharuan Balai Polis dan rumah

kediaman pegawai dan anggota bagi Semerah tidaklah timbul.

JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN PERUBATAN DIBEKUKAN

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar beberapa urusan kenaikan pangkat untuk membetulkan ketidakadilan yang ketara yang wujud dalam perkhidmatan perubatan yang diluluskan sebelum kematian Tan Sri Dr R.P. Pillay, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, telah dibekukan dan ini telah menyebabkan rasa tidak puas hati dan kurang senang hati; jika ya, nyatakan sebab mengapa pembekuan itu dikenakan dan sama ada pembekuan itu akan dilonggarkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah tidak benar beberapa urusan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan perubatan telah dibekukan. Kesemua urusan kenaikan pangkat itu tidak pernah dibekukan, malahan sedang dijalankan dengan giatnya dan dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat jawatan. Beberapa orang pegawai telah mula memegang jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang tertentu hasil daripada penarafan semula beberapa jawatan dalam perkhidmatan perubatan itu. Ini termasuklah jawatan Ketua Pengarah Kesihatan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengarah Hospital Besar, Kuala Lumpur dan lain-lain lagi.

BANK TANAH (SKIM SIMPANAN TANAH)—PENUBUHAN

22. Dato Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan, adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan "Bank Tanah" iaitu mengadakan satu skim simpanan tanah terutama di dalam kawasan bandar bagi membolehkan Kerajaan mengadakan projek-projek tertentu di masa hadapan dengan tidak perlu membelinya semula daripada pemilik-pemilik tanah tersebut bagaimana yang dilakukan pada masa-masa yang telah lalu. Jika tidak, mengapa.

Dato' Shariff Ahmad: Setakat ini Kerajaan belum ada lagi cadangan hendak mengadakan 'Bank Tanah' bagi tujuan mengadakan Skim Simpanan Tanah terutama di dalam kawasan bandar bagi membolehkan Kerajaan mengadakan projek-projek di masa hadapan.

Ini adalah kerana Kerajaan berpuashati dengan apa yang dilaksanakan sekarang, di mana Kerajaan akan membeli tanah (acquisition) apabila ianya diperlukan bagi kegunaan untuk kepentingan awam (Public Interest) mengikut peraturan-peraturan di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah (Land Acquisition Act) 1960.

BAYARAN PERKHIDMATAN PENGGUNA—KAJI SEMULA

23. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk mengkaji semula bayaran perkhidmatan pengguna sebanyak \$200, \$350 dan \$1,500 yang dikenakan itu.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Saya telah menjawab dalam Dewan yang mulia ini pada 18 Mac 1981 satu soalan yang hampir sama yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula bayaran perkhidmatan pengguna yang tersebut pada ketika ini, kerana bayaran tersebut dapat menutupi sebahagian daripada kos bagi menyambungkan tenaga elektrik ke sesebuah rumah.

PEKERJA-PEKERJA DI SEKTOR PERTANIAN/PERUSAHAAN— PERATUS

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi jumlah bilangan penduduk yang bekerja dan peratus pekerja-pekerja yang terdapat di sektor pertanian, perusahaan dan perkhidmatan dan juga beri peratus pekerja-pekerja yang terdapat di sektor awam dan swasta.

Dato Richard Ho Ung Hun: Segala maklumat-maklumat yang diperlukan oleh

Ahli Yang Berhormat itu ada terkandung dalam Buku Rancangan Malaysia Keempat yang telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Dewan ini.

OPERATOR TELEFON— KEMUDAHAN CUTI

25. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa beberapa orang Operator Telefon di jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun diberi cuti tahunan selama 17 hari dan 20 hari bagi mereka yang telah berkhidmat lebih dari 10 tahun dan atas, sedangkan ada orang-orang lain yang berhak bercuti selama 20 dan 25 hari masing-masing. Jika ya, mengapa terdapat keganjilan itu dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Bagi maksud kemudahan cuti dan beberapa keistimewaan yang lain, jawatan Operator Telefon adalah tergolong di dalam Bahagian III. Pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Bahagian III termasuk jawatan Operator Telefon diberi kadar cuti tahunan selama 20 hari bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat 10 tahun ke bawah dan 25 hari bagi pegawai-pegawai yang telah berkhidmat lebih dari 10 tahun. Oleh itu, keganjilan terhadap kadar cuti rihat seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul sama sekali.

PERTUBUHAN PEMEBASAN PALESTINE

26. Tuan V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan disebabkan Malaysia telah membenarkan pergerakan pembebasan Al-Fatah membuka pejabatnya di sini, sama ada kerajaan akan membenarkan pergerakan-pergerakan pembebasan lain yang berjuang untuk mendapatkan kebebasan di Asia, Afrika dan Latin America berbuat demikian juga.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pertubuhan yang mempunyai pejabat di Kuala Lumpur ialah Pertubuhan Pembebasan Palestine (PLO) dan bukan Al-Fatah.

PLO telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebagai wakil rakyat Palestine yang sah dan tunggal.

Demikian juga PLO diiktiraf oleh Pertubuhan Persidangan Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Ianya juga menikmati taraf pemerhati di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tentang pergerakan-pergerakan pembebasan yang lain, pendirian kerajaan akan banyak bergantung kepada pendirian yang diambil oleh masyarakat antarabangsa selain dari kepentingan nasional kita sendiri.

MAHKAMAH BUDAK-BUDAK

27. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbangankan menubuhkan Mahkamah Budak-budak di Sabah memandangkan pertambahan pesat jenayah yang dilakukan oleh para remaja; jika sedar, beri butir-butir lanjut.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Budak-budak telahpun ditubuhkan di Sabah semenjak 1hb Oktober, 1972.

TENAGA BURUH DI SEKTOR PERTANIAN—KEKURANGAN

28. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan tenaga buruh di sektor pertanian di negara ini umpamanya padi dan getah, dan jika ya, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Dato Richard Ho Ung Hun: Kementerian saya sedar bahawa terdapat kekurangan pekerja di dalam perusahaan pertanian terutama sekali di ladang-ladang getah di beberapa tempat di negara ini. Kedudukan ini berlaku akibat dari keperluan tenaga buruh yang tinggi di semua sektor, yang timbul dari rancangan pembangunan kita.

Pekerja-pekerja dari desa juga telah berhijrah mencari pekerjaan di bandar-bandar ataupun berpindah ke skim

rancangan-rancangan tanah di mana mereka mendapat peluang untuk memiliki tanah sendiri dan seterusnya memperolehi pendapatan yang lebih baik.

Kedudukan keseluruhan bekalan tenaga buruh ini sedang dikaji dengan secara mendalam, dengan tujuan untuk mewujudkan satu perancangan yang lengkap untuk mencapai perimbangan di dalam penggunaan tenaga manusia dan hasil bumi kita. Langkah penyelesaian kepada masalah ini hendaklah antara lain menekankan peningkatan dari segi taraf hidup dan suasana pekerjaan di luar bandar, serta meningkatkan lagi penggunaan teknologi di luar-luar bandar. Pihak pengurusan ladang, juga terpaksa memainkan peranan mereka, dengan bersikap progresif dan lebih memandang ke hadapan, dari masa yang lampau.

SYARIKAT KERJASAMA KEDAI DAERAH JULAU—BANTUAN KEWANGAN

29. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertanian menyatakan sekiranya ada apa-apa bantuan kewangan dari Kementerian beliau untuk penubuhan Kedai Syarikat Kerjasama Daerah di Julau, Sarawak.

Dato Abdul Manan bin Othman: Tidak ada bantuan kewangan diberi oleh Kementerian Pertanian Malaysia kepada Syarikat Kerjasama Kedai Daerah Julau, Sarawak.

PENUNTUT DAYAK DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

30. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut-penuntut Dayak dari suku Iban yang ada di yayasan-yayasan pengajian tinggi pada masa ini seperti berikut:

- (a) Universiti Malaya;
- (b) Universiti Pertanian;
- (c) Universiti Kebangsaan;
- (d) Universiti Sains Malaysia; dan
- (e) Institut Teknologi MARA.

Dato Chan Siang Sun: Bilangan penuntut-penuntut Dayak dari suku Iban yang ada di

Pusat-pusat pengajian tinggi tempatan pada masa ini adalah seperti berikut:

| | |
|------------------------------------|---|
| (a) Universiti Malaya | Tiada rekod bilangan penuntut-penuntut Dayak dari suku Iban |
| (b) Universiti Pertanian Malaysia | 52 orang. |
| (c) Universiti Kebangsaan Malaysia | 15 orang. |
| (d) Universiti Sains Malaysia | 16 orang. |
| (e) Institut Teknologi MARA | 34 orang. |

LAPORAN JAWATANKUASA MENGKAJI AKTA KAWALAN SEWA 1966

32. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil setakat ini mengenai laporan cadangan pindaan ke atas Akta Kawalan Sewa 1966 sama ada beliau sendiri telah mengkaji laporan tersebut dan bilakah pindaan itu boleh diperkenalkan bagi mengemaskini peruntukan dalam Akta.

Dato Dr Neo Yee Pan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa tindakan yang telah diambil ke atas laporan Jawatankuasa Mengkaji Akta Kawalan Sewa 1966 itu ialah pihak Kerajaan telah mengkaji laporan yang berkenaan dan sedang menimbangkan perakuan-perakuan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa yang tersebut.

PEMBEKUAN PINJAMAN

33. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan apakah reaksi dan akibat buruk telah lahir berpunca daripada dasar kewangan anti-inflasi di mana pinjaman-pinjaman dari institusi-institusi kewangan seperti bank telah dibeku sehingga kegiatan perusahaan perumahan dan perdagangan pun terjejas, bilakah tindakan pembekuan ini akan dilonggarkan, dan adakah beliau sedar bahawa kegiatan penyelewengan sedang berlaku atas pinjaman dari bank dan syarikat kewangan, umpamanya 'football money' diamalkan untuk meluluskan sesuatu pinjaman.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Ingin dijelaskan di sini bahawa sebenarnya tidak wujud pembekuan

pinjaman sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ketegangan kecairan yang dialami oleh bank-bank perdagangan pada ketika ini adalah kerana mereka telah mengeluarkan pinjaman-pinjaman yang melebihi daripada hadnya pada masa yang lepas. Berkenaan dengan pinjaman perumahan, bank-bank diminta memastikan bahawa pinjaman itu diberikan kepada peminjam yang akan membeli rumah kali pertama dan bercadang menduduki rumah itu sendiri. Namun begitu, kegiatan perusahaan perumahan dan perdagangan tidak terjejas seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya operasi pinjaman bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan bagi tahun 1980 telah berkembang dengan pesatnya. Pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan telah meningkat sebanyak \$5,612.2 juta atau 36.8 peratus berbanding dengan kenaikan sebanyak \$2,971.3 juta atau 24.2 peratus dalam 1979. Lebih kurang separuh daripada jumlah kenaikan tersebut telah diberikan kepada perusahaan bangunan dan pembinaan, (termasuk pinjaman untuk kemajuan harta dan benda kepada orang-orang perseorangan untuk membeli rumah-rumah kediaman) dan perdagangan am. Pinjaman yang diberi oleh syarikat-syarikat kewangan telah meningkat sebanyak \$920.6 juta atau 34.7 peratus berbanding dengan kenaikan sebanyak \$683.7 juta atau 34.7 peratus dalam tahun 1979. Lebih kurang 39 peratus daripada jumlah kenaikan tersebut telah diberikan kepada kegiatan bangunan dan pembinaan dan kepada orang-orang perseorangan untuk membina perumahan kediaman.

Selanjutnya pada akhir tahun 1980, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah meluluskan pinjaman sejumlah \$1,342.5 juta lagi sebagai pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah kediaman. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$879.7 juta dijangka akan dikeluarkan oleh kedua-dua kumpulan institusi ini dalam tahun 1981.

SAHAM MILIK SYARIKAT ASING—AMBILALIH

34. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan syarikat orang-orang asing yang

telah dibeli oleh Kerajaan baik sebahagiannya atau seluruhnya, sejak tahun 1975 dan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk membeli syarikat-syarikat asing itu. Mengapa syarikat-syarikat itu dibeli dan sama ada saham-saham itu akan dijual kepada orang-orang Malaysia yang berpendapatan rendah.

Dato Lew Sip Hon: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1975 Kerajaan Persekutuan mengambilalih milik hanya sebuah syarikat yang dimiliki oleh orang asing dengan pembelian semua saham-saham dalam syarikat itu. Nama syarikat itu ialah Perak River Hydro-Electric Power Co. Ltd. dan kos yang terlibat di dalam pengambilan alih ini berjumlah \$30,561,540. Tujuan pembelian ini ialah untuk membolehkan aktiviti-aktiviti syarikat ini dicantumkan dengan Lembaga Letrik Negara iaitu selaras dengan dasar untuk membekalkan kuasa letrik di bawah satu agensi pusat. Dengan demikian, soal jualan saham-saham syarikat ini kepada orang-orang yang berpendapatan rendah atau sesiapa pun tidaklah timbul.

Walaupun begitu ada juga syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan, seperti PERNAS, yang mengambilalih milik syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang-orang tempatan mahupun orang-orang asing. Akan tetapi pengambilan alih ini adalah sebagai aktiviti-aktiviti biasa dalam perniagaan utama "in the ordinary course of business activities".

KONTRAK FELDA/RISDA/ FELCRA—PERATUS BUMIPUTRA

35. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengenai kontrak-kontrak FELDA, RISDA, dan FELCRA, berapa peratuskah diperuntukkan kepada Bumiputra, jika setakat 30 peratus mengapainya berlaku demikian.

Dato Shariff Ahmad: Penglibatan pemborong-pemborong Bumiputra dalam kontrak-kontrak dengan agensi-agensipembangunan tanah Kementerian ini adalah melebihi 30%. Dari semasa kesemasa selaras dengan usaha-usaha Kerajaan ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, kontrak-kontrak yang diberikan kepada

pemborong Bumiputra semakin bertambah. Pada tahun 1980 jumlah kontrak yang dijalankan oleh Bumiputra adalah melebihi 50%. Butir-butir sepenuhnya adalah seperti berikut:

Kedudukan Kontrak Bumiputra Dengan Agensi-Agensi Pembangunan Tanah, 1980 (FELDA, FELCRA, RISDA)

| Agensi | Jumlah Kontrak Bumiputra | Peratus |
|--------|--------------------------|---------|
| FELDA | \$424,040,591.60 | 52.50% |
| FELCRA | 26,994,584.71 | 53.77% |
| RISDA | 32,334,245.94 | 64.44% |

PENGERUSI PARTI KOMUNIS MALAYA SERAH DIRI

36. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kesan penyerahan diri bekas Pengerusi Parti Komunis Malaya terhadap perjuangan bersenjata parti itu di Malaysia. Sama ada penyerahan diri itu telah mempengaruhi lain-lain ahli parti itu supaya turut menyerah diri atau sebaliknya memandangkan bahawa Encik Musa Ahmad bukanlah seorang pemimpin yang berpengaruh dan tidak memainkan peranan yang penting dalam perjuangan parti itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah pun dijawab di Dewan ini pada 18hb Mac, 1981. Saya tidak bercadang menambah apa-apa jawapan terhadap soalan Ahli Yang Berhormat itu.

PERINTAH-PERINTAH MAHKAMAH—PELAKSANAAN

37. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat pegawai keamanan di sebuah kawasan tidak menjalankan perintah mahkamah Alor Setar. Jika ya, apakah beliau bersedia mengarah pihak yang berkenaan supaya mengarah pegawai yang mengambil tempat pegawai tersebut menjalankan perintah mahkamah itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum dan

sukar bagi saya memberikan satu jawapan yang tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua Perintah-perintah Mahkamah dilaksanakan.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT 1981-1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

mengambil perhatian atas kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 10 tahun yang lalu;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan utama perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta memperkukuhkan lagi ketahanan negara;

meluluskan Rancangan Malaysia Keempat yang telah dirangka dengan teliti untuk memenuhi cita-cita dan hasrat negara berasaskan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru melalui pelaksanaan usaha-usaha dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 10/81; dan

seterusnya *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan supaya terus meningkatkan usaha dan sumbangan mereka untuk membentuk satu Negara yang bersatupadu, saksama, maju, kukuh dan aman damai selaras dengan objektif Rukunegara. (31hb Mac, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu menyampaikan ucapannya yang baru sahaja dimulakan sebelum ditangguhkan Dewan ini semalam, saya suka memaklumkan iaitu Yang Berhormat Menteri-menteri telah menimbangkan untuk memberikan masa yang lebih kepada Yang Berhormat maka Ahli-ahli Yang Berhormat ada peluang lagi menyampaikan ucapan pada hari Jumaat. Jadi Yang Berhormat Menteri-menteri semua

hanya menjawab satu hari sahaja pada hari Isnin, 6hb April, 1981. Jadi dengan tambahan hari ini akan banyaklah peluang lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

3.37 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap mengenai Rancangan Malaysia Keempat ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai kertas Aturan Urusan Mesyuarat Bil. 11 yang telah diedarkan kepada Dewan ini semalam.

Di dalam Order Paper yang tersebut terdapat satu soalan Ahli DAP dari Bruas yang bukan bersifat bertanya, tetapi menuduh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian melakukan amalan nepotism mengenai permit import barang-barang dari negeri China. soalan itu menuduh bahawa lesen import bagi bahan-bahan kimia dan ubat-ubat pembunuh serangga dari negeri China ditarik balik daripada pengimport-pengimport tradisional dan bahawa lesen itu telah diberikan kepada bapa mertua atau sanak saudara kepada Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu telah ditarik balik oleh Ahli Yang Berhormat dari Bruas. Jadi tidak timbul lagi, sekadarkan soalan itu sudah bercap. Dia hanya beritahu saya untuk tarik balik dua hari lalu iaitu sehari sebelum soalan itu dikemukakan di Dewan ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa soalan itu telah ditarik balik, bagaimanapun kes itu tergantung di situ sahaja oleh kerana walaupun perkara ini ditarik balik tetapi Order Paper itu telah diedarkan dan tidak ada penjelasan dibuat mengenai sebab-sebab ditarik balik dan orang ramai di luar Dewan ini mungkin menaruh perasaan syak wasangka terhadap apa yang berlaku. Oleh itu, apa yang saya minta, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini ialah bahawa perkara ini diedarkan kepada Jawatankuasa

Hak-hak Istimewa Dewan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap Ahli yang berkenaan itu.

Saya anggap ini adalah penting untuk mencegah perbuatan yang tidak bertanggungjawab seperti ini berulang di masa depan iaitu dengan cara membuat suatu tuduhan yang liar, jahat, malicious, bohong dan tidak bertanggungjawab, dan sebelum soalan itu dapat dijawab dan diberi penjelasan yang seharusnya maka soalan itu ditarik balik dan ini menimbulkan satu macam kesangsian di kalangan orang ramai tentang tujuan sebab-sebab soalan itu ditarik balik dan apakah tuduhan-tuduhan yang dibuat itu benar atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Kementerian yang berkenaan akan dapat mengeluarkan satu kenyataan kepada orang ramai menerangkan kedudukan yang sebenarnya dalam perkara ini, oleh sebab pada pengetahuan saya tidak ada satu pun lesen import barang-barang daripada negeri China telah ditarik balik oleh Kementerian yang berkenaan dan bahawa bapa mertua kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah meninggal dunia, sudah kembali ke rahmatullah sejak lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menyentuh sedikit mengenai Rancangan Malaysia Keempat yang ada di hadapan kita ini. Saya ingin terutamanya menyentuh mengenai kesan rancangan-rancangan kita yang lepas kepada usaha mengurangkan kemiskinan bagi semua kaum yang menjadi salah satu daripada matlamat utama Dasar Ekonomi Baru.

Menurut kajian yang terkandung di dalam buku biru yang diedarkan kepada kita, kadar kemiskinan pada umumnya telah dapat diturunkan sebanyak 20% dari 49.3% kepada 29.2%. Ini menjadi bukti yang jelas bahawa walau apa sekalipun yang dikatakan oleh kritik-kritik Dasar Ekonomi Baru, dasar itu telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat miskin dari semua kaum.

Saya berharap tumpuan-tumpuan yang lebih besar dan hebat akan terus diberi kepada sektor-sektor dan kawasan-kawasan serta juga negeri-negeri di mana terdapat

kadar kemiskinannya tinggi. Berdasarkan profile kemiskinan tahun 1976 yang dibentangkan kepada kita jelas bahawa kadar kemiskinan yang paling tinggi masih juga terdapat di kawasan-kawasan yang dahulunya miskin. Menurut kadar kemiskinan Wilayah menunjukkan bahawa kadar yang paling tinggi terdapat di Sarawak iaitu 51.7% di ikuti oleh Sabah 51.2% dan Semenanjung Malaysia 35.1%. Kalau kawasan-kawasan ini dibahagikan pula kepada bandar dan luar bandar maka jelaslah kawasan luar bandar dengan kadar kemiskinannya sebanyak 45.7% masih jauh berada di belakang kawasan bandar yang mempunyai kadar kemiskinan sebanyak 15.4%.

Bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Kelantan, Kedah, Trengganu dan Perlis masih lagi merupakan negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi iaitu di antara 48.7% hingga 59.2%. Ini menunjukkan bahawa negeri saya Trengganu walaupun sudah banyak minyak dikeluarkan masih juga tergolong dalam kumpulan negeri miskin dan kerana itu perhatian yang lebih besar perlulah diberi kepada negeri itu.

Dari segi pembahagian kaum pula 75.5% orang-orang Melayu adalah dianggap miskin di Semenanjung Malaysia. Di Sabah 82% kaum bumiputra adalah miskin sementara di Sarawak pula peratus bumiputra yang miskin lebih tinggi iaitu 86%. Perincian kemiskinan menurut sektor pula memperlihatkan walaupun kadar kemiskinan di dalam sektor pertanian di anggarkan telah berkurang daripada 68.3% dalam tahun 1970 menjadi 46.1% di dalam tahun 1980, kadar ini masih jauh berada di belakang sektor bukan pertanian.

Intisari dari peratus-peratus ini membuktikan bahawa orang yang miskin itu ialah:

- (1) Rakyat luar bandar yang bekerja sebagai petani.
- (2) Mereka itu tinggal di Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah, Trengganu dan Perlis.

Gambaran ini telah wujud sejak lama sebelum kita merencanakan Dasar Ekonomi Baru sepuluh tahun yang lalu. Walaupun

kadar kemiskinan pada umumnya telah berjaya diturunkan namun demikian pekerja-pekerja yang terlibat di dalam sektor yang saya sebutkan tadi masih juga miskin. Ini sudah semestinya mengingatkan kepada kita bahawa tumpuan-tumpuan selanjutnya hendaklah diberi kepada kumpulan-kumpulan ini. Kejayaan kita menghapuskan kemiskinan di kalangan mereka sekali gus akan membawa kita kepada pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang kedua iaitu penyusunan semula masyarakat.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru pada perancang kita supaya lebih giat dan lebih gigih menyusun projek-projek secara lebih luas dan lebih intensif bagi memastikan bahawa kadar kemiskinan di kalangan rakyat yang saya sebutkan tadi akan turun dengan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha membangunkan negara, kita banyak sekali bergantung kepada tenaga-tenaga luar, terutama bagi menjalankan projek-projek di mana kepakaran di dalam negeri sendiri tidak ada. Apa yang hendak saya kemukakan di sini ialah masalah bahawa tenaga-tenaga luar, kontraktor-kontraktor luar itu tidak diawasi, terutama dalam soal pengambilan tenaga-tenaga pekerja. Saya difahamkan bahawa apabila kita minta kontraktor-kontraktor luar atau konsaltan-konsaltan luar negeri menolong kita dalam menjayakan sesuatu projek yang khusus, maka kita berharap penglibatan mereka itu bukan sahaja bererti membangunkan negeri kita tetapi juga boleh menolong mempercepatkan perpindahan kepakaran dan teknologi kepada rakyat Trengganu sendiri.

Saya ingin mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, satu case study mengenai sebuah syarikat Korea yang bernama Hyundai Construction yang terlibat di dalam pembinaan projek Ampangan Kenyir di Ulu Trengganu. Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini telah mengambil alih pembinaan ampangan tersebut selepas siap pembinaan projek aliran air sungai yang dilakukan oleh sebuah syarikat Jepun. Sejak kira-kira 7 atau 8 bulan yang lalu apabila syarikat Hyundai Construction ini menjalankan tugasnya hingga sekarang kira-kira 800

orang pekerja-pekerja tempatan telah diambil. Pada masa ini kira-kira 350 orang pekerja-pekerja Korea juga bertugas di sini. Seramai kira-kira 186 orang daripada pekerja-pekerja Korea ini membuat kerja-kerja yang boleh dibuat oleh pekerja-pekerja tempatan. 213 pekerja-pekerja tempatan telah memohon bekerja di situ sebilangan besar daripadanya telah diuji dan telah lulus ujian itu.

Saya ingin secara ringkas menyebut di sini jenis-jenis pekerjaan dan bilangan pekerja Korea serta bilangan pekerja-pekerja tempatan yang menunggu dipanggil bekerja. Operator Back Hoe & Shovel UH - 30-25 orang pekerja Korea, 17 pekerja tempatan sedang menunggu. Pembawa bulldozer - 27 orang pekerja Korea, 50 orang pekerja tempatan menunggu. Pay Loader 15 - Korea 12 pekerja tempatan menunggu. Dumping truck iaitu 25 dan 30 tan, 27 orang bangsa Korea sedang bekerja, 39 orang rakyat tempatan sedang menunggu untuk diambil bekerja. Trailer 52 orang Korea sedang bekerja, 30 orang sedang menunggu. Explosive dan blasting 35 orang Korea, 30 pekerja tempatan. Welders 21 orang Korea, 5 pekerja tempatan, Mechanic 39 orang Korea, 7 pekerja tempatan; Crusher dan General Workers 30 orang Korea dan 40 pekerja tempatan. Bahkan 10 orang daripada bangsa Korea ini menjadi driver water dan fuel tank (truck air dan truck minyak). Angka-angka ini ialah selain daripada 48 orang pekerja-pekerja yang terdiri daripada Jurutera, Surveyors dan para pentadbir. Adapun angka-angka yang saya sebutkan ini ialah pada setakat 15-3-1981 tetapi sejak itu hingga sekarang iaitu dalam tempoh dua minggu kira-kira 50 orang lagi pekerja Korea ini datang dari Korea dan menjadikan jumlah besar pekerja-pekerja bangsa Korea di situ sekarang seramai 400 orang iaitu kira-kira 50% daripada jumlah tenaga tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau aliran kedatangan orang-orang Korea ini tidak dihentikan segera, tidak lama lagi kawasan saya Kenyir akan menjadi suatu colony kecil bangsa Korea.

Tuan Yang di-Pertua, satu majlis dialog telah diadakan di antara 50 orang Wakil Rakyat di kawasan Parlimen Ulu Trengganu

dengan pekerja-pekerja ampangan tersebut di Dewan Bandaran Kuala Berang pada 27-2-1981 dan dalam majlis tersebut beberapa keadaan serius telah terbongkar.

Yang pertama, pekerja-pekerja Korea itu sentiasa bersikap kasar dengan pekerja-pekerja tempatan, tengking dan herdik adalah amalan harian. Kedua, pekerja-pekerja tempatan sentiasa menerima penghinaan dan tekanan daripada orang-orang Korea ini. Mereka selalu mengatakan: Korean operators atau Korean workers No. 1, Malaysian operators atau Malaysia workers No. 10. Bangsa Korea ini bukannya tahu cakap orang Putih sangat, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dengan bahasa loghat yang pasar itu mereka menghina pekerja-pekerja tempatan, setiap hari dengan kata-kata seperti itu. Pekerja-pekerja tempatan itu sentiasa disalahkan apabila berlaku sesuatu hal yang tidak betul walaupun puncanya datang daripada pekerja-pekerja Korea. Pihak majikan lebih mendengar aduan-aduan daripada bangsa mereka sendiri daripada mendengar aduan-aduan daripada pekerja-pekerja tempatan. Pekerja-pekerja tempatan akan diberi amaran dan akan dibuang kerja apabila sesuatu yang tidak betul berlaku sama ada kesalahan itu berpunca daripada pekerja-pekerja tempatan atau tidak dan tempat mereka yang dibuang itu akan segera diisi oleh pekerja-pekerja yang didatangkan dari Korea.

Banyak daripada pekerja-pekerja Korea ini tidak tahu membuat apa-apa satu kerja pun apabila mereka datang ke tempat itu. Mereka terpaksa diajar oleh pekerja-pekerja tempatan sama ada hendak membawa mesin-mesin dan sebagainya dan apabila operator-operator Korea ini sudah pandai maka pihak majikan akan cuba mencari kesalahan-kesalahan demi kesalahan pekerja-pekerja tempatan untuk membuang mereka.

Juga operator-operator tempatan ini diberi jentera-jentera yang sudah uzur, sudah tua keadaannya dan mereka pula diperintahkan bertugas di tempat-tempat yang sukar dan berbahaya dan semua jentera-jentera baru yang baru dibawa ke situ tidak dibenarkan pekerja-pekerja tempatan menyentuhnya melainkan pekerja-pekerja Korea sahaja dan apabila jentera-jentera yang buruk dan sudah

uzur itu rosak atau berlaku kemalangan kerana keburukan mesin jentera itu, maka orang-orang Korea itu nanti akan mengulangi perkataan: Malaysian workers No. 10, Korean workers No. 1.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah keselamatan yang cukup tidak diberi kepada pekerja-pekerja tempatan. Mereka disuruh bekerja di tengah-tengah hujan tetapi kasut-kasut yang sempurna dan baju-baju rain coat tidak diberi kepada mereka dan juga topi-topi keselamatan hanya diberi kepada semua pekerja apabila VIP datang melawat. Ketika inilah juga mereka diberi tea break dan disuruh berihat sedangkan di lain-lain hari mereka ini dieksploitkan sehingga tidak ada masa langsung untuk pekerja-pekerja ini berehat.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang amat mendukacitakan hasil daripada dialog yang diadakan itu ialah adanya laporan-laporan yang mengatakan bahawa pihak yang mengendalikan projek ini membuat kerja-kerja memecah batu atau blasting dengan dynamite ketika pada masa orang baru sahaja habis bekerja, tepat pada pukul 6.00 petang apabila kerja shift yang pertama baru hendak berundur daripada tempat mereka maka mereka pun mulalah menjalankan kerja memecah batu dan sering berlaku kemalangan akibat daripada keadaan ini. Ini ialah oleh kerana mereka tidak mahu kehilangan masa walau satu saat sekalipun demi untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja yang baru habis kerja itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga laporan-laporan yang mengatakan bahawa pekerja-pekerja tempatan yang kena kemalangan tidak diberi pampasan. Ada pekerja-pekerja yang duduk di hospital selama 28 hari tetapi sehingga lapan bulan kemudian tidak satu sen pun dibayar kepada pekerja itu sampai sekarang ini. Kalau ada pekerja-pekerja Korea yang ditimpa kemalangan, maka mereka akan segera diberi pampasan dengan tidak berlengah-lengah lagi walaupun mendapat kemalangan yang kecil. Pekerja-pekerja tempatan dimasukkan ke kelas tiga sementara pekerja-pekerja Korea walaupun membuat kerja yang sama dimasukkan ke kelas dua. Malangnya, apa yang telah berlaku ini telah diadakan kepada pihak Jabatan

Buruh tetapi nampaknya tidak ada tindakan apa-apa setakat ini. Apa yang berlaku ialah saya mendapat tahu orang-orang Korea ini sangat murah hati dengan bungkus-bungkus yang saya percaya mengandungi ginseng dan mungkin lain-lain tonic dan kerana itu apa yang mereka buat, apa yang berlaku di Kenyir tertutup daripada pandangan banyak orang. Keadaan ini mestilah dihentikan segera dan agensi-agensi yang terlibat di dalam pembinaan ampangan yang besar itu hendaklah bertindak dari sekarang juga sebelum pengaruh ginseng merebak sehingga sampai kepada satu paras yang tidak boleh dikawal lagi.

Berikut dengan dialog dengan pekerja-pekerja hydro itu, Kerajaan Trengganu telah menubuhkan suatu jawatankuasa penyiasat untuk mendalami masalah-masalah yang berbangkit daripada apa yang saya katakan "Kenyir affair" itu. Saya sendiri dilantik menjadi salah seorang daripada anggota jawatankuasa itu. Apa yang saya harapkan dari Kerajaan Pusat ialah untuk memastikan bahawa agensi-agensi yang terlibat dengan pembinaan dan pengambilan pekerja-pekerja tersebut memastikan bahawa, yang pertama, pihak Jabatan Imigeresen misalnya tidak akan lagi mengeluarkan kebenaran masuk kepada pekerja-pekerja Korea yang hendak datang bekerja di situ. Yang kedua, pihak Jabatan Buruh hendaklah berhenti daripada mengeluarkan permit-permit kerja kepada orang-orang Korea yang hendak masuk bekerja di situ. Kalau juga hendak dikeluarkan maka suatu kajian yang menyeluruh hendaklah dibuat tentang kebolehan dan kepakaran mereka dan hanya kalau dipastikan bahawa tidak ada pekerja tempatan yang boleh membuat kerja yang hendak dibuat oleh pekerja Korea itu barulah permit kerja ini boleh dikeluarkan.

Juga pihak LLN juga hendaklah mengarahkan Syarikat Hyundai Construction supaya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada jawatankuasa Kerajaan yang telah dibentuk itu. Mereka hendak memastikan bahawa tidak ada pekerja yang diambil tindakan baik secara langsung atau secara tidak langsung baik secara kasar atau secara halus kerana memberi maklumat kepada jawatankuasa yang dibentuk itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak Kerajaan Pusat supaya menubuhkan sebuah jawatankuasa tertinggi untuk menyasiat kedudukan semua syarikat-syarikat antarabangsa yang diberi tender untuk membina projek-projek yang besar di negara ini bagi memastikan tidak ada kecurangan berlaku, tidak ada penyelewengan berlaku, tidak ada sebarang pelanggaran dasar berlaku, terutama dalam hal-hal pengambilan pekerja dan juga jawatankuasa itu haruslah memastikan bahawa pekerja-pekerja tempatan tidak dibina dan tidak didiskriminasikan dan bahawa amalan apartheid dan tindakan racialist seperti yang dilakukan oleh Syarikat Hyundai Construction di Kenyir itu tidak berlaku.

Saya membuat cadangan ini oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dengar menyatakan keadaan yang hampir serupa bahkan lebih-lebih lagi sedang berlaku di Bintulu iaitu dalam pembinaan projek LNG di sana.

Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, badan penyiasatan seperti itu adalah penting bagi menjamin bahawa sementara kita mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat antarabangsa di dalam usaha pembangunan negara kita, kita juga hendaklah memastikan bahawa kepentingan rakyat negara ini terlindung dan dilindungi sepanjang masa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

4.01 ptg.

Tuan Wong Hoong Keat (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap di masa yang bersejarah ini pada peristiwa yang bersejarah. Rancangan Malaysia Keempat telah dilancarkan dengan ingatan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa untuk menjamin kehidupan kita tidak boleh menjadi tamak. Ini mungkin mengaturkan perasaan dan emosi kepada Rancangan Malaysia Keempat. Ianya perlu dijadikan garis panduan-garis panduan bahawa untuk menjamin kehidupan kita perlulah belajar supaya tidak menjadi tamak. Masyarakat Malaysia sedang disusun—

sedang disusun bukan mengikut kelas akan tetapi berdasarkan kepada keturunan kaum. Dengan ini kita perlu menyedari bahawa kita tengah bermain di atas satu lapisan ais yang nipis, kerana soal perkauman adalah satu perkara yang sangat merbahaya dan mudah meletus. Kami berharap bahawa masalah-masalah perkauman akan dapat diatasi melalui pelaksanaan program-program yang akan dilancarkan dengan rasional.

Sungguhpun berdasarkan kepada asas perkauman, mungkin tidaklah kena pada tempat saya menyatakan sebentar tadi bahawa kami tengah bermain di atas satu lapisan ais yang nipis. Mungkin lebih sesuai jika dinyatakan bahawa kita tengah berjalan melalui satu kawasan yang penuh dengan periok api dan ranau. Silap sahaja langkah dari segi politik, emosi ataupun ekonomi mungkin membawa masyarakat kami kepada keadaan kacau-bilau dan huru-hara. Corak kemasyarakatan, masyarakat Malaysia kami ini yang terjalin erat melalui usaha-usaha yang gigih akan dihapuskan sama sekali. Oleh yang demikian, . adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia bergerak bukannya bergantung kepada emosi, akan tetapi berdasarkan kepada logik dan rasional. Sama ada kita suka atau tidak, Malaysia adalah sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Sama ada kami hendak mengakui atau tidak, pertimbangan dan penyesuaian adalah dibuat berdasarkan kepada asas perkauman. Sama ada kita suka atau tidak emosi perkauman sangat mudah dibangkitkan. Oleh yang demikian, kami perlu sejauh mana yang kita mampu membuat penyesuaian berperingkat-peringkat dan jika perlu di dalam suasana yang luar dari publisiti-publisiti dan pembesaran diri melalui rundingan dan tidak dalam suasana yang sebaliknya. Kita haruslah meninjau situasi ini satu persatu.

1. *Pelajaran dan Bahasa*

Kita sedar bahawa kita perlu adakan satu bahasa umum. Kita perlu juga mengambil pertimbangan aspirasi-aspirasi keturunan-keturunan yang berasa lebih konfiden terhadap bahasa dan kebudayaan mereka, bahkan sentiasa dibimbing oleh bahasa dan kebudayaan mereka diri sendiri. Di situ

perbezaan perlu diseimbangkan dengan keperluan dan permintaan. Ini juga sama untuk kebudayaan dan keugamaan.

2. *Pekerjaan*

Tujuan untuk menolong mereka yang gagal untuk mendapat pekerjaan adalah satu kehendak sosial. Padahal Kerajaan berasa bahawa adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan untuk memberi pekerjaan dan keperluan pakaian dan makanan kepada rakyat-rakyat terutama sekali kepada mereka yang miskin. Dasar dan pemberian pekerjaan adalah berasaskan kepada peratusan emperik. Jika tidak diberi apakah dan bagaimanakah boleh kita menggubal dasar ini. Ini perlukan pemikiran yang mendalam. Sebaliknya, kaedah emperik ini telah membangkitkan implikasi-implikasi dan masalah-masalah yang perlu juga diatasi melalui perundingan tanpa publisiti, ini adalah kerana corak perkauman masyarakat adalah juga terjejas dan akan membangkitkan penghijrahan di antara negeri-negeri dan penyesuaian kawasan perlu ditinjau tentang masalah-masalah perumahan dan keperluan dalam konteks bagaimanakah cara 30% akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengambil perhatian bahawa 30% itu tidak boleh disesuaikan pada kadar yang sama dan dengan seimbang di dalam segala bidang. Usaha-usaha kami, misalnya peratusan ini adalah tidak seimbang sama sekali dalam Angkatan Tentera, Polis, Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam dan Pegawai-pegawai Negeri. Oleh yang demikian sektor swasta mempunyai kesulitan untuk mendapatkan bahan-bahan yang sesuai untuk keperluan mereka, dan oleh itu mereka sangat khuatir. 30% ini tidak dipenuhi dan mungkin tidak dapat dipenuhi. Di sini juga kami perlu mengambil pertimbangan struktur perkauman masyarakat di negara-negara Kami sedar bahawa kadar pengambilan minima 30% ini seumpama di Kelantan dan Kedah akan dengan sendirinya dilebihi. Manakala di Pulau Pinang seumpamanya usaha-usaha dipaksakan untuk mencapai matlamat ini. Saya percaya sungguhpun berdasarkan kepada struktur ini kita perlu mengadakan penyesuaian yang licin supaya tidak menimbulkan ketidakpuasan hati di

antara rakyat-rakyat dan keperluannya dari segi ekonomi dan kewangan pula kita dapati bahawa ada usaha-usaha yang ikhlas untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Akan tetapi oleh kerana menyalahgunakan kuasa dan tamak kadangkala kadar pelaksanaan adalah melebihi keperluan dan ini mengakibatkan perselisihan faham.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula yang tidak berkesan. Sungguhpun kita suka atau tidak, masyarakat kami perlu disusun semula. Akan tetapi perlu sentiasa dinyatakan penyusunan semula ini tidak harus dijalankan di mana kaum-kaum yang lain dalam masyarakat Malaysia ini tidak berasa tidak puashati sehingga kita menghilangkan kesan kami dalam proses ini, ataupun membiarkan perkara ini menjadi suatu perkara yang mustahil. Sebagai misalnya dalam perkembangan Bahasa Kebangsaan kita tidak patut menghilangkan apa yang telah kami memperolehinya. Bahasa Inggeris yang telah dipuji-pujikan oleh berbagai-bagai negara dan yang telah membawa negara kami kepada barisan hadapan kemajuan pembangunan intelektual.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula, dalam usaha untuk menetapkan 30% pelaburan bagi bumiputra, kita sebenarnya menyimpan saham-saham yang bukan sahaja mengadakan kekurangan "artificial" atau yang disengajakan yang akan menggalakkan inflasi di antara harga-harga saham bahkan juga mengadakan satu had atau restriction yang artificial atas pengelilingan secara licin saham-saham. Ini adalah salah satu kebaikan dalam mempunyai dan perniagaan saham.

Dan dalam hal pemberian lesen bas dan teksi, syarikat yang kecil diminta tentang kemungkinan memberi 30% saham kepada bumiputra. Dalam sebuah syarikat yang tidak menarik bumiputra, ini sudah pasti syarikat tersebut tidak diberi lesen. Dalam perkara ini kami patut mengawal pelaksanaan secara pembangunan.

Saya tidak bercadang bercakap terus menerus atas perkara ini dengan lengkap tetapi pada hari ini saya hanya bercakap mengenai dasar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang

menegaskan bahawa adalah perlu untuk mengawal sifat tamak kita yang menjadi tumpuan ucapan saya. Kita hendaklah bertolak ansur. Kita haruslah mengawal sifat tamak kita bukan sahaja dalam hal ekonomi dan kewangan tetapi juga dalam hal politik dan emosi kita. Di sini saya berasa saya tidak dapat terus-menerus bercakap untuk membangkang bagi tujuan membangkang sahaja—Pembangkangan tanpa pencapaian yang membina. Dari beberapa tahun perkhidmatan Parlimen saya, saya telah berasa bahawa pembangkang pada masa ini cuma membawa harapan yang palsu sahaja kepada rakyat dan tidak langsung berfaedah. Tambahan, saya benar-benar berharap membawa pembangunan kepada rakyat dari kawasan Parlimen saya dan ini hanya dapat dilakukan oleh saya jika saya adalah lebih berkesan lagi. Saya boleh menjadi lebih berkesan dengan bekerja rapat dalam Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu, saya telah mengambil keputusan untuk meninggalkan kawan seperjuangan saya bukan dengan sebab kebencian tetapi sebagai seorang yang bersedia untuk menuju ke arah lain disebabkan perbezaan pemikiran politik. Saya kesal jika sekiranya mereka berasa sakit hati. Saya telah memutuskan untuk meninggalkan bukan kerana saya telah dibuang tetapi oleh kerana saya berasa kita terpaksa bertindak mengikut kebebasan pilihan—satu keperluan dalam sistem Parlimen yang democratic, dan mengikut sanubari kita sendiri—satu keperluan bagi semua tokoh politik yang berfikir bebas.

Oleh yang demikian, sukalah saya menyatakan bahawa saya berharap saya akan diterima oleh penyokong-penyokong Kerajaan dan pandangan serta kemahuan saya akan dihormati. (*Tepuk*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Lular.

4.20 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lular): Tuan Speaker, saya turut menyokong Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini pada 27-3-1981.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan juga kepada pegawai-pegawainya yang sudah menitik-berat dan menyusun semula program-program dengan mendalam dan mengambil masa kurang lebih 18 bulan sebelum ianya dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, Rancangan Malaysia Keempat ini adalah sumbangan kepada Rancangan Malaysia Ketiga. Ia telah membawa kesan kepada rakyat Malaysia dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Pengalaman diperlolehi daripada Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat membimbing kita untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat dengan lebih sempurna. Rancangan Malaysia Keempat ini membelanjakan sebanyak \$42,829,050.

Tuan Speaker, rakyat dengan penuh kepercayaan kepada Kerajaan kerana projek-projek yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini akan membawa banyak anggapan kepada rakyat. Rakyat khasnya rakyat di luar bandar menganggap bahawa masa hadapan mereka adalah teratur dan mereka boleh bergiat dan telah memperhatikan faedah-faedah kemerdekaan negara kita. Rakyat berharap bahawa projek-projek yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini telah dapat memberi kemudahan-kemudahan dan mendatangkan hasil kepada rakyat masyarakat dan juga kepada negara kita.

Tuan Speaker, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh bahawa dasar Kerajaan akan menyusun semula masyarakat, guna-tenaga untuk mengawal dan mengurangkan kesan-kesan terhadap golongan yang miskin. Tidak boleh dinafikan bahawa Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga berdasarkan Dasar Ekonomi Baru yang telah memberi banyak perubahan kepada masyarakat yang berbilang keturunan. Tetapi saya masih bimbang walaupun banyak kawasan-kawasan di luar bandar sudah mendapat bekalan air paip, sekolah-sekolah, klinik, bekalan elektrik, jalan kecil dan lain-lain, jadi dalam membasmikan kemiskinan ini, saya fikir Kerajaan haruslah mengkaji dengan teliti

mengapakah masih terdapat rakyat di luar bandar begitu ramai masih dalam kemiskinan. Memang didapati bahawa dasar Kerajaan akan meninggikan taraf hidup rakyat khasnya kepada kaum petani di kawasan luar bandar, akan tetapi kalaulah penghidupan petani tidak dikaji dengan penuh teliti, maka kehidupan mereka, saya fikir tidak dapat terjamin dan ekonomi negara akan bertambah merosot di masa hadapan.

Tuan Speaker, pada pandangan saya apa yang perlu dikaji dalam Rancangan Malaysia Keempat ini ialah:

Pertama, Kerajaan perlulah membuka lebih besar lagi tanah untuk tanaman seperti tanaman kelapa sawit, getah, koko, kelapa, tebu dan lain-lain supaya hasil dari pendapatan rakyat petani-petani akan dapat menjamin kemajuan ekonomi baru Malaysia yang boleh mengubah keadaan hidup mereka dan negara dan juga dinikmati oleh semua rakyat bagi membina masyarakat Malaysia yang adil dan bersatu-padu.

Kedua, mengambil lebih banyak lagi pegawai-pegawai dan akan dilengkapi dengan latihan dan juga semasa mengambil pegawai-pegawai di seluruh negara perlulah disiasat dengan teliti supaya cara mengambil pegawai di seluruh negara tidak akan dipilih satu keturunan sahaja bahkan diambil dengan secara yang berpatutan. Misalnya di negeri Sarawak Dayak-Iban yang masih majority penduduk di kawasan tersebut dan jika Dayak-Iban ini diambil dengan peratus yang rendah sekali maka saya bimbang Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Keempat ini tidak dapat memberi kemakmuran kepada negara, kerana kalau kita kaji dengan teliti bahawa apakah sebab kemiskinan ini ada berlaku begitu hebat di kalangan rakyat di luar bandar. Nyatalah mereka tidak mendapat kemewahan hidup yang berpunca daripada wang, misalnya kalau kita kaji di Sarawak kewangan semuanya bertumpu kepada bandar-bandar sahaja. Inilah yang menyebabkan bahawa rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar tidak mendapat segala kemudahan dan oleh hal

yang demikian rakyat yang masih dalam kemiskinan dapat dipengaruhi oleh anasir jahat.

Tuan Speaker, kemiskinan adalah satu jenayah, satu masalah yang lebih buruk di kalangan rakyat kerana dengan keadaan kemiskinan ini rakyat berasa tidak puas hati dan tidak bersedia berhadapan dengan cabaran. Cabaran masa sekarang satu musuh negara yang telah timbul di negara kita. Pihak komunis telah cuba mengancam negara kita dengan cara yang tidak berperlembagaan. Kita semua sedia maklum bahawa musuh negara ini biasanya didapati pihak komunis mengambil kesempatan di atas kemiskinan. Kerajaan adalah benar ataupun tidak merangka untuk membasmi kemiskinan rakyat supaya semua lapisan rakyat Malaysia merasai tidak ketinggalan di bidang kemajuan dan pembangunan-pembangunan yang telah disusun dalam Rancangan Malaysia Keempat ini.

Saya sekali lagi di sini merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mengkaji penghidupan rakyat di kawasan luar bandar bagaimanakah hasil mereka dijual daripada titik peluh mereka. Bagaimanakah timbul punca-punca kemiskinan mereka.

Tuan Speaker, ingin juga saya di sini menyentuh satu dua perkara bagi menarik perhatian Kementerian berkenaan kepada keadaan rakyat di kawasan saya terutamanya para petani, penanam padi, pekebun kecil, penanam getah, kelapa dan penanam lada hitam. Kebanyakan petani ini terdiri daripada kaum bumiputra dan masih lebih 70% mereka itu bergantung cara hidup mereka kepada usaha di bidang pertanian dan perkara pertanian ini sentiasa juga dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dan oleh hal yang demikian, saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya ambil tindakan yang tegas dan meneliti dengan mendalam supaya bantuan yang berpatutan kepada petani-petani dapat dipertimbangkan dengan lebih besar di masa-masa yang akan datang. Walaupun dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan ada memberi bantuan kepada pekebun kecil seperti baja, racun serangga dan bantuan subsidi kepada penanam getah dan juga penanam lada hitam tetapi

bantuan itu tidak mencukupi, tidak memuaskan kepada petani yang benar-benar menjadi petani.

Tuan Speaker, kami sebagai Ahli dari Sarawak memang bertanggungjawab membawa pandangan kepada Kerajaan Pusat dan kami juga berulang kali merayu kepada Kementerian berkenaan supaya wang yang diperuntukkan dalam bidang pertanian di Sarawak akan dapat dilipatgandakan.

Tuan Speaker, Sarawak sudah merdeka dalam Malaysia hampir 18 tahun dan saya tidak faham apakah sebab parti DAP baru-baru di mesyuarat kali ini berasa bimbang dengan kesusahan rakyat di Sarawak. Parti DAP baru di mesyuarat kali ini bercakap dan merasa tidak puas hati berulang-ulang kali dan bercakap kepada hal kemiskinan di negeri Sarawak. Tetapi kami sebagai Ahli dari Sarawak, 18 tahun sudah bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Kami sentiasa memberi pandangan kami kepada Kerajaan Pusat menyampaikan perasaan rakyat Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga telah menyentuh berkaitan dengan kemajuan pembangunan Bintulu dan pengambilan tanah di kawasan tersebut. Pihak Kerajaan Negeri dan pihak Kerajaan Pusat sudah mengkaji dengan teliti terhadap Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980. Rakyat di Bintulu khasnya kaum bumiputra tidak berasa bimbang kerana Pengerusi Lembaga Pelabuhan Bintulu itu ialah Ketua Menteri Sarawak sendiri. Walaupun Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri baru-baru ini, kerana beliau ingin menjadi bapak kami di Sarawak, akan tetapi kami juga ada Ketua Menteri yang baru Yang Berhormat Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud, bekas Menteri di Persekutuan selama 12 tahun dan beliau didapati penuh pengalaman. Oleh yang demikian, sekiranya ada kesulitan-kesulitan di kawasan Bintulu itu, kami fikir akan dapat diselesaikan mengikut keadaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980.

Tuan Speaker, pada pandangan orang ramai tujuan parti DAP ingin

menambahkan kerusi parti mereka kerana saya difahamkan bahawa penduduk di kawasan Bintulu itu kebanyakan keturunan orang Cina yang lebih besar di masa akan datang. Oleh hal yang demikian, pemimpin parti DAP telah mengambil kesempatan bercakap dalam Dewan yang mulia ini untuk meninggikan taraf imej parti mereka supaya parti mereka mendapat sokongan dari orang ramai.

Tuan Speaker, di Sarawak dan juga Sabah rakyat tidak berasa bimbang walaupun parti DAP mengkritik dalam Dewan yang mulia ini berkaitan kesusahan rakyat di kedua-dua buah negara itu kerana contohnya sudah ada, baru-baru ini kita baca dalam suratkhbar parti DAP dan parti-parti yang lain di Sabah akan semua hancur seperti lombong di Puchong. Inilah satu contoh rakyat di Sabah dan juga di Sarawak tidak percaya kepada parti DAP kerana parti itu ingin memecah-belahkan kepada perpaduan rakyat di seluruh negara Malaysia.

Selain dari itu bahawa rakyat Malaysia khususnya rakyat di Sarawak yang berbilang keturunan haruslah berfikir dengan mendalam supaya mereka janganlah dipengaruhi oleh ucapan Ahli dari Petaling yang bercakap dengan tidak ada kebetulan dalam Dewan yang mulia ini. Mereka bukan bertanggungjawab kepada rakyat Sarawak, yang bertanggungjawab di negeri Sarawak ialah Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak sendiri di peringkat negeri, menteri-menteri yang lain, pegawai-pegawai kanan kerajaan, ketua masyarakat. Rakyat Sarawak tidak mahu berpecah-belah oleh orang yang tidak betul bertanggungjawab. Ahli dari Petaling menentang bahawa rakyat bumiputra di Sarawak tidak patutlah diberi syer 50% dalam bidang kemajuan, perniagaan dan perindustrian.

Tuan Speaker, sebelum Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980 diluluskan dalam Dewan yang mulia ini pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat sudah menitikberatkan atas peratusan syer kepada kaum bumiputra. Memang sudah menjadi dasar Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup rakyat yang masih hidup dalam kemiskinan. Kami harap bahawa Rancangan

Malaysia Keempat ini akan dapat memberi hasil lebih tinggi kepada golongan yang miskin. Kami tidak menyekat kaum bukan bumiputra, kami kaum bumiputra ingin bekerjasama (joint venture) di bidang perniagaan dan perindustrian dan juga di bidang kemajuan negara dengan kaum bukan bumiputra.

Tuan Speaker, pandangan orangramai berpuluh-puluh tahun yang lalu semua saw-mill di negeri Sarawak dipunyai oleh kaum bukan bumiputra, kami tidak cemburu, tetapi kami ingin tahu di manakah hasil pendapatan dari kayu balak itu disimpan oleh timber tycoon itu. Misalnya, sekiranya 10 orang timber tycoon menyimpan wang hasil dari kayu balak itu di England atau di Amerika siapa yang rugi? Kerajaan rugi, rakyat bumiputra yang rugi. Sebaliknya, hak hutan itu hak bumiputra, hak rakyat. Saya merayu kepada Kerajaan supaya mengadakan satu Undang-undang Bank Wang Simpanan Malaysia dikuatkuasa supaya Rancangan Malaysia Keempat ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Speaker, saya menyokong penuh atas ucapan Ahli dari Betong berkait dengan skim tebu yang mana sangat perlu ditubuhkan di Sarawak. Kita tidak boleh bergantung semata-mata atas gula dari luar negeri seperti Australia dan lain-lain. Kita masih ada kawasan yang luas dan subur dan dalam rancangan Malaysia Keempat ini Kerajaan haruslah menyiasat kawasan yang sesuai untuk menubuhkan skim tebu khasnya di Sarawak supaya Malaysia akan dapat menampung kekurangan gula di masa akan datang dan kedua Kerajaan harus membuka lebih banyak tanah untuk pesawah-pesawah supaya negara ini Malaysia akan dapat menyediakan beras yang mencukupi kepada rakyat di seluruh negara. Kita tidak boleh bergantung dengan membeli beras dari luar negeri bertahun-tahun. Kita mesti bersedia seperti kata pepatah sebelum hujan sediakan payung. Kerajaan kita harus menyediakan peruntukan wang lebih besar kepada pertanian untuk meninggikan dasar ekonomi Malaysia. Saya harap supaya peruntukan di bidang pertanian di seluruh negara perlulah digalakkan dengan secara moden.

Akhir sekali, ingin saya menyentuh berkaitan dengan pemuda-pemudi kita yang tinggal di kawasan pedalaman, khasnya pemuda-pemudi di luar bandar yang ingin bersama-sama mengambil bahagian di bidang latihan, perniagaan dan perindustrian. Saya difahamkan bahawa banyak pemuda-pemudi di kawasan luar bandar ketinggalan di bidang latihan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Oleh yang demikian, saya di sini merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya dapat menjalankan siasatan dengan teliti ataupun Kementerian ini menubuhkan satu Jawatankuasa Khas di peringkat Daerah supaya siasatan yang tertentu akan dapat dijalankan dengan secepat mungkin dan kemudian pemuda-pemudi kita yang tinggal di kawasan luar bandar akan dapat mengambil bahagian di bidang latihan perniagaan dan perindustrian kerana latihan dan ilmu pengetahuan pemuda-pemudi kita akan perlu digalakkan dengan lebih berkesan.

Tuan Speaker, saya berharap bahawa pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat mengambil perhatian dengan serius atas perkara pemuda-pemudi kita di seluruh negara. Kalau pemuda-pemudi kita di kawasan luar bandar dibiarkan maka saya khuatir kerana mereka mudah dipengaruhi oleh anasir jahat dan juga mereka terdedah, ini boleh menjadi satu penyakit cancer kepada negara kita.

Tuan Speaker, dalam rancangan Malaysia Keempat ini saya percaya bahawa pendapatan hasil negara Malaysia juga telah bertambah besar seperti di negeri Sarawak, hasil daripada pengeluaran minyak sudah meningkat tinggi dan saya percaya bahawa masa hadapan Kerajaan Pusat perlulah menambahkan royalti kepada negeri Sarawak dari 5% kepada 10%. Saya rasa tambahan dari 5% kepada 10% adalah berpatutan dan saya berharap bahawa Kerajaan Pusat akan dapat memberi pertimbangan kepada Kerajaan Negeri dalam hal royalti ini.

Tuan Speaker, saya sekali lagi menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lalu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Telok Anson.

4.41 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lalu.

Sebelum saya memberi komen-komen terhadap rancangan Malaysia Keempat ini, izinkan saya menarik perhatian Kerajaan tentang satu perkara yang serius dan harus disejajarkan. Saya merujuk kepada tragedi tanah runtuh yang telah berlaku di lombong timah bagi kali yang ketiga dalam bulan Mac ini sungguhpun kita belum memasuki dalam musim tengkujuh lagi. Runtuhan kali yang terakhir inipun telah mengakibatkan kehilangan nyawa bagi beberapa orang. Tidakkah perkara ini dipandang dengan seriusnya? Adakah mencari keuntungan lebih penting daripada keselamatan manusia? Apakah sebab-sebabnya lombong-lombong yang berusia dalam keadaan yang merbahaya ataupun yang disyaki menjadi ancaman-ancaman tertentu tidak diarah memberhentikan sementara, baik bagi sebulan mahupun seminggu ataupun sehari supaya kajian-kajian dapat dijalankan dengan lebih mendalam untuk menentukan nyawa pekerja-pekerja lombong kita tidak terancam. Tengoklah buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perusahaan Utama kita terbang ke sini dan ke sana, seolah-olah beliau adalah seorang Inspector of Mines. Janganlah merendahkan Menteri kita begini, janganlah menjadikan Menteri kita sebagai Inspector of Mines. Saya mendesak Kerajaan supaya mengambil segala tindakan untuk menjamin kejadian kehilangan nyawa ini tidak diulangi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah menyediakan Rancangan Malaysia Keempat dalam bentuk satu buku yang begitu lengkap (comprehensive). Buku ini merakamkan prestasi-prestasi Kerajaan dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai bagi beberapa tahun kebelakangan, khasnya dalam usaha untuk membantu bumiputra. Misalnya kadar pertumbuhan pendapatan tahunan bagi

tempoh tahun 1970 hingga 1979 adalah lebih cepat bagi orang-orang bumiputra. Ini boleh dilihat di Jadual 3.9 muka surat 62. Kadar pengangguran bagi bumiputra telah berkurangan dari 8.1% dalam tahun 1970 kepada 5.1% dalam tahun 1980. Ini boleh dibaca di perenggan 154 di muka surat 63. Kejayaan-kejayaan lain boleh diperhatikan di perenggan-perenggan lain, tetapi Buku Rancangan Malaysia Keempat ini juga merekodkan bidang-bidang tertentu yang kurang berjaya atau kurang memuaskan dan harus diperbaiki lagi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa perkara untuk perhatian Kerajaan.

Kemiskinan

Kita dapat membaca bahawa kemiskinan telah berkurangan dari 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29.2% dalam tahun 1980. Ini adalah satu kejayaan yang amat cemerlang dan harus dibanggakan oleh semua rakyat tetapi dalam Jadual 3.2 di muka surat 39 kita dapat memahami pada tahun 1980 terdapat satu golongan rakyat yang besar, iaitu 568.5 ribu ataupun 37.7% isi rumah luar bandar yang masih dianggap miskin. Dari perenggan-perenggan 118, 120 dan 123 kita dapat membaca 55.1% penanam padi, 45.3% nelayan dan 38.9% pekebun kelapa adalah dianggap miskin dan majoriti rakyat ini adalah orang-orang bumiputra. Adalah jelas Kerajaan kita harus mempergiatkan lagi usaha-usaha kita untuk mempercepatkan penyediaan kemudahan-kemudahan asas, meningkatkan pendapatan, mutu serta kualiti kehidupan penduduk-penduduk luar bandar. Perhatian yang lebih berat harus diberi kepada petani-petani, nelayan-nelayan dan mereka yang bekerja di bidang pertanian, bukan sahaja kerana mereka adalah miskin tetapi kerana mereka adalah satu golongan rakyat yang menghasilkan barang-barang makanan kepada negara kita.

Kemiskinan di Negeri Perak

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perenggan 139 kita dapat mengetahui satu perangkaan lain yang amat mengkagum dan menyedihkan, khususnya kepada orang-

orang Perak. Sebahagian perenggan itu berbunyi begini:

“Sungguhpun negeri Kelantan, Kedah dan lain-lain telah mengalami kadar kemiskinan yang tinggi tetapi dari segi bilangan, kira-kira 133,100 isi rumah ataupun 15.1% dari jumlah isi rumah miskin adalah terdapat di negeri Perak menjadikannya sebagai negeri yang mempunyai bilangan isi rumah miskin yang paling banyak di negara kita ini.”

Tuan Yang di-Pertua, apabila pemimpin-pemimpin kita merujuk kepada negeri-negeri yang kurang maju, negeri Perak selalunya tidak disebut. Dengan kenyataan tersebut di atas susahlah bagi kita mempercayai bahawa negeri Perak adalah antara negeri-negeri yang lebih maju.

Sebenarnya dalam Jadual 5.2 di muka surat 111 kita boleh membaca Keluaran Dalam Negeri Kasar, perkapita bagi negeri Perak ialah \$1,583 berbanding dengan \$2,655 bagi Selangor. Adalah dikatakan dalam Perenggan 436 di muka surat 202 bahawa KDNK perkapita ini bagi negeri Perak dijangka meningkat kepada \$2,700 dalam tahun 1990 sahaja. Ini bermakna negeri Perak harus menunggu selama 10 tahun lagi untuk mencapai satu perkapita yang lebih kurang sama dengan dan sedang dialami oleh Selangor sekarang. Dengan perkataan lain, Perak adalah lebih kurang 10 tahun kebelakangan Selangor, oleh itu saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya di samping memberi bantuan yang lebih besar kepada negeri Perak, mewujudkan Lembaga Kemajuan Wilayah untuk memperhebatkan kemajuan negeri Perak itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jadual 3-5 di muka surat 52 pula adalah dinyatakan dalam negeri Perak peratusan isirumah miskin bagi keluarga yang bukan bumiputra adalah lebih jauh besar daripada isirumah bumiputra iaitu 29% bagi kaum Cina dan 31.8% bagi kaum India berbanding dengan 16.2% bagi kaum Melayu.

Sebab-sebab utama yang mengakibatkan kemiskinan orang-orang bukan bumiputra ialah kekurangan tanah dan kepunyaan hak milik yang tidak kekal. Kedudukan ini telah diakui oleh Kerajaan di perenggan 88 Buku

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang berbunyi:

“Walaupun terdapat kemajuan dalam usaha mengatasi kekurangan tanah, hakmilik yang tidak kekal dan keadaan kebun yang kecil keluasannya bagi satu keluarga, masalah tersebut masih lagi terdapat di kalangan penduduk-penduduk Kampung Baru. Kerajaan akan melipatgandakan usahanya untuk mengatasi masalah tersebut dalam tempoh 1979-80.”

Adalah amat mendukacitakan bahawa perkara ini tidak disebut langsung di perenggan 127, 128 dan dalam Buku Rancangan Malaysia Keempat ini. Oleh yang demikian saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi pertimbangan yang wajar dan saksama atas permohonan-permohonan rakyat yang bukan bumiputra untuk mendapatkan tanah dan mengambil bahagian di dalam rancangan-rancangan kemajuan tanah Kerajaan dan keluaran hakmilik yang kekal.

Tuan Yang di-Pertua, rayuan ini adalah selaras cara langsung dengan rancangan yang telah diramalkan di Jadual 9-5 di muka surat 192. Pada tahun 1980 terdapat seramai 306,000 orang keturunan Cina bekerja di bidang pertanian. Bilangan ini akan bertambah ke 396,000 pada tahun 1985 dan 483,000 pada tahun 1990. Tanpa tanah rancangan itu tidak akan tercapai.

Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jadual 12-3 di muka surat 244 kita diberitahu bilangan penduduk dalam lingkungan umur persekolahan bagi peringkat Tingkatan VI ialah 561,000 orang dalam tahun 1980 dan 586,000 dalam tahun 1985. Tetapi bilangan penuntut-penuntut yang dapat memasuki Tingkatan VI itu adalah hanya 24,000 orang atau 4.3% pada tahun 1980 dan 31,000 orang atau 5.3% pada tahun 1985. Ini adalah suatu angka yang amat kecil dan bermakna ramai penuntut sungguhpun berkelayakan akan dinafikan untuk menerima pelajaran tinggi.

Dari perenggan 992 di muka surat 397 kita dapat mengetahui terdapat seramai 40,000 penuntut kita di seberang laut. Ini menunjukkan hasrat rakyat kita untuk mendapat pelajaran tinggi dan

mencerminkan kemudahan-kemudahan yang berkurangan dalam negara kita. Saya pun telah berkata pada masa-masa yang lalu kita tidak patut bergantung selama-lamanya atas negara-negara lain untuk mengatasi masalah-masalah pelajaran tinggi kita. Saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan supaya memperkembangkan universiti-universiti kita dengan lebih cepat lagi mahupun mewujudkan universiti-universiti baru untuk menemui keperluan pelajaran tinggi rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, di perenggan 164 telah menyentuh tentang jual beli tanah di kawasan bandar. Saya merayu kepada Kerajaan supaya mengumumkan hakmilik (ownership) tanah di bandar dan di kawasan luar bandar mengikut kaum supaya rakyat kita dapat mengetahui gambaran yang sebenarnya mengenai hal hakmilik tanah itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang perpaduan rakyat. Saya berpendapat adalah tidak mencukupi untuk mewujudkan perpaduan rakyat menerusi rancangan-rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru sahaja ataupun perpaduan tidak patut dijadikan keputusan terakhir Dasar Ekonomi Baru (end result of the New Economic Policy). Perpaduan rakyat ini harus diberi pertimbangan yang sama berat dengan rancangan-rancangan sosial dan ekonomi dan rancangan khas harus diadakan untuk mencapai matlamat yang mulia ini. Buat masa ini malangnya, Tuan Yang di-Pertua, perhubungan yang lebih rapat di antara kaum hanya berlaku di antara pemimpin-pemimpin kita sahaja. Pada amnya rakyat jelata kurang bertemu antara satu sama lain. Kita berniaga, bermain, bersekolah dan menghibur berasingan. Saya berpendapat perpaduan adalah dibina atas persefahaman dan Kerajaan harus mengadakan rancangan-rancangan spesifik untuk mewujudkan persefahaman dahulu dan persefahaman hanya dapat dicapai melalui pertemuan antara rakyat. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan rancangan pertukaran lawatan antara rakyat yang berbilang kaum harus dijalankan.

Pada peringkat permulaan lawatan boleh dibuat bagi tempoh sehari di antara ahli-ahli sebuah keluarga dengan keluarga yang lain.

Dengan pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh masa lawatan itu boleh dipanjangkan bagi tempoh seminggu, sebulan mahupun setahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya suatu rancangan seumpama ini yang dikenali sebagai American Field Service yang berasal dari Amerika Syarikat telah dijalankan dalam negara kita bagi beberapa tahun yang lampau dengan jayanya. Tetapi rancangan itu hanya melibatkan penuntut-penuntut dari luar negeri dan rakyat kita sahaja. Saya percaya sekiranya rancangan seperti ini dapat dijalankan antara rakyat kita sendiri kita boleh memahami dengan lebih dekat dan mendalam tentang adat-istiadat, kebudayaan dan kehidupan orang-orang lain. Dengan persefahaman dan persahabatan itu saya yakin perpaduan dapat dicapai dengan lebih awal lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Semerah.

4.56 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. yang telah memulihkan kesihatan Dato' Perdana Menteri sehingga membolehkan beliau sendiri hadir ke Dewan yang mulia ini bagi membentangkan suatu isu yang mulia iaitu pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pekerjaan dan urusan yang teratur dan mempunyai perancangan serta garis-garis panduan adalah mudah dilaksanakan dan risiko untuk kesalahan dan kesilapan dapat dihindarkan. Namun begitu, walau bagaimana baik dan kemas rancangan itu ianya hanya akan tinggal rancangan jika sekiranya tenaga yang akan melaksanakan itu lemah, tidak bertenaga dan tidak bersemangat tinggi. Semangat dan tinggi hemah bukanlah perlu ada kepada pemimpin-pemimpin sahaja tetapi ianya wajib dilatih dan dibentuk kepada semua lapisan masyarakat dengan 10 sifat-sifat yang saya ingin nyatakan di sini:

- (1) bertatertib;
- (2) taat setia dan perasaan bersungguh-sungguh (tidak apathy);

- (3) mempunyai kesihatan rohani dan jasmani yang sempurna;
- (4) mempunyai kehormatan diri, kejujuran dan tauladan;
- (5) persefahaman dan kerjasama;
- (6) daya usaha (inisiatif);
- (7) percaya kepada diri sendiri dan mempunyai pertimbangan;
- (8) daya mendorong dan memerintah;
- (9) kebolehan menyusun, mengelola dan berani membuat keputusan; dan
- (10) perasaan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sudah hampir 24 tahun kita merdeka tetapi masih ada sikap typewriter di kalangan kita iaitu jika diketuk (a) keluar (a) dan diketuk (b) keluar (b). Lahirnya masyarakat seumpama ini haruslah dibuat kajian. Agaknya tidaklah keterlaluan dan berlebihan jikalau saya katakan mereka ini salah didikan. Sebagaimana kata perumpamaan Inggeris, dengan izin, Spare the rod and spoil the child - simpan rotan anak menyetan.

Saya cuma hendak highlightkan perkara lama sahaja. Apa yang saya maksudkan ialah tentang beberapa banyak rancangan pembangunan yang tidak dapat dilaksanakan terutamanya kemudahan-kemudahan asas ialah kerana penduduk-penduduk di kawasan luar bandar itu langsung tidak diberi peluang untuk menjadi pemborong-pemborong atau turut serta dalam melaksanakan pembangunan di kampung mereka terutama membuat jalan, bukannya jalan tar goreng, yang hanya harus dibina ialah jalan tanah merah. Itu pun semuanya dikontrakkan kepada Chong Fong Yew atau Saw Ten Pang dan lain-lain.

Mulai Rancangan Malaysia Keempat saya berharap bagaimana janji Kerajaan akan menyediakan kemudahan-kemudahan jentera dan lain-lain kemudahan. Kesemua kontrak membina jalan kampung hendaklah diutamakan kepada bumiputra sendiri. Begitu juga di jalan-jalan kampung ini terdapat jambatan kayu yang dibina oleh JPT yang terlalu kecil, hanya lapan kaki, tidak dapat dilalui oleh lori-lori 5 tan bukan sahaja untuk mengangkut batu merah tetapi juga untuk mengangkut hasil-hasil pertanian yang menjadi sumber eksport negara yang terbesar untuk pendapatan kasar negara masih terlalu

sukar untuk dibawa keluar. Apakala diminta kepada JPT untuk dilebarkan lagi jambatan ini dari 8 kaki kepada 10 kaki atau 12 kaki JPT akan tolak kepada JKR. Apabila kita minta kepada JKR dia akan tolak balik kepada JPT. Begitulah keadaan Wakil Rakyat ditandang macam bola ke sana kemari.

Kiranya tanggungjawab JPT, saya minta Kementerian Pertanian yang dapat peruntukan yang besar tidak akan teragak-agak memberikan secukup-cukup peruntukan bagi melebarkan semua jambatan-jambatan ini kalau betul-betul hendak menolong rakyat luar bandar. Ketika semua orang naik gaji, rakyat di luar bandar tidak sedikitpun menunjukkan iri hati ataupun dengki padahal merekalah yang paling teruk dilanda inflasi dengan segala kenaikan harga barang, tetapi oleh sebab rakyat ini sentiasa reda dan bersyukur, mereka masih terus dapat bersabar, yang saya tidak dapat duga adakah kesabaran mereka boleh sampai ke peringkat sabarnya Nabi Ayub (alaihissalam). Mereka masih terus melaung, menjerit, meminta supaya kemudahan asas hendaklah disediakan dengan segera kalau boleh sebelum pilihanraya umum yang akan datang. Mereka mendakwa Jepun, Amerika, Korea, Taiwan, Inggeris berduyun-duyun datang ke mari melombong emas, permata, bijih, petrol, rakyat di luar bandar masih belum ada api, air dan jalan. Saya minta pak Menteri sekali sekala melawat di selatan Semenanjung haraplah naik kereta dan lepas bandar Muar, Batu Pahat di mana sepanjang jalan itu terdapat berbagai-bagai rupa tempayan, tong, besin, baldi, timba bergelempangan. Itulah rupanya kawasan Parlimen Semerah. Rakyat di kawasan ini sudah sabar menggunakan air hujan dan parit selama hampir 10 tahun, maka diharaplah diberi pembelaan dan perhatian.

Saya diberitahu oleh pihak yang tahu bahawa loji yang diharapkan akan siap bagi tahun 1981 dan 1982 ini masih belum boleh di jamin. Kami juga khuatir takut disabotajkan kerana kalau pihak Juru Perunding sudah tahu berapa luas tanah yang hendak digunakan, kenapa tidak acquire terus berapa ratus ekar yang hendak dipakai. Pada masa

ini diacquire secara berperingkat-peringkat, acquire sekeping mula-mula untuk logi, sudah siap logi, acquire lagi sekeping untuk saluran padahal kita tahu proses pengambilan balik tanah mengambil masa yang panjang. Dan sementara menunggu kelulusan stok bahan-bahan binaan pun tidak ada disimpan maka kerja akan terhenti, harga barang akan naik dan kelengahan-kelengahan akan menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada Kerajaan. Daripada puluhan juta ringgit rugi buat pelabuhan Kuantan yang untungnya belum tahu, apa salahnya wang yang telah dibazirkan itu disediakan dahulu semua kawasan-kawasan pembangunan luar bandar. Perakuan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam akan mengambil tindakan tidak menghairankan pihak consultant. Saya bimbang lagi satu dekad pun urusan tindakan belum dapat dijalankan dan diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sudah merungut panjang, tetapi kesimpulannya ialah memohon kepada pihak Kerajaan seberapa boleh dan seberapa segera yang dapat menyiapkan semua kemudahan asas di kawasan-kawasan luar bandar, khususnya Parlimen Semerah yang keseluruhan penduduknya terdiri daripada bumiputra adalah penyokong Kerajaan Barisan Nasional yang setia dan kuat.

Dengan lahirnya Rancangan Malaysia Keempat rakyat di luar bandar sudah sepatutnya memikirkan apa jenis industri yang patut diadakan di kawasan aku supaya memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia di kampung itu daripada berhijrah ke tempat lain tetapi mereka menjadi bodoh kerana tiada bekalan tenaga api elektrik. Bagaimana kata bijak pandai apakala seorang itu dalam kemiskinan ianya akan berhadapan dengan empat perkara: yang pertama dia akan lemah pegangan pada ugamanya, yang kedua, dia akan lembab cara berfikirnya, yang ketiga akan hilang maruahnyanya dan keempat akan hina pandangan manusia kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya ada terdapat belia-belia yang berminat hendak berniaga dan berdikari seperti membuat

perusahaan batu bata, buat mangkok tandas, berjaja dengan motor, perusahaan cetak-mencetak yang mudah tetapi malangnya apabila kita mohon bantuan, galakan dan sokongan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan lansung tidak mendapat perhatian dan jawapan apa lagi bimbingan, bahkan kalau kita pergi ke Pejabat Belia Daerah yang kakitangannya hanya tiga orang terkadang-kadang didapati pejabat berkunci. Oleh sebab belia-belia dan beliawanis kita telah mula menunjukkan minat dan kebolehannya, saya benar-benar berharap bahawa Kementerian akan memberikan perhatian dan usaha yang bersungguh-sungguh bagi memajukan dan menghidupkan minat berorientasikan kejayaan sebelum mereka bosan dan fed up. Juga saya pohonkan bantuan kemudahan bagi mengadakan galakan-galakan sukan dan latihan-latihan kesenian di mana Kementerian patutlah ada petugas-petugas khas dan peruntukan-peruntukan yang tertentu bagi melawat, membantu dan memberi khidmat-nasihat kepada pertubuhan-pertubuhan belia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kagum dan bangga dengan prestasi yang ditunjukkan oleh Kementerian Pelajaran di bawah pimpinan Menteri dan Timbalan-timbalannya yang berkali-kali, terutama ketika berhubung dengan parti Pembangkang. Kami dibangku belakang yang seram sejuk sambil mulut kami kumat-kamit mendoakan hidayah Tuhan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, masih ada "tetapinya", (there is still a big 'but' here). Yang saya ingin hendak tegur dan minta perbaiki dan diusahakan iaitu penuntut-penuntut masuk ke sekolah asrama penuh semakin ramai tetapi nyata block asrama untuk puteri sangat tidak mencukupi sehinggakan kadang-kadang ada ibubapa yang tidak jadi hendak menghantarkan anaknya ke sekolah berasrama walaupun aggregatonya sangat tinggi kerana tidak sanggup hendak menyewa luar. Yang kedua, sistem pembahagian asrama. Ketika saya pergi hendak menguruskan kemasukan seorang puteri daripada kawasan saya, saya telah diberitahu bahawa penuntut yang akan ditempatkan di sekolah Menengah Teknik di Ipoh seramai 160 orang. Asrama yang kosong cuma ada 8, itupun sudah ada penghuninya.

Jadi, saya berasa hairan bagaimana penuntut-penuntut dari jauh seorangpun belum datang dan belum diundi bagaimana asrama yang ada itu sudah diberikan kepada orang lain dahulu padahal kesemuanya sama-sama berhak. Dari itu, saya mencadangkan supaya lebih banyak blok asrama didirikan kepada puteri-puteri kerana pada masa ini penuntut-penuntut puteri lebih banyak menunjukkan kejayaan. Tetapi untuk memegang jawatan eksekutif, pengarah apa lagi pengerusi-pengerusi kebolehan-kebolehan wanita masih lagi disangsikan - Tuan Yang di-Pertua, saya ini sambil menyelam minum air. Maksud saya minta tambahan peratus wanita memegang jawatan-jawatan penting dalam statutory bodies (badan-badan berkanun).

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, pertukaran sekolah daripada murid sekolah rendah ke sekolah menengah dalam daerah yang sama adalah terhenti di atas rohsah dan keizinan Pengarah Pelajaran Negeri. Saya berpendapat CEO banyak lagi urusan yang lebih penting yang hendak ditadbirkan. Apa salahnya urusan-urusan pertukaran itu diberi atau diturunkan kuasa kepada Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah sahaja untuk membereskan, kerana kalau tidak salah saya dalam bulan yang lalu dalam akhbar ada menyatakan bahawa lebih kurang 16,000 Inspector of School yang kabur tugasnya dan kedudukannya. Dalam Mesyuarat Agong PIBG Pegawai-pegawai daripada Jabatan Pelajaran langsung tidak diundang. Pendeknya, diserah bulat-bulat kepada Wakil Rakyat dan tujuan dipermuliakan itu semata-mata hendak projek. Dari itu, saya berharap semua Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah sayugialah diaturkan supaya melawat semua sekolah-sekolah yang berada di dalam daerahnya memerhati dan melapurkan segala kelengkapan yang diperlukan oleh tiap-tiap sekolah daripada bangunannya sama ada harus dibuat baharu atau tidak sambungan yang diperlukan, kantin, perpustakaan, sambungan elektrik, makmal sains, padang, pagar dan dihantar kepada Pegawai Pembangunan di Kementerian bagi dibaiki dan dikemaskan mengikut giliran masing-masing.

Selain daripada kemajuan kulit yang lebih penting ialah kemajuan pelajaran. Andainya

terlalu ramai murid-murid yang gagal umpamanya 80 murid mengambil peperiksaan Penilaian cuma 2 orang sahaja lulus, maka kajian hendaklah dibuat dan kelemahan diperbaiki. Di masa yang akan datang dalam rancangan pembinaan sekolah-sekolah baru saya juga berharap bahawa surau atau balai Islam di tiap-tiap sekolah menengah hendaklah juga diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang merunsingkan ialah tentang keadaan balai-balai raya yang terbiar menjadi sarang kepada penagih-penagih dadah melatih anak-anak muda berjudi, membuang masa, menjadi hooligan dan culprit, merosakkan dan menjahanamkan harta Kerajaan. Saya berpendapat dan ingin mencadangkan agar Gerak Sepadu diadakan di antara Kementerian Pertanian dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agar ke semua balai-balai raya ini dapat digunakan dengan sepenuhnya di bawah satu nama badan penyelaras yang boleh difikirkan khusus dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyediakan segala kemudahan seperti typewriters, tenaga-tenaga pengajar bagi memberi bimbingan pelajaran perdagangan typing, shorthand, menyimpan kira-kira, odit, komputer, telex, import-eksport, perhubungan tenaga dalam dan luar negeri. Manakala KEMAS di bawah Kementerian Pertanian mengadakan guru-guru memasak dan menjahit dengan segala alat kelengkapan yang up-to-date supaya keluaran daripada balai-balai raya boleh mengambil kontrak membekalkan makanan yang telah bermasak dan makanan mentah, membekalkan pakaian dan uniform yang banyak diperlukan oleh angkatan tentera dan polis selain dengan uniform murid-murid sekolah. Pihak polis sangat tidak berpuas hati dengan material uniform yang ada. Belum tiga bulan sudah balik abu dan potongan selalu over size dan gedobor. Setelah mereka ini lulus tiap-tiap negeri hendak mengkontrakkan uniformnya kepada unit Kelas-kelas KEMAS ini.

Begitu juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di mana pada hari ini kesenian dan kebudayaan Melayu semuanya jadi dalca. Tidak tahu mana kesenian Melayu asli, mana India dan mana unsur

Arab. Umpamanya Zapin adalah unsur Arab kerana makna Zafan itupun maknanya gerak kaki - menari dengan banyak menggunakan gerak kaki. Biasanya tarian Melayu adalah lemah lembut tetapi hari ini tarian Melayu berlari-lari, melompat-lompat macam ribut. Berlari, melompat, terdedah, pakai seluar dan sudah hilang banyak keasliannya. Saya percaya dengan adanya tindakan-tindakan ini daya pemikiran rakyat akan dapat dipertingkatkan. Tanpa tindakan berani, usaha yang bersungguh-sungguh dan setakat perbelanjaan peruntukan empat kali lagi Rancangan Keempat saya khuatir masih di takuk lama juga.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mendapat lebih dagangan dan dengan demikian dapatlah kita melaksanakan berbagai-bagai rancangan pembangunan dengan kebijaksanaan Timbalan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad juga sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Salah satu daripada alat perhubungan yang sangat-sangat diperlukan oleh pelabur-pelabur dan pedagang-pedagang ini ialah telecommunications.

Di Kuala Lumpur yang saya ketahui hanya di Ibu Pejabat Telekom sahaja yang mempunyai STD sistem terus dial manakala tempat lain langsung tidak kedatangan. Saya mencadangkan STD hendaklah diadakan dengan lebih banyak terutama di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, di kawasan-kawasan sesak dan di kawasan-kawasan bandar sekurang-kurangnya dua batu diletakkan sebuah STD. Juga hendaklah diadakan timer telefon di mana maksima seseorang itu bercakap tidak lebih daripada tiga panggilan selama 9 minit. Pada hari ini bayaran 10 sen boleh bercakap berapa lama dia suka terutama kalau pasangan yang berendut itu, orang yang mustahak terpaksa menunggu berjam-jam sampai dia puas.

Kerajaan juga hendaklah mengkaji untuk mengadakan sistem panggilan jarak jauh sekurang-kurangnya bagi 2,000 penduduk sebuah telefon yang tidak payah menggunakan operator. Di mana tempat-tempat yang ada menggunakan operator lagi susah dapat, selain daripada nada suara yang keras ketika menjawab hinggakan semalam

saya dial 999 sebanyak sembilan kali pun belum dapat berhubung. Harap adakan semula peraduan suara emas (golden voice).

Di setengah-setengah tempat yang ramai penduduk seperti di Taman Melawati langsung satu pun tiada public telefon dan di Taman Keramat hanya terdapat sebuah telefon untuk kegunaan 10,000 penduduk. Saya minta persediaan kemudahan telefon diperhebatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, negeri kita suhunya adalah panas tetapi rakyatnya tidak begitu panas. Kebanyakan teksi-teksi yang digunakan di atas jalanraya sudahlah buruk-buruk, kecil-kecil, tidak pula diperlengkapkan dengan air-condition. Begitu juga bas-bas mini yang apakala kita naik sepanjang jalan terpaksa membongkok dan rasa macam hendak patah tengkok oleh sebab terlalu kecil dan tempat duduk yang terhad. Fesyen bas-bas ini adalah bas yang digunakan dalam tahun 30an dan 40an. Saya berpendapat dan ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya sistem pengangkutan awam hendaklah diperbaiki segera kerana bukan sahaja malu kepada pelawat-pelawat luar negeri, tetapi sudah sampai masanya kita memberi keselisaan kepada rakyat.

Saya ingat masa saya bersekolah dahulu baca buku *Malayan Reader* — agaknya Tuan Yang di-Pertua pun dahulu baca buku teks itu juga, inilah rupa bas yang digunakan. Saya mohon kepada Kerajaan supaya diadakan perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik dan lebih bermutu dan jangan dibenarkan teksi-teksi yang sudah patut dihukum tembak tujuh tahun ke atas berkeliaran lagi dalam bandaraya ataupun kereta baru yang terlalu kecil yang mana pada hari ini kereta Daihatsu pun diluluskan sebagai teksi yang mana bonnetnya terlalu kecil, hendak muatkan penumpang pun adalah susah dan sempit. Kalau boleh sayogialah distandardkan bahawa semua kereta yang harus menjalankan perkhidmatan dalam bandaraya mempunyai 220 horse power sahaja digalakkan kerana kita tahu cukai jalan bagi teksi, bas dan lori-lori ini sudahpun diturunkan. Sementara Kerajaan hendak menyiapkan banyak lagi fly-over, jejantas, jambat, jalan-jalan baru dan lain-lainnya

untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas yang amat sangat hingga banyak urusan-urusan penting tergendala dan masa terbuang di jalanraya, rancangan hendak mengadakan restricted zone sementara itu haruslah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memajukan pencapaian bumiputra kadar 30% pertolongan yang bersungguh-sungguh hendaklah diberikan, seperti Pasar Keramat di Kuala Lumpur yang 100% dikendalikan oleh bumiputra telah menunjukkan prestasi dan kejayaan yang menggalakkan. Pasar ini hendaklah dipesatkan lagi dan segala lantainya digantikan dengan mozaic, sistem parit longkang dan laluan air dijaga dan diperbaiki dan saya juga meminta kepada pihak Kerajaan sekurang-kurangnya sebuah "Pasar Keramat" diadakan di tiap-tiap negeri betul-betul jadi keramat 100% kelolaan bumiputra. Peniaga-peniaga yang dibenarkan di sana selain daripada Melayu tulin hendaklah yang sudah memeluk agama Islam sehingga dua keturunan bukan semalam masuk Islam hari ini sudah mengaku Melayu dan Islam, terus menuntut hak-hak keistimewaan kemudahan menumpang berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bahawa 15,000 peserta rancangan FELDA menunggu bertahun-tahun tidak dapat masuk rancangan kerana jawapannya rumah belum siap. Apa salahnya dikerahkan tenaga bakal-bakal peneroka itu membina rumah yang bakal didudukinya. Bukannya rumah yang hendak dibina itu berharga \$60,000 ataupun \$80,000. Rumah yang hendak dibina itu harganya dalam \$6,000 atau \$7,000 yang biasanya tidak sampai empat hari boleh siap asalkan sahaja stok bahannya ada dan kebanyakan bakal peneroka itu semuanya orang kampung yang sedikit sebanyak pandai bertukang kayu. Jadi janganlah sampai Rancangan Malaysia Keempat inipun bumiputra masih lagi menghirup kuah orang lain menanggung isi. Itupun macam-macam kecaman yang dibuat oleh parti Pembangkang mencetuskan perasaan geram dan tidak puas hati terhadap bumiputra.

Rancangan FELDA yang kita lihat daripada memerun, membakar, membekal benih, semuanya hingga sudah keluar hasil pun dikumpul dan diangkut oleh orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berjuta-juta wang kita mengalir keluar dan tidak seimbang dengan hasil-hasil pengeluaran yang kita eksportkan. Dari itu kedudukan nilai mata wang kita tergugat. Saya menyokong pendapat rakan saya dari Sabak Bernam bahawa segala keperluan makanan ternakan sudah tidak sepatutnya lagi kita mengharapkan bekalan daripada luar. Usaha ke arah berkari dalam hal ini haruslah diberi perhatian berat dan juga usaha-usaha memproses bahan-bahan mentah yang banyak terdapat dalam negara ini kita belum dapat usahakan sendiri haruslah dijalankan usahasama dengan negara-negara lain di samping dapat memindahkan kepakaran dan teknologi itu ke negara ini dan Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah mengadakan bank teknologi untuk membantu negara-negara yang sedang membangun, di antara lain menjalankan perusahaan petro-kimia seperti membuat berbagai jenis cat yang pada hari ini dibolot oleh Nippon Paint dan juga kita import wire-rope untuk kabel kita yang menelan berbilion ringgit pada hal tembaga kita ada di Ranau, Sabah yang khabarnya juga ada mengandungi emas diangkut habis oleh Jepun yang sentiasa mendakwa mengalami rugi. Malaysia sudah sampai masanya mengangkat suara dan menggunakan nada suara yang keras jika ianya ingin disegani dan segala kekayaan bajanya tidak dilacurkan kepada nafsu-nafsu rakus.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pendapat rakan saya dari Panti tentang tidak adanya pembelaan dan perhatian Kerajaan pada sekolah-sekolah agama rakyat di mana sekolah-sekolah ini banyak melahirkan nasionalis-nasionalis dan pejuang-pejuang tanahair berganding bahu dengan lelasan-lelasan lain bersama memimpin negara ini umpamanya Allahyarham Syed Sheikh Al-Hadi, Raja Ali dan lain-lainnya. Melalui karya dan sastera penulisannya telah berjaya meniupkan semangat kasihkan tanahair kepada rakyat. Sekolah-sekolah agama ini dalam mengikuti matapelajaran akademik juga selalu

menunjukkan kejayaan yang memuaskan dan sekolah-sekolah rakyat ini selalu dianggap sekolah workshop di mana penuntut-penuntut yang gagal dalam peperiksaan SRP dan MCE semuanya direpair di sekolah-sekolah rakyat ini dan dengan kegigihan, didikasi tenaga pengajarnya akhir penuntut-penuntut ini mencapai kejayaan cemerlang.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Trengganu yang telah mengambil alih semua sekolah-sekolah agama rakyat dan memberi perhatian yang tinggi dan berat bagi menentukan hidup dan survive sekolah-sekolah ini, menghidupkan penggunaan tulisan Jawi di semua Jabatan-jabatan Kerajaan dan jalanraya, menggunakan kesemua kekuasaan yang dipinjamkan dan diamanahkan Allah kepadanya bagi mempertingkatkan semangat ke Islaman dan meninggikan imej agama dan saya berharap negara lain akan turut mencontohi apa yang dibuat oleh negeri Trengganu Darul-Iman, semoga akan mengalir pula rahmat dan nikmat Allah ke atas kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan pencapaian bumiputra di bidang pelaburan tempatan yang halal dan bersih daripada riba, saya dapati Lembaga Urusan Dan Tabung Haji telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang. Dan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kecekapan dan cara mencapai kejayaan oleh Lembaga ini patutlah dicontohi oleh badan-badan lain. Dari sejak Lembaga ini ditubuhkan telahpun mempunyai pendapatan sebanyak \$73.712 billion dan pada tahun ini sahaja Lembaga Tabung Haji telahpun mulai mengeluarkan zakat perniagaannya. Ini membuktikan bahawa peraturan dan undang-undang muamalat yang diatur oleh Islam boleh dilaksanakan tanpa apa-apa kesusahan dan sambutan yang diberikan oleh rakyat sangat menggalakkan dan cukup berpuas hati. Ini terbukti dengan bertambahnya jumlah jemaah haji yang hendak menyempurnakan fardu haji dari setahun ke setahun. Dan penambahan ini juga membayangkan kemantapan ekonomi negara ini di mana jumlah jemaah haji tahun ini dijangka lebih 20,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah berkenaan

dengan bertambah banyaknya pembangunan perindustrian dan perumahan iaitu saya hendak minta supaya helikopter bomba diwujudkan bagi polis dan tentera.

Selain daripada itu kita dapat kereta-kereta bomba itu hendaklah juga dilengkapi dengan HFC (high frequency control) supaya dia boleh berhubung dengan bilik kawalan. Selain daripada itu hendaklah diadakan mobile squad di mana dalam kereta bomba itu ada disimpan pelan-pelan bangunan. Jadi sebelum mereka ini masuk dengan membuta tuli ke bangunan itu, terlebih dahulu dia telah dapat tahu di mana kawasan-kawasan yang cepat ada bahan-bahan yang mudah terbakar seperti batu itu berapa tebalnya, di mana pintu kayu, di mana gas dan lain-lainnya. Dan juga dibekalkan anggota-anggota bomba itu dengan walkie-talkie supaya boleh berhubung dengan penjaga di kawasan luar dan Jabatan Bomba dalam masa tiada kebakaran hendaklah selalu mengadakan latihan ke bangunan-bangunan yang tinggi supaya apabila berlaku kebakaran, tidak kekok, tidak teraba-raba hendak mencari jalan, pintu dan lain-lain. Kerajaan juga disyorkan supaya mengadakan segera anggota bomba sukarela yang terlatih, barang dijauhkan Allah, jika berlaku kebakaran besar, dapatlah menjalankan operasi dan bantuan dengan sekelip mata dan secepat kilat kerana di Singapura sahaja sudah ada 16,000 orang ahli Pasukan Bomba sukarela.

Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyeru di samping kita semua berhempas pulas dan bergelut dengan pembangunan-pembangunan dan perindustrian, pembangunan mental dan fizikal rakyat juga akan terus membajai dan menyuburkan pembangunan spiritual yang mana usaha ini tidak diabaikan oleh pihak pemerintah untuk kesejahteraan dan kebahagiaan abadi. Dengan ini saya menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.27 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya

mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri kerana sudah 3 hari berturut-turut saya bangun 19 kali dan akhirnya alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua beri peluang kepada saya mengambil bahagian bersama dalam membincangkan usul yang dibentangkan dalam Dewan ini iaitu berkenaan dengan Buku Biru Rancangan Malaysia Keempat. Buku Biru ini adalah menjadi pedoman kepada kemajuan dan perjalanan negara kita, ke mana kita hendak tuju. Dan oleh yang demikian, mengapa saya tidak keluar 3 hari berturut-turut kerana saya juga ingin berdebat sama dan memberikan pendapat dan sebagainya supaya pendapat-pendapat saya itu boleh dijadikan pedoman untuk kita bincang bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini mewakili seluruh penduduk di dalam kawasan Ulu Muda, Kedah, ingin dan sukacita mengucapkan syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayahNya memberi kesihatan yang begitu baik sekali kepada Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri yang kita kasihi dan dapat pula Yang Amat Berhormat membawa usul yang sangat bermakna kepada negara kita iaitu Rancangan Malaysia Keempat sepertimana yang tercatat dalam Kertas Perintah D.R. No. 10/81 yang akan membawa segala pembangunan, kemakmuran kesejahteraan rakyat di negara kita. Saya sokong seratus peratus atas usul tersebut. Sepertimana kita semua sedia maklum Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga telah membawa banyak perubahan dan kemajuan kepada rakyat dan negara. Dasar Ekonomi Baru Kerajaan telah mendapat kejayaan besar, kadar kemiskinan telah berkurangan, proses menyusun semula masyarakat hampir sampai targetnya, mutu hidup rakyat pada keseluruhannya bertambah baik, asas ekonomi dan sosial yang teguh telah dibina. tugas kita ialah meneruskan lagi usaha-usaha pembangunan negara kita bagi memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat dan mencapai matlamat perpaduan dan kemajuan negara yang kita kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum terlanjur, ingin saya mengucapkan selamat datang

kepada dua orang wakil baru, sahabat baru di dalam MCA iaitu satu dari Bukit Mertajam dan satu lagi dari Tanjong. Mungkin dengan kedatangan dua orang sahabat baru dalam MCA ini lebih banyak lagi kita harap akan datang untuk duduk di sebelah sini, kerana kita percaya lori yang duduk di sebelah sini boleh bawa makanan kepada rakyat. Kalaulah lori ini sebelah sana, sampai bila pun ia bawa lori kosong semata-mata, mungkin saya agak wakil dari Kota Melaka juga sedang berfikir kerana beliau ada ura-ura hendak menubuhkan satu parti baru tetapi tinggal dia sahaja kepala dan ekornya sudah cabut lari ke lain. Oleh yang demikian, saya agak tidak terlewat bagi wakil dari Kota Melaka memikirkan kali kedua sama ada hendak masuk Gerakan, MCA, ataupun lain-lain parti politik supaya beliau juga boleh membawa lori yang ada makanan penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh terkejut apabila saya membaca suratkhbar *The Star* pada hari ini, satu tuduhan liar yang telah dilemparkan oleh Wakil daripada Petaling kepada Mindef (Kementerian Pertahanan) kita dan yang ganjil sekali tuduhan-tuduhan yang dilemparkan itu membawakan perangkaan-perangkaan yang begitu teliti sekali, mungkin juga Wakil ini dapat berita-berita daripada sumber-sumber yang nyata dan tertentu dan kalaulah sumber-sumber ini dapat dibocorkan oleh pihak-pihak yang berkenaan, saya agak pihak Kerajaan patutlah awasi dengan begitu serius sekali perkara ini. Pihak Kerajaan mestilah mengambil pendapat yang diberi oleh Wakil dari Petaling itu dari akhbar *The Star* sebagai satu perkara yang serius kerana seluruh dunia akan membaca berita *The Star* ini, kerana daripada itu kalau saya orang asing, saya akan menganggap bahawa negara kita sungguhpun maju tetapi penuh dengan korupsi dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya mintalah di dalam Dewan yang mulia ini supaya Menteri Pertahanan menyiasat semasak-masaknya, adakah tuduhan itu betul atau tidak, kalau tidak perlu sekali kita menjawabnya di dalam Dewan yang mulia ini ataupun di dalam suratkhbar menafikan sama sekali berita itu.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Wakil dari Kuala Lumpur Bandar ada menuduh Ketua

Pemuda UMNO Malaysia terhadap sikap yang diambil oleh Ketua Pemuda UMNO Malaysia berhubung dengan satu masalah yang sedang timbul pada hari ini berkenaan dengan sebuah bank. Wakil dari Kuala Lumpur Bandar ini janganlah ragu apa yang ditegur, apa yang dibawa oleh Ketua Pemuda UMNO Malaysia itu adalah hak yang telahpun tercetus di dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Apa yang diminta, apa yang disuarakan oleh Ketua Pemuda itu adalah sempena dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan iaitu supaya kaum bumiputra boleh bersama-sama mencapai Dasar Ekonomi Baru yang dirancangkan oleh Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan yang disokong oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita tahu Kerajaan Pusat adalah diminta supaya dapat menyelesaikan segera masaalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang ditakrifkan negeri kurang maju.

Semenjak kebelakangan ini boleh kata kebanyakan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia menunjuk deficit dalam anggaran Belanjawan masing-masing, lebih-lebih lagi bagi negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Perlis dan Kelantan. Sebagai contoh semenjak tahun 1966 negeri Kedah mengalami deficit dalam anggaran Belanjawannya dan anggaran deficit itu bertambah tahun demi tahun. Sebagai contoh pada tahun 1966 deficitnya sebanyak \$6.8 juta, tahun 1976 deficit meningkat kepada \$19.69 juta, tetapi pada tahun 1980 deficit meningkat lagi kepada \$28.32 juta. Accrued deficit juga turut bertambah seperti data-data berikut:

| | Tahun | \$ Juta |
|--------------|---------|---------|
| 1966 | | 7.2 |
| 1976 | | 25.25 |
| 1978 | | 30.14 |
| 1979 | | 22.52 |

Oleh kerana deficit yang begitu ketara sekali ditanggung oleh Kerajaan Negeri Kedah, maka Kerajaan Negeri terpaksa membuat pinjaman daripada Kerajaan Pusat bagi menjalankan projek-projek

pembangunannya kerana memandangkan kepada hasil pendapatan negeri yang terhad. Kekurangan dalam anggaran Belanjawan ini telah membuatkan hutang negeri Kedah meningkat sehingga tahun 1979 kepada \$61.86 juta daripada Kerajaan Pusat. Peningkatan ini jelas bertambah dari tahun ke tahun, seperti tahun 1966 \$17.7 juta sehingga tahun 1979 kepada \$161.86 juta. Anggaran Belanjawan tahun 1980 sahaja menunjukkan Kedah akan membuat perbelanjaan sebanyak \$78.4 juta berbanding dengan pendapatan dari semua sumber hasil berjumlah sebanyak \$50.0 juta. Ini bermakna Kedah hanya berupaya dapat menampung 2/3 dari jumlah Belanjawannya dan oleh itu dia akan menghadapi deficit bagi tahun 1980 sebanyak \$28.4 juta; satu jumlah yang agak tinggi jika dibandingkan kepada hasil negeri itu. Adalah dirasakan bahawa deficit dalam Belanjawan negeri-negeri kurang maju seperti Kedah akan terus bertambah kerana sumber pertambahan hasil yang sangat terhad melainkan sumber-sumber hasil baru ditemui seperti apa yang berlaku di negeri Trengganu, di mana minyak dijumpai yang menyebabkan negeri itu terkenal sebagai negeri Kuwait Malaysia. Sebaliknya, perbelanjaan akan terus meningkat naik dengan adanya hasrat Kerajaan untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru menerusi pemesatan pembangunan ekonomi serta sosial bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dengan adanya penekanan sedemikian implikasinya sudah tentu memberi kesan perubahan yang tenat kepada kedudukan kewangan dan perbelanjaan negeri itu.

Negeri Kedah juga seperti Trengganu pernah mencuba mencarigali sumber minyak, tetapi malang sekali apa yang Kedah dapat hanya tahi minyak yang dicurah keluar oleh kapal-kapal besar yang menggunakan laut Selat Melaka sahaja, sumber bijih timah tidak ada, kawasan balak sangat terhad dan apa yang Kedah ada ialah padi yang dijadikan beras untuk keperluan rakyat dalam negara ini. Ini dapat menyelamatkan pertukaran luar negeri lebih dari \$300 juta setahun, disebabkan pengeluaran beras hampir 50% bagi keperluan negara, hasil hutan akan berkurangan disebabkan kawasan-kawasan hutan dijadikan kawasan pertanian ataupun

cadangan "forest reservation" dilaksanakan dan juga dijadikan kawasan takung air ataupun "water catchment area" bagi kegunaan pak-pak tani di negeri Kedah, Perlis yang membolehkan mereka mengeluarkan hasil beras yang begitu banyak sekali.

Tuan Yang di-Petua, di Kedah pada pandangan saya langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah belanja dapat dilakukan dengan dua cara sama ada mengurangkan Belanjawan ataupun menambahkan hasil negeri. Bagaimanapun langkah-langkah mengurangkan Belanjawan negeri terlampau terhad, umpamanya, bagi negeri Kedah, gaji yang akan dibayar tahun 1980 sahaja sudah mencapai 38.8% daripada jumlah Belanjawan dan ini adalah memakan 82.3% dari jumlah hasil negeri. Peratus ini lebih ketara lagi dengan perlaksanaan gaji baru Jawatankuasa Kabinet, Belanjawan ini akan bertambah jika negeri Kedah hendak menjalankan usaha-usaha ke arah mencapai strategi pembangunan di mana lebih ramai kakitangan diperlukan dan diambil mereka bekerja bagi menjayakan Rancangan Malaysia Keempat yang mana sejumlah peruntukan \$2,388.67 juta telahpun diperuntukkan ke negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan itu pada zahirnya kita nampak besar, tetapi dengan kedudukan negeri Kedah yang serba kekurangan itu apabila saya congak balik \$2,388.67 juta itu agaknya besar tetapi malang sekali negeri Kedah ditempatkan nombor 9 di bawahnya, kalau kita banding dengan negeri Selangor, negeri Sabah, negeri Pahang, negeri Kelantan, negeri Johor dan lain-lain. Ini perlulah pihak Kerajaan menimbang semula oleh kerana kekurangan Budget negeri Kedah maka pembangunan-pembangunan daripada Kerajaan Pusat ini patutlah dicurahkan di negeri Kedah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun peruntukkan bagi program-program membasmi kemiskinan berjumlah \$9,319 juta ataupun 23.7% daripada jumlah peruntukan Kerajaan Pusat dan bagi program menyusun semula masyarakat sebanyak \$4,398 juta ataupun 11.2% peruntukan untuk program-program yang memberi sumbangan kepada kedua-dua matlamat itu ialah \$301

juta. Saya khawatir kalau program tidak dijalankan dan disusun begitu teratur, yang miskin akan terus miskin dan yang papa akan terus papa ke mana.

Oleh yang demikian, saya percaya dengan wujudnya Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah yang mana Rang Undang-undang telahpun diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini, kita percaya Lembaga akan memainkan peranan penting dalam matlamat mengurangkan kemiskinan. Ini telah dijanjikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri dalam menyokong usul Rancangan Malaysia Keempat yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 27 haribulan yang berbunyi:

“Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini Kerajaan akan terus mempergiatkan program-program membasmi-kan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Usaha-usaha akan ditumpukan kepada membaiki keadaan rakyat yang masih lagi dalam peringkat miskin yang terdapat di kalangan pekebun-pekebun kecil, kumpulan-kumpulan nelayan di perairan pantai yang mempunyai tingkat pendapatan yang masih lebih rendah dari paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menyebut di sini ialah berkenaan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat ada menyebutkan satu jumlah yang besar iaitu \$5,639.6 juta ataupun 14.4% dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah diperuntukkan untuk membina jalanraya dan jalan-jalan yang lain yang perlu bagi pembangunan tanah, membina pelabuhan-pelabuhan, lapangan terbang, telekom dan lain-lain sistem penerbangan dan juga termasuk projek mini-hidro. Mungkin hajat Yang Amat Berhormat itu jalanraya-jalanraya dan jalan-jalan kampung akan dibubuh tar kerana tidaklah memadai bagi pihak Kerajaan memperelokkan jalan tanah itu dengan ditambun tanah merah tiap-tiap tahun, apabila hujan jalan akan jadi sungai dan tahun itu juga kita bubuh tanah lagi. Ini akan membazirkan semata-mata. Oleh yang demikian segala jalan-jalan yang berada di dalam kawasan pedalaman perlulah pihak Kerajaan memberi perhatian supaya jalan-jalan ini ditarkan.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Kementerian Pengangkutan kerana pada hari ini susunan jadual penerbangan daripada Alor Setar nampaknya sungguh sesuai setakat ini. Itu adalah memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di utara supaya mereka senang datang ke Kuala Lumpur bermesyuarat, sebelah pagi datang dan sebelah petang boleh balik pada hari yang sama, tetapi mengikut jadual yang lama hanya memberi kemudahan kepada mereka yang bertugas di Kuala Lumpur hendak pergi ke Kedah. Mungkin Kementerian sangka tidak ada orang Kedah menggunakan Lapangan Terbang Kepala Batas dan kita yakin dan percaya dengan adanya jadual baru ini maka sudah tentu lapangan terbang itu akan digunakan sepenuhnya oleh penduduk-penduduk daripada Kedah dan Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit kepada projek mini-hidro, saya sungguh berasa gembira kerana kawasan saya banyak kita boleh wujudkan projek-projek mini-hidro ini tetapi malang sekali satu projek mini-hidro yang telahpun diura-urakan dibuat oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini hanya tinggal dalam impian semata-mata kerana projek itu telah disuarakan dua setengah tahun dahulu tetapi sehingga hari ini pun projek itu belum dapat digunakan lagi. mengapa dan sebab apa saya katakan mini-hidro ini sangat penting kerana tempat saya adalah satu tempat yang berjauhan dan tempat saya ada sumber tenaga air yang begitu banyak sekali. Maka jikalau lebih banyak wujudnya projek mini-hidro ini maka mudahlah bagi penduduk di dalam kawasan pedalaman mendapat nikmat elektrik sepertimana juga yang dirasakan oleh penduduk-penduduk di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berjanji tumpuan akan diberikan kepada program kesihatan terutama seperti perkhidmatan rawatan pesakit kesihatan umum dan Yang Amat Berhormat berjanji 25 buah Hospital Daerah dan 3 buah Hospital Besar akan dibina. Saya sungguh gembira kerana banyak hospital akan diwujudkan di dalam negara kita di dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi malang sekali saya lihat di dalam rancangan itu di tempat saya

penduduknya lebih kurang 75,000 di daerah Pendang sahaja, kononnya pihak Kementerian Kesihatan akan mengadakan satu klinik besar ataupun satu pusat kesihatan besar. Ini adalah tidak menasabah bukanlah terlewat, kalaulah betul-betul mereka hendak buat pusat kesihatan besar, saya agak lebih baik tidak usah buat langsung. Apa yang saya hendak dan apa yang rakyat dalam kawasan saya hendak ialah sebuah hospital sesuai dengan Pendang itu adalah sebuah daerah "by itself".

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan hospital inginlah saya menarik perhatian Dewan ini bahawa Hospital Alor Setar adalah satu Hospital yang tertua di dalam negara ini saya agak. Kedudukan hospital ini sungguh sedih dan daif. Sambutan rakyat kepada hospital begitu baik sekali. Kalaulah kita pergi ke Hospital Alor Setar kita boleh lihat melepiah-lempah pesakit duduk di luar daripada kawasan hospital. Yang banyak sekali saya lihat, kerana saya adalah salah seorang pelawat hospital, yang sedih sekali ialah Wad Bersalin. Di Wad Bersalin saya tengok apabila seorang ibu bersalin selepas 3 jam dia kena discharge kerana orang lain hendak masuk. Begitu sibuk dan begitu hangat sekali sambutan rakyat kepada Wad Bersalin ini! Mengapa dan sebab apa saya pun tidak tahu tetapi saya sedih sebagai pelawat hospital, saya tengok sungguh sedih, orang hendak bersalin duduk tunggu di luar, hendak masuk di dalam tidak ada tempat. Di dalam Wad itu disusun katil begitu cukup tetapi ditambah 10-15 katil lagi di dalam. Oleh kerana ibu hendak bersalin terpaksa beri katil di luar, ramai orang lihat dan sebagainya.

Oleh yang demikian saya minta kalau boleh Kementerian Kesihatan berilah perhatian yang serius kepada Hospital Alor Setar ini kerana satu hospital yang agak kecil, yang tua dan yang malang sekali kononnya lebih kurang 20 doktor tidak cukup, doktor-doktor pakar ini jauh sekali; kita terpaksa pinjam daripada Pulau Pinang. Mengapa dan sebab apa nasib orang Kedah jadi macam itu pun tidak tahulah. Mungkin kerana Kedah ini adalah satu negeri yang miskin macam saya kata tadi deficit tiap-tiap tahun. Saya tidak ada tempat lain hendak minta, dalam Dewan inilah supaya Menteri boleh jawab. Nanti dia

kata buatlah hospital, buatlah besar-besar supaya lebih ramai orang sana dapat selesa. Satu cara hendak kurangkan kesesakan di hospital Alor Setar itu ialah buat satu hospital di Pendang, buatlah satu hospital di Yen, jadi orang di sana tidak datang ke Hospital Alor Setar dan dengan ini kita kurangkan kesesakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita orang Melayu selalu mengatakan tanah, air, api, angin. Kerajaan kita ini saya agak tidak ada dalam dunia ini Kerajaan yang baik sekali, dia beri semua kepada rakyat tanah, air, api, angin dan inilah harapan rakyat kepada Kerajaan. Saya agak tidak ada lain negeri seperti negara kita. Kalau kita atau boleh jadi Menteri-menteri ada peluang pergi melawat ke luar negeri, pergilah tengok dahulu tidak ada macam Kerajaan kita ini, Kerajaan yang sungguh bagus. Tempat tidak ada api dia hendak beri api tetapi tempat saya tidak dapat api; (*Ketawa*) Air ialah air hujan, sama juga macam Semerah kalau musim kemarau tengok tong berselerak. Saya agak perancangan Jabatan Kerja Air inipun tidak begitu betul. Dia merancang kata hendak buat satu dam di Bukit Pinang; saya sudah 3 tahun jadi Wakil Rakyat, sudah minta bila lagi tempat saya hendak dapat pressure air yang baik sedikit. Dia kata tunggulah dam di Bukit Pinang itu siap, pressure kuatlah; Dam itu sudah siap tetapi jika buka pancur tiada air, kalau Menteri jawab di sini, saya akan lihat, saya akan tengok, saya akan beri peruntukan, ini janganlah cakap kosong, rakyat yang duduk di sana tidak dapat apa-apa benda.

Oleh yang demikian, saya minta dalam perancangan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam ini kalau boleh perkara-perkara macam ini patut diberi perhatian yang serius kerana kawasan saya di negeri Kedah boleh dikatakan satu kawasan yang tiap-tiap tahun dilanda wabak penyakit taun. Mungkin kalau saya katakan taun selalu terjadi di sana, Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam supaya penyakit ini tidak hinggap. Mengapa saya takut sangat penyakit taun ini? Kerana penyakit taun ini sekali mati 5 orang, sepuluh orang, akhirnya tiada pengundi di kawasan itu, teruklah saya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap fasal api, kita minta api elektrik masuk. Baru-baru ini satu perkara malang terjadi pada 21hb Mac, satu kemalangan telah berlaku di kawasan saya, iaitu kebakaran telah berlaku. Nasib baik satu tempat itu iaitu pondok tempat orang mengaji ugama, rumah yang ada di situ lebih kurang 80 buah rumah tetapi nasib baik ada pasukan bomba sukarela, ataupun pasukan bomba gotong royong ada di situ, hanya 13 buah rumah sahaja sempat dijilat api, yang lain diselamatkan oleh pasukan bomba sukarela ini.

Sebagai Wakil Rakyat, saya sungguh gembira di atas tindakan yang ditunjuk oleh pasukan gotong royong bomba ini, on the spot saya pergi melawat, saya kata, tidak apalah, saya ikhtiar Kerajaan akan lulus \$5,000 untuk alat perkakas untuk pasukan bomba ini dan mereka pun berasa seronok. Tetapi mengapa dan sebab apa saya bawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini ialah kerana berkali-kali saya minta kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya di tempat saya mesti wujud sebuah stesen bomba yang mana sangat perlu, penduduknya 70,000 lebih tiada satu stesen bomba yang ada. Tibalah masanya oleh kerana tempat itu selalu terjadi kebakaran bagi pihak Kementerian ini memberi satu stesen bomba kepada tempat saya itu iaitu di Pendang, kerana malam itu kalau hendak tunggu kereta bomba dari Sungai Petani atau dari Alor Setar mungkin 150 buah rumah di pekan Pendang akan terbakar habis jadi padang jarak, padang terkukur. Oleh itu saya mintalah kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini kalau tidak masuk dalam rancangan tolonglah beri satu stesen bomba ini di kawasan saya kerana rakyat di sana memerlukan sungguh, dengan adanya stesen bomba itu kita yakin dan percaya bahawa masalah kebakaran ini tidak akan melibatkan harta benda rakyat yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pernah menjadi pegawai Kerajaan selama 19 tahun tetapi akhir-akhir ini nampaknya banyak pegawai-pegawai Kerajaan kalau kita cakap dengan mereka banyak yang hendak berhenti kerja. Saya pun hairan fasal apa. Walhal kalau bekerja dengan Kerajaan adalah satu jawatan yang sungguh lumayan dan

mendapat layanan yang baik tetapi ada juga pegawai-pegawai kanan bersungut hendak berhenti kerja. Mungkin "pressure of work" begitu banyak sekali atau work load begitu banyak kepada mereka sehingga dalam fail yang kata "urgent" itu sudah tidak tahu yang mana lebih urgent, sudah semua tambun melimpah fail begitu tinggi, mungkin ini yang membosankan pegawai-pegawai kita yang hendak berhenti kerja, hendak masuk dalam business kononnya.

Sahabat-sahabat saya dalam jawatan Kerajaan, saya mintalah, ini pengalaman saya, hendak cerita, saya bekerja 19 tahun kerana semangat Dasar Ekonomi Baru begitu baik sekali, saya fikir keluar baik, jadi saya pun meninggalkan kerja Kerajaan menjadi orang business, bukan saya berhenti kerana hendak bertanding pilihanraya, saya berhenti hendak jadi orang berniaga. Berniaga pun teruk juga sahabat-sahabat saya, bukan begitu senang, bukan begitu mudah, mungkin juga perkara ini ada perkara victimisation, ada pegawai junior dia loncat atas pegawai yang senior, perkara-perkara semacam ini perlulah pihak-pihak Jabatan Perkhidmatan Awam melihat supaya jangan ada berlaku jumping, kalau kita bekerja lima tahun janganlah loncat sungguhpun dia efficient.

Walau bagaimanapun saya ucapkan setinggi tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana baru-baru ini diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara bahawa "incentive scheme" akan diintroducekan. Dengan adanya "incentive scheme" ini saya percaya banyaklah pegawai-pegawai Kerajaan seronok bekerja dengan Kerajaan kerana tuan-tuan juga memainkan peranan bersama dalam menjayakan Rancangan Malaysia Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan pressure of work dan work load dan sebagainya ingin saya menyarankan satu perkara iaitu di antara pegawai nombor satu, pegawai nombor dua, pegawai-pegawai Kerajaan ini mestilah menurun kuasa kepada orang yang nombor dua, nombor tiga dan sebagainya kerana kadang-kadang kalau kita tidak turunkan kuasa (delegation of powers) kepada subordinate; kita patut tanggung bersama, beban itu begitu berat kita

tanggung bersama dan Jawatankuasa Kabinet telahpun meluluskan di peringkat Kementerian, kita menyentuh di peringkat Menteri, ada Kementerian-kementerian yang tidak begitu berat diadakan dua Timbalan Menteri. Sebagai contoh Kementerian Penerangan ada dua Timbalan Menteri. Tetapi ada pula Kementerian yang begitu banyak sekali kerja contohnya Kementerian Perusahaan Awam, dia ada Menteri Wanita sungguhpun gigih, bersemangat, hanya ada Setiausaha Parlimen walhasil kalau kita lihat apa yang ditanggungjawabkan kepada Kementerian Perusahaan Awam ini adalah satu beban yang betul-betul memberi manfaat kepada kaum bumiputra, menjayakan Dasar Ekonomi Baru tetapi saya agak perkara ini perlu dikaji semula. Kementerian Pengangkutan dahulu ada dua Timbalan, sekarang satu Kementerian ini sungguh penting kepada rakyat. Kita mintalah kepada Perdana Menteri yang kita kasahi dan Timbalan Perdana Menteri yang kita sayangi supaya menyusun semula kedudukan di peringkat Kementerian menyusun bagi teratur, mengagihkan kerja bagi sama rata, janganlah beri setengah menjadi Timbalan Menteri tiada kerja, setengah Setiausaha Parlimen tiada kerja. Perkara-perkara seperti ini perlu disusun dan kalau kita di peringkat Kementerian disusun begitu elok, passkan kepada pegawai-pegawai ini, insya Allah dengan delegation of powers ini, berpakat, berunding sesama sendiri, percaya mempercayai di antara satu dengan lain, have confidence in your officers, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Yang Berhormat semenjak balik Haji ini banyak menggunakan perkataan Inggeris dalam Dewan ini (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, Inggeris ini pun kalau tidak dipolish sedikit-sedikit dia akan berkarat (*Ketawa*). Sebab itu saya kadang-kadang terpaksa masukkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi peraturan Mesyuarat kata minta izin dahulu, baru bercakap.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Walhal saya ini bercakap dahulu, baru minta izin? (*Ketawa*). Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat dalam Dewan yang mulia ini Yang Amat Berhormat ada mengatakan sikap haloba dan keterlaluan akan memusnahkan rancangan pembangunan rohani dan jasmani. Fahaman sempit, fahaman karut, fahaman fanatik perlulah disingkirkan kalau kita berkehendak di atas kejayaan Rancangan Malaysia Keempat ini.

Peristiwa berdarah di Balai Polis Batu Pahat kita harap janganlah berulang lagi. Peristiwa sepertimana yang berlaku kepada jiran tetangga kita merampas kapalterbang DC-9 Garuda datangnya ke Bayan Lepas itu juga kononnya dijalankan oleh kumpulan fanatik dan keterlaluan. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana DC-9 yang singgah di Bayan Lepas itu hanya betul-betul singgah dan di atas tindakan Kementerian ini untuk menghalau DC-9 Garuda itu keluar daripada negara kita perlu dapat sanjungan tinggi daripada seluruh rakyat di dalam negara Malaysia ini di atas kebijaksanaan, di atas tindakan yang diambil oleh mereka hanya memberi makanan dan minyak kemudian disuruh pergi. Itu adalah tindakan yang baik. Dan kita percaya lebih banyak tindakan-tindakan yang cepat dan segera dapat dijalankan oleh Kementerian ini supaya kejadian-kejadian yang macam itu tidak akan berlaku sepertimana yang berlaku di Bangkok. Walau bagaimanapun, kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada negara jiran tetangga kita kerana dapat menyelamatkan peristiwa yang malang itu dan kita harap minta dijauhi Allah perkara yang seumpama ini, janganlah sekali-kali berlaku di dalam negara kita.

Peristiwa kafir-mengkafir, pulau-memulau masih berleluasa di dalam kawasan pandalaman, ini juga dinamakan keterlaluan ataupun fahaman-fahaman fanatik. Dan akhir-akhir ini ada parti-parti politik menuduh Kerajaan Barisan Nasional melancarkan Amanah Saham Nasional ini kononnya Kerajaan sudah bankrap, ini juga keterlaluan maknanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negara Malaysia adalah sebuah negara yang ganjil (unik) di mata dunia kerana di seluruh dunia penyakit tekanan inflasi yang begitu tinggi tetapi negara Malaysia sungguhpun kena penyakit inflasi itu tetapi peratus penyakitnya masih rendah. Sebagai contohnya, ekonomi negara kita berkembang daripada 7% dalam tahun 1970 kepada 8.3% dalam tahun 1980. Dalam menjalankan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga terdapat 1.7 juta peluang pekerjaan kepada rakyat yang perlu kepada pekerjaan. Masalah tidak ada kerja (unemployment) tahun 1970 7.8% dan pada tahun 1980 peratusnya telah menurun kepada 5.3%. Negara kita dapat juga mengurangkan kemiskinan daripada 47.3% dalam tahun 1970 kepada 29.2% pada tahun 1980. Ini sungguh menarik semua pihak dan inilah yang menjadikan negara kita sebuah negara yang ganjil (unik) di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pemborong perlu ditinjau dan dikaji oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini kerana masalah pemborong masih menjadi masalah. Kekurangan tenaga mahir masih menjadi lebih kurang disebabkan banyak belia-belia kita ingin berhijrah ke Singapura kononnya mereka boleh dapat upah yang lebih dan mendapat kerja yang sempurna di sana. Kita harap kurangnya pemuda-pemuda kita berhijrah ke negara Singapura, inginlah saya menyarankan supaya pihak Imigeresen patutlah menetapkan satu-satu dasar supaya setiap rakyat Malaysia janganlah pergi bekerja lebih daripada 2 tahun di sana. Apabila pergi sahaja 2 tahun ke sana mestilah balik bertugas di dalam negara kita sendiri kerana di dalam negara kita juga saya ingin memberitahu kepada pemuda-pemuda ini bayaran ongkos untuk pekerjaan juga meningkat naik pada hari ini.

Masalah kewangan pemborong-pemborong selalu dibangkitkan oleh pemborong, bekalan menjadi satu perkara yang rumit. Saya percaya pihak Perbendaharaan dan juga pihak bank-bank sedang beriktihar untuk menyelesaikan masalah kewangan pemborong-pemborong ini tetapi masalah bekalan secara mana Kerajaan hendak menyelesaikan masalah

bekalan ini masih banyak masalah-masalah yang dibuat-buatkan oleh pembekal-pembekal besar ataupun kilang-kilang, seperti kilang simen, kilang besi, kilang papan dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya mintalah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Pegawai-pegawai Penguatkuasanya yang begitu banyak yang telah ada dan yang baru diambil supaya masalah bekalan bahan-bahan binaan ini janganlah kekurangan di dalam negara kita. Kalaulah bahan-bahan ini tidak diawasi dengan tepat saya khuatir apa yang dirancangkan oleh Kerajaan itu tidak akan tercapai kerana segala pembangunan, terutama sekali pembangunan bangunan-bangunan bergantung kepada bahan-bahan binaan. Oleh yang demikian saya mintalah melalui agensi-agensi yang diwujudkan oleh Kerajaan ini supaya mewujudkan satu stockpile barang-barang binaan di mana stockpile ini boleh membekalkan bahan-bahan binaan kepada mereka yang mendapat tawaran kerja daripada Kerajaan.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian ICUnya kerana mereka ada hendak mempercepatkan kerja-kerja pembangunan, khususnya daripada pembangunan dalam Kementerian Pertahanan kerana melalui ICU ini mereka sedang, saya baca suratkhbar 2-3 hari yang lepas, akan mengumpulkan kebolehan-kebolehan pakar di dalam negara kita sendiri mendaftarkan Akitek, Juru Ukur Bahan, Jurutera. Maka di sini dapatlah peluang bagi consultants ini mendaftarkan diri mereka dengan Jabatan Perdana Menteri dan cara yang akan dibuatkan oleh ICU ini kerja-kerjanya akan dibereskan dengan segera dengan pertolongan dan bantuan daripada consultants yang sedang dicari oleh Jabatan Perdana Menteri ini.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Kementerian Kewangan kerana menolong bumiputra tidak perlu lagi memasukkan wang cagaran (earnest money) apabila memasuki tender kerana ini adalah menjadi satu beban kepada kontraktor-kontraktor bumiputra ini dan dengan tidak diperlukannya lagi itu kita harap lebih banyak pemborong-pemborong bumiputra yang bertaraf A atau B boleh memasuki

banyak tawaran di masa akan datang dan janganlah pihak Kementerian berpuas hati di atas tindakan yang semacam itu kerana masalah pemborong ini masih banyak jadi masalah kepada mereka semua.

Peranan yang dimainkan oleh JKR di peringkat negeri penting dan saya ucapkan syabas dan atas inisiatif kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini kerana menyusun semula pentadbiran Jabatan Kerjaraya di peringkat negeri, daripada asalnya 3 daerah telah diwujudkan sehingga 7 daerah pada hari ini. Kita janganlah berpuas hati dengan adanya daerah-daerah tersebut, kita mesti juga melihat bahawa daerah-daerah itu mestilah dilengkapi dengan cukupnya jurutera, cukup pegawai-pegawai teknikal yang masih tidak cukup pada hari ini. Kalaulah jurutera ataupun pegawai-pegawai teknikal ini cukup, kemahiran mereka mestilah diberi begitu ketara sekali kalaulah mereka ini menjalankan tugas, terutama sekali jurutera baru keluar universiti ditempatkan di daerah-daerah, maka sudah tentu kita tak boleh harap banyak sangat pembangunan ataupun perubahan daripada jurutera-jurutera pelatih yang baru keluar daripada universiti. Oleh yang, demikian, dalam menempatkan pegawai-pegawai ini biarlah kita berharap supaya jurutera yang menjaga daerah itu biarlah jurutera yang berpengalaman dan berkebolehan yang sekurang-kurangnya 5 tahun pengalamannya di dalam menjalankan tugas. Selain daripada itu, kakitangan-kakitangan lain mestilah diwujudkan juga, tidaklah memadai kita hantar jurutera seorang, dialah juga jadi typist, dialah juga jadi kerani, maka kakitangan juga perlulah dilihat supaya tiap-tiap Pejabat JKR daerah itu dilengkapi dengan cukup kakitangan, daripada Peonnya sampailah kepada Ketua Keraninya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, bercakap hal JKR satu perkara penting yang saya perlu sebutkan di sini iaitu maintenance. Pihak JKR selalu membuatkan bangunan dan buat jalan tetapi mereka lupa maintenance juga begitu penting. Saya sebut

maintenance terutama sekali maintenance jalan.

Di kawasan saya sekarang ini nampaknya sangat susah bagi kita hendak menggunakan jalan ini kerana side tablenya tidak ada, begitu tinggi sekali di antara jalan dengan side tablenya, kadang-kadang accident selalu berlaku. Oleh yang demikian saya juga berhubung dengan JKR selalu bertanyakan mengapa maintenance tidak buat; dijawabnya tidak ada wang untuk maintenance. Oleh yang demikian di dalam Dewan yang mulia ini saya inginlah menyarankan bahawa di samping kita membina projek-projek baru kita juga mesti melihat bahawa kewangan untuk maintenancenya mestilah diberikan dengan secukupnya, tidak guna kita buat barang itu lepas dua tahun kita tidak boleh perbaiki maka akhirnya akan rosak semua. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Bruas.

6.11 ptg.

Tuan Ting Chek Ming (Bruas): Tuan Speaker, baru sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah membidas saya kerana menarik balik soalan yang saya kemukakan semalam. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu nampaknya tidak mengetahui Standing Orders di mana ada peruntukan seorang Ahli boleh menarik balik soalnya walaupun Tuan Speaker telah menerangkan kepadanya hakikat sebenarnya. Saya hairan bagaimana Ahli Yang Berhormat berkenaan boleh menyentuh perkara itu sedangkan saya telah menarik balik soalan saya. Beliau hendak mendapatkan publisiti murah sahaja.

Tuan Speaker, objektif-objektif dan rangka-rangka Rancangan Malaysia Keempat tahun 1981 - 1985 bertujuan untuk memastikan tercapainya objektif sosio-ekonomi dalam Dasar Ekonomi Baru. Sepertimana yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentuk untuk memupuk perpaduan nasional melalui objektif-objektif serampang dua mata iaitu membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi

menghapuskan identifikasi kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Objektif-objektif tersebut nampaknya adalah adil dan saksama kepada rakyat Malaysia yang selama ini berharap bahawa masalah-masalah sosio-ekonomi mereka sekurang-kurangnya akan dapat diperbaiki. Ini bererti rakyat Malaysia dari berbagai kaum akan dapat bersama-sama menikmati kek sosio-ekonomi setelah Malaysia mencapai kemerdekaannya dalam tahun 1957.

Dalam hubungan ini adalah menjadi tabiat Kerajaan Barisan Nasional untuk menyalahkan pihak penjajah British sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas kepincangan-kepincangan sosio-ekonomi yang masih wujud di Malaysia pada hari ini. Pertanyaan yang patut dikemukakan oleh rakyat Malaysia adalah apakah Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan semua objektif Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga secara saksama? Untuk mengetahui sama ada Kerajaan Barisan Nasional bersikap jujur dan saksama dalam melaksanakan matlamat-matlamat serampang dua mata rakyat Malaysia hanya perlu melihatkan perbuatan-perbuatan Kerajaan Barisan Nasional sebelum tahun 1981. Pelaksanaan dasar-dasar dan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga, telah jelas memperlihatkan kepada rakyat Malaysia bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sama dengan Kerajaan penjajah British sebelum 31hb Ogos, 1957.

Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah mendedahkan bagaimana Kerajaan Barisan Nasional telah menyeleweng dari objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga dan ini telah menipu rakyat Malaysia untuk mendapat bahagian adil dari kek sosio-ekonomi dari darsawarsa yang lampau.

Tuan Speaker, dalam tempoh 10 tahun yang lampau iaitu telah menyaksikan penyalahgunaan dan pencabulan Dasar Ekonomi Baru oleh segolongan kaum kapitalis UMNO-putra, MCA dan MIC dari Barisan Nasional. Mereka itu telah

menggunakan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru untuk mengkayakan diri mereka, sanak saudara dan kawan-kawan mereka. Akibatnya kumpulan-kumpulan istimewa itu sahaja yang mendapat keuntungan dari objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru. Orang-orang miskin bertambah miskin sedangkan orang-orang kaya bertambah kaya! Maka jarak di antara rakyat Malaysia yang miskin dengan golongan kapitalis dari UMNO telah diwujudkan dan sekarang bertambah jelas. Golongan UMNO-putra ini bersama-sama dengan persahabatan dari parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional yang lebih berminat untuk memperlingungi kepentingan-kepentingan ekonomi mereka di bawah objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru dan kini di bawah nama Rancangan Malaysia Keempat untuk mengabadikan kepentingan-kepentingan ekonomi dan bukan untuk faedah-faedah rakyat Malaysia yang miskin dengan tidak mengira kaum.

Saya menyeru semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras supaya bangun dan sedar akan tipu muslihat Barisan Nasional yang menyamar diri di bawah nama Dasar Ekonomi Baru sebelum keseluruhan ekonomi negara dirampas lagi oleh kaum-kaum kapitalis dari Barisan Nasional yang tidak bertanggungjawab dan hanya tahu mementingkan diri itu. Golongan kapitalis ini sangat suka menindas rakyat Malaysia yang miskin dan tidak berdosa dari menikmati kek ekonomi negara. Kita telah menyaksikan dalam darsawarsa yang lampau Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya memupuk dan membina kelas kapitalis Melayu dari UMNO. Saya mencabar UMNO-putra yang berada di dalam Dewan ini yang berani menafikan bahawa mereka tidak mendapat sebarang keuntungan selepas memasuki UMNO. UMNO-putra-UMNO-putra yang lebih aktif di dalam politik Malaysia akan lebih cepat memupuk kekayaan diri sendiri baik di dalam negeri mahupun di luar negeri semata-mata di bawah nama laporan dalam STAR bertarikh 27-3-1981.

Dasar Ekonomi Baru umpamanya Datuk Syed Kechik yang memiliki 30% daripada saham yang dikeluarkan oleh Development and Commercial Bank Berhad adalah pada

mulanya dihantar oleh UMNO-putra dalam USNO untuk menasihatkan Tun Mustapha di Sabah. Ini adalah secebis dari kekayaan yang telah dikumpulkan oleh Datuk Syed Kechik semasa beliau berkhidmat di bawah Tun Mustapha. Rakyat Malaysia yang berfikir waras patut menyoal dari mana dan bagaimana Datuk Syed Kechik mendapat kekayaannya. Apakah ini caranya untuk memenuhi objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga?

Saya percaya bahawa Datuk Syed Kechik tidak bersendirian dalam hal ini. Kalau Kerajaan Barisan Nasional itu bersikap jujur di dalam memenuhi objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru di bawah Rancangan Malaysia Keempat mereka mestilah dengan segera menghapuskan pemburu-pemburu kekayaan seperti Datuk Syed Kechik dan kumpulan beliau yang bilangannya kian bertambah dalam parti-parti komponen Barisan Nasional. DAP mengutuk sikap "jadi kaya" Kerajaan Barisan Nasional itu.

Rancangan-rancangan penempatan semula adalah contoh-contoh konkrit yang menunjukkan bagaimana objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru telah disalahgunakan secara sengaja dan diketepikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kriteria untuk memilih peneroka-peneroka untuk menyertai rancangan-rancangan tanah adalah berdasarkan kaum dan bukannya berdasarkan siapa yang miskin dan layak tanpa mengira kaum. Perbuatan itu telah dipersetujui secara diam-diam oleh parti-parti komponen Barisan Nasional seperti taukeh-taukeh MCA, GERAKAN dan MIC. Persahabatan tersebut adalah bermodalkan rakyat Malaysia bukan bumiputra yang miskin. Akibatnya lebih daripada 85% peneroka-peneroka itu terdiri daripada bumiputra yang kebanyakannya adalah ahli-ahli UMNO. DAP selalu mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional bahawa kemiskinan wujud di kalangan semua rakyat baik bumiputra mahupun bukan bumiputra. Oleh itu kriteria pemilihan peneroka-peneroka rancangan-rancangan tanah itu tidak seharusnya berdasarkan kaum.

Bolehkah taukeh-taukeh MCA, GERAKAN dan MIC memberikan sebarang bukti

bahawa mereka telah mengutuk UMNO-putra yang mengamalkan dasar perkauman dalam pemilihan peneroka-peneroka itu.

Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan tanah di negara ini datang dari pendapatan nasional dan mengapa rakyat bukan bumiputra yang dilahirkan dan dibesarkan di negara ini tetap juga miskin tidak diberikan peluang yang sama untuk dipilih bagi menyertai rancangan-rancangan tanah. Sebagai taukeh-taukeh MCA, MIC dan GERAKAN berani bercakap untuk membela nasib rakyat Malaysia bukan bumiputra yang miskin sedangkan taukeh-taukeh MCA mendakwa bahawa mereka itu mewakili 5 juta kaum Cina di Malaysia. Dakwaan demikian semata-mata untuk mengekalkan kekayaan diri mereka.

Satu contoh yang jelas ialah pembelian 51% saham keluaran UMBC oleh Multi-Purpose Holdings Bhd. yang menjadi kumpulan penanaman modal taukeh MCA. Baharu-baharu ini pertunjukan sarkas antara MCA dan UMNO yang diwakili oleh Yang Berhormat Dato Haji Mohamed Suhaimi yang telah menjadi popular kerana menukarkan isu itu kepada isu sensitif dan isu perkauman. Manakala taukeh-taukeh besar MCA tetap berdiam diri dan mereka itu menggunakan taukeh-taukeh kecil mengeluarkan kenyataan akhbar. Apakah taukeh-taukeh besar MCA itu tetap membisu terhadap bantahan Yang Berhormat Dato Haji Mohamed Suhaimi, kalau dakwaan mereka mewakili 5 juta rakyat Malaysia berbangsa Cina itu adalah benar. Saya mencabar taukeh-taukeh MCA untuk mengumumkan senarai pemegang-pemegang saham Multi-Purpose Holdings Bhd. supaya rakyat Malaysia akan dapat mengetahui bilangannya dan juga siapakah pemegang-pemegang saham itu.

Tuan Yang di-Pertua, semakin ramai rakyat Malaysia yang muda dipaksa pergi ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti dan maktab-maktab. Hal ini disedari Kerajaan Barisan Nasional, terutamanya Menteri Pelajaran. Bagaimanapun Kerajaan Barisan Nasional tetap tidak peduli akan permintaan-permintaan rakyat Malaysia yang muda untuk belajar di institusi-institusi pengajian

tinggi dalam negeri. Rancangan Malaysia Keempat tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti lagi supaya rakyat Malaysia, terutamanya kaum bukan bumiputra akan berpeluang untuk belajar di universiti-universiti tempatan. Oleh itu, rancangan Malaysia Keempat juga meniadakan hak rakyat Malaysia untuk menerima pelajaran di universiti-universiti tempatan. Sementara itu taukeh-taukeh MCA, GERAKAN dan MIC berkemampuan menghantar anak-anak mereka ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka. Manakala kebanyakan rakyat Malaysia yang miskin tetap dinafikan hak-hak mereka untuk menerima pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan kerana tempat-tempat institusi-institusi pengajian tinggi adalah terhad kepada rakyat Malaysia bukan bumiputra. Masalah ini tidak berubah seperti merampas masa depan dan hak-hak orang Malaysia yang muda untuk menjadi rakyat di negara ini. Rakyat Malaysia yang berfikiran waras berharap Kerajaan Barisan Nasional sekurang-kurangnya menubuhkan sebuah universiti di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk menempatkan pengambilan penuntut-penuntut untuk memasuki universiti-universiti tempatan. Oleh itu, DAP mencadangkan supaya Rancangan Malaysia Keempat dipinda untuk memasukkan sekurang-kurangnya penubuhan sebuah universiti tempatan. Penolakan dari Kerajaan Barisan Nasional hanya akan memburukkan kekecewaan rakyat Malaysia, terutama penuntut-penuntut bukan bumiputra bahkan juga menafikan mereka daripada menikmati masa depan yang sama cerah di bumi Malaysia.

Dalam 10 tahun yang lalu dasar pelajaran pengambilan penuntut-penuntut ke dalam universiti-universiti dan maktab-maktab itu dibuat mengikut kaum dan bukan dibuat dengan mengikut kepujian. Ini telah menyinggung hati rakyat Malaysia yang berfikiran waras dan penuntut-penuntut bukan bumiputra yang telah dinafikan peluang-peluang untuk mendapat pendidikan tinggi. Kalau langkah-langkah pembedaan tidak diambil dengan segera untuk membetulkan pengambilan penuntut ke

dalam universiti-universiti dan maktab-maktab rakyat Malaysia, terutamanya kaum bukan bumiputra tidak akan memaafkan Kerajaan Barisan Nasional kerana telah menafikan dan menghalang mereka untuk mendapat pelajaran tinggi. Kegagalan dan kelalaian Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan peluang yang sama kepada semua rakyat Malaysia, terutama rakyat bukan bumiputra untuk melanjutkan pelajaran mereka telah mendedahkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah takut kepada UMNO-putra yang telah memilih untuk menindas dan menekan rakyat bukan bumiputra. Nyatalah bahawa persahabatan antara UMNO, taukeh MCA, GERAKAN dan MIC itu telah menjual hak-hak bukan bumiputra untuk menerima pelajaran tinggi. Oleh itu, Rancangan Malaysia Keempat telah menghancurkan harapan rakyat Malaysia yang ingin mendapat pelajaran tinggi dan Kerajaan Barisan Nasional adalah bertanggungjawab ke atas akibat-akibat yang mungkin timbul di kalangan rakyat Malaysia yang tidak berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa terdapat ketiadaan penyelarasan dalam pelaksanaan dasar-dasar perumahan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri kerana Kementerian Perumahan tidak tahu sama ada Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar-dasar perumahan yang dirancangan oleh Kementerian Perumahan. Hal ini telah diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa menjawab soalan-soalan di sidang Parlimen yang lalu. Ini menunjukkan bahawa pemberian perangkaan sahaja tidak dapat mengatasi masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lagi panjang hendak berucap?

Tuan Ting Chek Ming: Ada lebih kurang 10 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh disambungkan lagi esok. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 2hb April, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.